



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
- Ahli-ahli Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 3)
- Memperkenankan Akta-Akta	(Halaman 4)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara	(Halaman 4)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 5)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014	(Halaman 21)
USUL:	
Ucapan Penangguhan	
- Masalah Sisa Nuklear Malaysia <i>YB Senator Dr. Syed Husin Ali</i>	(Halaman 64)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
9. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
12. “ Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
15. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
17. “ Datuk Chiew Lian Keng (Dilantik)
18. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
19. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
20. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
26. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
28. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
33. “ Dato' Lee Chee Leong (Perak)
34. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)

35. Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
36. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. " Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
40. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
42. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
43. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
44. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
45. " Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
50. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
51. " Datuk Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
52. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
53. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
55. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
56. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
57. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
61. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
62. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Mulyati binti Kamarudin

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 23 Jun 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Hou Kok Chun;
2. Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen;
3. Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; dan
4. Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Selamat pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Hou Kok Chun;
2. Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen;
3. Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; dan
4. Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman.

■1010

Ahli Yang Berhormat, saya dapati keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang baru saja mengangkat sumpah sebentar tadi tergolong pada kumpulan parti-parti yang dalam komponen. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat, saya ucapkan tahniah untuk menjadi salah seorang Ahli Dewan Negara ataupun salah seorang daripada Senator, *Senate* Malaysia, dengan izin, dan selaku wakil-wakil parti memang saya percaya jasanya ingin menyumbangkan perjuangan parti masing-masing. Semua parti dan kita ada dua kategori dalam Dewan Negara ini. Satu daripada Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga daripada pelantikan daripada oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan parti-parti yang berkenaan itu mengikut parti masing-masing.

Dalam konteks ini saya ingin mengingatkan diri saya dan juga berkongsi pendapat, apabila setiap Ahli Dewan Negara telah mengangkat sumpah sebagaimana ikrar yang taat setia yang baru saja dilafazkan sebentar tadi, cuba hayati apa yang Yang Berhormat semua telah katakan. Menumpukan taat setia tanpa belah bahagi pada Malaysia, yang pertama.

Yang kedua, mempertahankan, melindungi Perlembagaan Negara. Ini bermakna bahawa Yang Berhormat apabila sudah mengangkat sumpah menjadi salah seorang Ahli Dewan Negara, lupakan politik yang berlaku di luar. Bila masuk saja ke dalam Dewan, Yang Berhormat adalah tergolong kepada satu kumpulan Ahli Dewan Negara yang menumpukan taat setia, fokus kepada khidmat bakti, sumbangan kepada rakyat dan negara.

Kalau sekiranya sentimen perasaan *personal*, dengan izin, dan kaum, ini tidak melambangkan kedewasaan kerana saya telah bercakap banyak kali di Dewan yang mulia ini, kita ingin melihat dan menjadikan Dewan Negara sebagai satu Dewan Negara yang memartabatkan Dewan Negara dan memperkasakan Dewan Negara. Kita ingin melihat bahawa kita ada dua peringkat, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Peranan Dewan Rakyat mewakili semua rakyat, dipilih dalam pilihan raya. Yang Berhormat tidak dipilih dalam pilihan raya. Bermakna, apabila Parlimen dibubarkan pun tapi Dewan Negara tidak terbubar, ini saya hendak maklumkan. Dalam konteks ini Yang Berhormat fokus, tumpukan untuk menyumbangkan idea-idea, sumbangan-sumbangan bernas, relevan untuk kebaikan rakyat dan negara.

Saya tidak ingin melihat kalau boleh janganlah jadikan sebagaimana setengah-setengah Dewan yang rasa tidak menghormati langsung Dewan yang mulia ini. Saya memandang semuanya Ahli Dewan Negara ada satu saja dan semuanya mesti fokus kepada kebaikan rakyat dan Yang Berhormat semua ada hanya terhad saja. Kalau bergantung kepada parti-parti masing-masing ada satu *term* saja atau sepenggal ataupun ada separuh itu dua penggal. Ini terpulang kepada masing-masing. Walau bagaimanapun, walau sekejap mana sekalipun Yang Berhormat berada dalam Dewan Negara ini, Yang Berhormat mesti menunjukkan taat setia, ikrar sebagaimana yang dilafazkan sebentar tadi.

Juga saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa Perkara 45. Kita ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun Dewan Undangan Negeri selama satu penggal ataupun dua penggal. Dalam konteks ini saya fikir tumpukan sepenuh masa dan cuba elakkan perkara-perkara seperti berikutlah. Apabila sebut saja Perlembagaan Negara, ada beberapa perkara yang saya fikir pada masa-masa kebelakangan ini telah menampakkan kelonggaran dan kerapuhan pemahaman setengah-setengah wakil rakyat atau Ahli-ahli Dewan Parlimen. Contohnya, Perkara 3 - Perlembagaan yang mana agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Jangan berhenti situ saja tetapi dan juga agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

Ini penting. Inilah caranya kita semenjak kita merdeka lagi, perpaduan kaum, perpaduan kemajuan negara sama ada politik ataupun bidang ekonomi hingga ke hari ini jangan dipolitikkan dalam Dewan. Ini saya nampak perkara ini kadangkala menimbulkan permasalahan yang boleh menggugat keselamatan dan keharmonian negara kita dan juga daripada segi Perkara 152, 153. Ia ada dalam Perlembagaan Persekutuan yang saya harap Yang Berhormat fahami, baca balik, dan juga saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat kepada Peraturan-peraturan Majlis Dewan. Jelas menunjukkan bahawa apabila Yang Berhormat berada dalam Dewan, Yang Berhormat mesti menghormati dan ada semangat kebertanggungjawaban kepada diri sendiri dan juga kepada Dewan.

Bermakna, peraturan itu apabila seseorang bangun, hanya seorang saja dibenarkan berdiri kecuali ada perkara-perkara yang hendak mencelah, hendak minta penjelasan ataupun menarik ataupun *point of order*. Ini mesti difahami kepada Yang Berhormat, khususnya yang baru-baru inilah. Akan tetapi ada yang saya fikir ramai juga yang baru, sudah pernah jadi Timbalan Menteri, datang ke sini, Yang Berhormat mesti tunjuk teladan yang baik dan apabila soalan-soalan, saya ingin menarik perhatian, jangan buang-buang masa yang kadang-kadang meleret-leret tidak tentu arah. Cuba fokus kepada soalan dan jawab juga, kementerian pun jawab mengikut soalan yang dijawab dan soalan tambahan itu, itulah letaknya kebijaksanaan Yang Berhormat semua untuk mengeluarkan pendapat.

Saya selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan mempunyai tanggungjawab untuk menentukan masa yang terhad. Gunakan masa itu sebaik-baiknya sekali dalam kebijaksanaan dan juga sebagaimana yang saya sebut tadi, marilah kita sama-sama dengan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat dapat kita memperkasakan dan memartabatkan Dewan yang mulia ini. Sekian, maka itu selesailah sudah majlis mengangkat sumpah kita pada hari ini.

PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan bertarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 26 Mei 2014:

- Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Sila bangun.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini orang muda, orang yang berpelajaran. Saya harap Yang Berhormat boleh menyumbang dengan baik, dan pelantikan yang kedua,

- Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: *[Bangun][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Nama pun "Prof. Datuk Dr." Ini menunjukkan badan Dewan kita ini mempunyai pelbagai profesion, dan saya harap Yang Berhormat Proffesor pun sumbangkan kepada Dewan yang lebih baik lagi.

Pada tanggal 30 Mei 2014:

- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus;
- Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader;
- Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin;
- Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim;
- Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan
- Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Semua bangun, sila.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: *[Bangun]*

Datuk Chin Su Phin: *[Bangun]*

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *[Bangun]*

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *[Bangun]*

Kalau tengok muka-muka ini, ada empat orang, orang lama jadi sebagai ditambah lagi satu penggal, penggal kedua. Yang sebelah dua orang ini, orang baru dan pada orang lama, jangan terus mempertingkatkan prestasi Yang Berhormat semua ya dan pada yang baru segera memahami peraturan dan jangan segan silu terlibat dalam semua perbahasan. Sekian, terima kasih.

■1020

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan 2013 (2014);
2. Akta Saraan Hakim 2014; dan
3. Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 Jun 2014

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014;
2. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014;
4. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014;
5. Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Pindaan) 2014; dan
6. Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUAN DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mulakan sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawap Lisan. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Kita lihat banyak soalan tiap-tiap hari. Kita biasanya boleh menjawab lebih kurang sepuluh hingga 12 soalan sahaja.

Oleh demikian, saya memohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat terus buat soalan dan juga pihak kementerian jawab mengikut soalan yang dibangkitkan. Tambahan itu nanti pun mesti relevan kepada tajuk yang telah pun dibangkitkan.

1. Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, langkah kementerian membanteras gejala penyelewengan subsidi diesel yang semakin parah sehingga terdapatnya laporan ia menyebabkan kerajaan kerugian hampir RM2 bilion setahun serta penglibatan anggota agensi penguat kuasa sendiri termasuk persatuan nelayan dan syarikat yang berselindung di sebalik perniagaan lain.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai memberi perhatian mengenai dengan ketirisan dan juga penyelewengan diesel bersubsidi yang berlaku terutama di negeri-negeri sempadan dan juga di seluruh negara.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan secara bersekali dengan 15 soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Maryani, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin Samad pada hari ini dan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon pada 24 Jun, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang pada 25 Jun, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan pada 26 Jun, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat pada 30 Jun, dan akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal pada 1 Julai.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, semua soalan ini menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu mengenai dengan penyelewengan diesel bersubsidi.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedar bahawa aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi ini amat sukar untuk dihapuskan secara menyeluruh selagi wujudnya jurang harga yang sangat besar antara pasaran domestik dan antarabangsa. Keadaan ini berlaku kerana harga minyak diesel di negara ini diberi subsidi yang begitu tinggi oleh kerajaan supaya rakyat dapat menikmati harga yang lebih murah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan nilai kerugian akibat aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi.

Mengenai dengan kenyataan Tuan Haji Ahamad yang mendakwa terdapat laporan yang mengatakan bahawa kerugian hampir RM2 bilion setiap tahun disebabkan oleh aktiviti penyelewengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tidak dapat hendak mengesahkan kerana tiada fakta yang menyokong kenyataan tersebut. Adalah sukar untuk kementerian menyatakan secara tepat jumlah sebenar minyak diesel yang telah diselewengkan kerana seleweng ini Yang Berhormat taulah, kadang-kadang kita tidak akan dapat yang sudah terlepas dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada kes-kes yang telah diambil serta jumlah rampasan yang telah dibuat ke atas bahan api tersebut dari tahun 2009 hingga 2013 yang lalu, jumlah diesel yang dikesan telah diselewengkan sebanyak 22.77 juta liter yang dianggarkan bernilai hampir RM42.5 juta. Itu yang ada kes-kes, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan langkah-langkah menghalang penyelewengan diesel bersubsidi, berbagai-bagai langkah telah kita ambil untuk menghalang penyelewengan diesel bersubsidi daripada berlaku. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mengehadikan waktu operasi stesen minyak di kawasan sempadan hingga jam sepuluh malam dan penjualan diesel kepada kenderaan asing tidak melebihi 20 liter sahaja dalam lingkungan 50 kilometer daripada sempadan;
- (ii) mengawal dan juga menetapkan kuota asas jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak;
- (iii) mewartakan minyak diesel sebagai barangan larangan eksport di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang dikuatkuasakan mulai tahun 2011; dan
- (iv) mengambil tindakan undang-undang ke atas penjenayah yang menyeleweng diesel bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan menggerakkan operasi secara bersepadu iaitu Ops Titik di bawah Jawatankuasa Membanteras Penyelewengan Bahan Petroleum Bersubsidi serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan di bawah pasukan petugas khas Jabatan Peguam Negara.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melaksanakan mekanisme lain bagi mengekang aktiviti penyelewengan ini. Tindakan yang terbaru adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan penguatkuasaan secara besar-besaran di seluruh negara melalui Ops Titik yang selalu kita dengar kebelakangan ini yang telah kita lancarkan pada 15 Mei 2014 yang lalu serta tindakan penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, KDRM (Kastam Diraja Malaysia), APMM, SPRM serta pihak berkuasa tempatan;
- (ii) membatalkan kebenaran untuk memasarkan dan mengedar secara *bunkering* di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan juga lesen borong petrol dan diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang beroperasi di jeti-jeti persendirian yang terdapat di seluruh negara;
- (iii) membekukan dengan serta-merta pengeluaran kebenaran memasarkan dan mengedar secara *bunkering* di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan juga lesen borong petrol dan diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961

■1030

- (iv) mengambil tindakan untuk menambah baik peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa dan juga peruntukan penalti yang agak lebih berat;

- (v) mengehendkan kuota jualan petrol RON95 sebanyak 600,000 liter sebulan ke atas stesen-stesen minyak dalam radius 25 kilometer dari sempadan negara bermula di negeri Kelantan dan kita berkuat kuasa mengehendkan jualan ini ialah mulai pada 1 Jun 2014 yang lalu. Langkah ini sedang kita kaji untuk kita diperluaskan ke atas mana-mana stesen minyak sekiranya terfikir perlu. Walaupun di luar radius 25 kilometer di sempadan dan juga di negeri-negeri yang lain selain dari Kelantan iaitu negeri yang bersempadan seperti Kedah, Perlis dan juga Perak; dan
- (vi) menimbang langkah-langkah lain yang lebih efektif termasuklah memperkenalkan sistem pengagihan subsidi yang tersasar.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga soalan mengenai dengan keberkesanan Ops Titik yang saya sebut awal tadi. Dalam tempoh 28 hari Ops Titik ini bermula, digerakkan serta sokongan daripada semua dan juga operasi-operasi lain yang dilakukan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan. Impak agak positif yang telah dihasilkan sebelum ini kerap berlaku terutamanya kejadian *stock up* sebelum ini di stesen-stesen minyak yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir-akhir bulan kini sudah berkurangan.

Kita tak dengar lagi dah kebelakangan ini ada *stock up* yang agak keterlaluan seperti sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa operasi sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang membanggakan dan kementerian amat berharap agar tindakan yang berterusan ini akan dapat dilakukan dan mengurangkan jumlah kuantiti bahan, petrol, diesel dan gas petroleum cecair yang diberi subsidi akan berkurangan pada penghujung tahun 2014 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga soalan mengenai hukuman kepada pesalah yang menyeleweng diesel bersubsidi. Untuk makluman Dewan, sekiranya seseorang individu atau sebuah syarikat melakukan kesalahan, mereka boleh didenda mengikut seksyen 22, Akta Kawalan Bekalan 1961. Pertamanya, mana-mana orang perseorangan termasuk pegawai satu badan korporat syarikat atau perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah akta ini, apabila disabitkan boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan yang kedua, didenda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Itu bagi orang perseorangan. Bagi setiap badan korporat ataupun syarikat perbadanan atau perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah akta ini, apabila disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM250,000 dan bagi kesalahan kedua tidak melebihi RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga soalan mengenai dengan penglibatan anggota penguat kuasa KPDNKK dalam aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi. Untuk makluman Dewan, kementerian sentiasa memandang serius akan dakwaan-dakwaan yang mengaitkan penglibatan pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian dalam isu penyelewengan diesel bersubsidi di negara ini. Berhubung dengan laporan Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM) baru-baru ini, pegawai penguat kuasa yang dirujuk bukanlah pegawai penguat kuasa daripada kementerian ini, ini untuk makluman Dewan. Isu penyeludupan dan juga penyelewengan diesel bersubsidi ini bukan hanya melibatkan kementerian ini sahaja tetapi beberapa buah agensi kerajaan lain juga ada berperanan memainkan peranan masing-masing.

So bagi KPDNKK, dari segi kementerian, kita tidak bertolak ansur dengan mana-mana pegawai yang salah laku dan terlibat dengan rasuah. *In shaa-Allah* kerjasama erat dijalin dengan SPRM bagi memastikan tindakan undang-undang diambil ke atas mana-mana pegawai yang didapati terlibat dengan rasuah.

Di samping itu, sebagai tindakan kawalan dan pencegahan, kementerian turut membuat pemantauan dalaman dengan kita mewujudkan bahagian integriti yang dianggotai oleh pegawai SPRM serta membuat pusingan kerja di atas pegawai-pegawai penguat kuasa atau tidak berada begitu lama di satu-satu tempat. Kita buat pertukaran pegawai-pegawai dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk mengekang penglibatan penguat kuasa ini.

Jadi mengikut rekod Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini tiada anggota penguat kuasa daripada KPDKK yang didapati bersalah atau ditahan kerana terlibat dengan sindiket penyelewengan diesel bersubsidi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kejadian pegawai-pegawai penguat kuasa disogok dengan rasuah tetapi ia telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. *In shaa-Allah* sekiranya dapat ditangkap, kita akan ambil tindakan dan kita menghargai keperibadian tinggi pegawai-pegawai yang menolak rasuah ini. *In shaa-Allah* kita akan memberi kerjasama kepada SPRM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan daripada Tuan Haji Ahamat bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop: Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya dan juga beberapa soalan rakan-rakan lain tentang isu ini dengan baik dan panjang lebar. Usaha kerajaan yang amat bersungguh-sungguh untuk mengatasi isu penyelewengan diesel ini. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan dua perkara. Satu, mengenai kenyataan Pengerusi PAC dalam akhbar baru-baru ini, Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, *Utusan Malaysia*, Jumaat, 20 Jun 2014 menyebut bahawa terdapat beberapa kelemahan di pihak kementerian dalam isu yang sama.

Pertama, aduan masih lagi dibuat secara konvensional. Kedua, tidak memanfaatkan penggunaan IT sepenuhnya dalam mengesan dan memantau penyelewengan diesel ini sehinggakan umpamanya disebut contoh penggunaan *fleet card* yang dikeluarkan oleh stesen minyak yang berkali-kali, berulang-ulang kali digunakan oleh seseorang itu.

Kedua, Yang Berhormat Menteri tadi menyebut tentang jurang perbezaan harga antara diesel di Malaysia dengan negara jiran. Kita menjual diesel pada harga RM2 seliter, Thailand RM3.06 sen, Singapura RM4.32 sen, Indonesia RM3.43 sen dan Filipina RM4.32 sen. Bagus Kerajaan Malaysia ini, RM2 sahaja satu liter. Akan tetapi niat kerajaan tadi telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak hingga berlaku penyelewengan yang merugikan.

Soalan saya dalam isu ini, apakah usaha Kerajaan Malaysia dalam kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN yang saya sebutkan tadi, untuk mengadakan satu kerjasama menyeragamkan atau untuk menyelaraskan harga diesel ini tadi dan juga petrol supaya tidak berlaku dengan begitu berleluasa penyeludupan diesel dan juga petrol ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan soalan tambahan mengenai dengan kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi PAC mengenai dengan kelemahan aduan cara konvensional yang selama ini dibuat oleh kementerian, supaya pengadu-pengadu dapat mengadu kepada kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, kementerian kita telah wujudkan saluran-saluran aduan umpamanya *1Malaysia One Call Center* (1MOCC) dengan nombor dia 03-8000-8000. Yang ini Biro Aduan Awam yang melibatkan semua kementerian. Khusus untuk kementerian, kita ada *hotline* membuat aduan iaitu 1-800-886-800 dan yang keduanya, laman web iaitu <http://www.kpdnkk.gov.my>.

■1040

Itu mengenai dengan laman web yang boleh diambil oleh pengadu-pengadu untuk membuat aduan. Satu lagi ialah e-aduan. E-aduan ini <http://e-aduan.kpdnkk.gov.my>. E-mel kita pun ada iaitu e-aduan@kpdnkk.gov.my. SMS pun boleh Yang Berhormat iaitu kepada 15888 dengan menaip KPDKK ADUAN, selepas itu butiran harus diberikan.

Jadi selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua ialah pengadu-pengadu boleh juga hadir di mana-mana Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang ada di daerah dan juga di negeri-negeri. Itu mengenai dengan aduan-aduan yang kita mengikut perkembangan masa kini walaupun sebelum ini ialah secara konvensional isi borang dan sebagainya. Sekarang ini tidak perlu lagi untuk pergi ke agensi ataupun pejabat-pejabat kementerian tetapi memadai dengan saluran-saluran yang telah kita sediakan di kementerian.

Mengenai dengan- Yang Berhormat sebut juga *fleet card*. Untuk makluman *fleet card* ini kita beri kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja kerana mengikut *fleet card* ini ialah subsidi yang kita beri ialah subsidi yang di bawah daripada harga subsidi yang biasa.

Cuma kita beri *fleet card* ini Tuan Yang di-Pertua ialah kepada bas sekolah, bas ekspres, bas berhenti-henti, bas mini, bas pengantara, kereta sewa, teksi, van mayat, ambulans dan juga bomba sukarela yang mendapat kemudahan *fleet card* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ketiganya mengenai dengan kerjasama negara-negara jiran.

Sekarang ini kementerian kita tidak mengadakan kerjasama dengan negara-negara luar kerana kita tahu seperti Yang Berhormat sebut tadi, di negara kita harga diesel memang diberi subsidi oleh kerajaan dan harga di negara-negara jiran contohnya di Singapura dan juga di Thailand harganya begitu tinggi. Sebab itu minyak-minyak subsidi ini telah diselewengkan sebegitu rupa. Akan tetapi *In shaa-Allah*, dengan penguat kuasa yang telah kita wujud sekarang ini dan kita sudah nampak perubahan melalui Ops Titik dan banyak jumlah rampasan yang telah kita buat. Kita yakin kita akan dapat membanteras penyelewengan subsidi minyak bersubsidi yang berlaku di seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa telah memberi jawapan yang cukup panjang lebar tentang prosedur dan langkah-langkah yang sepatutnya diambil terhadap apa yang saya panggil sebagai tindakan penjualan haram minyak diesel ini dengan izin saya dibenarkan menggunakan istilah itu. Akan tetapi yang saya berminat Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin tahu bila dan apakah tindakan konkrit yang terakhir, dengan izin, *the latest concrete actions*, dengan izin, yang diambil oleh kerajaan terhadap isu penyelewengan penjualan haram minyak diesel ini? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang seksyen 22. Bilakah kali terakhir seksyen 22 ini dilaksanakan? Ertinya saya mengharapkan selain daripada tatacara, prosedur, langkah ini dan langkah itu yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu langkah konkrit terakhir, *the latest concrete action*, dengan izin, yang telah dilakukan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan soalan tambahan daripada segi langkah-langkah dan juga tindakan konkrit yang diambil. Seperti yang saya sebutkan awal tadi selain daripada pendakwaan yang kita buat, kita juga sekarang ini cuma operasi Ops Titik yang kita mendapat kerjasama dengan Jabatan Peguam Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Ops Titik ini kita telah membuat begitu banyak rampasan bukan hanya setakat minyak yang telah kita ambil ataupun kita kesan daripada penyelewengan ini tetapi juga sehingga kepada harta-harta yang telah diperolehi, dimiliki oleh pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga ini.

Ini kerana kita rasa mungkin daripada penyelewengan minyak subsidi ini dan mereka boleh mengumpul harta-harta dan juga wang tunai di bank dan sebagainya, kita telah membuat rampasan menyita segala harta dan juga kewangan yang terdapat di dalam akaun milik ataupun pengusaha-pengusaha minyak ini. Itu langkah-langkah yang terakhir yang telah kita ambil dan kesannya.

Selain daripada itu, perbincangan juga ada dibuat di Jabatan Perdana Menteri untuk melihat sama ada supaya subsidi ini boleh diambil sesuatu tindakan ataupun perubahan kerana seperti yang disebut tadi, harga subsidi di dalam negara dengan negara jiran begitu jauh.

Akan tetapi sekarang ini perbincangan sudah pun dibuat oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan untuk melihat semula subsidi yang telah diberi melalui minyak ini. Jadi mungkin sesuatu keputusan akan dibuat untuk kita dapat mengekang penyelewengan minyak subsidi ini. Itu tindakan yang hari ini dalam perbincangan di Kementerian Kewangan dan juga di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya hendak tahu tarikh tindakan itu dibuat, itu sahaja. Bila tarikh tindakan dan kuantum yang terakhir. Itu sahaja yang saya hendak yang saya rasa tidak terlalu susah, cuma Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu. Yang Berhormat soal, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Sama ada betul atau tidak betul itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti bertanggungjawab dalam apa perkara Yang Berhormat jawab tetapi hendak tambah lagi minta maaf Yang Berhormat. Kita baru satu soalan sahaja hari ini. So, lepas ini berundinglah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2. **Tuan Chong Sin Woon** minta Menteri Pendidikan menyatakan, ketetapan perkataan-perkataan yang diterjemahkan kepada Bahasa Melayu dari bahasa Inggeris, contohnya "*success*" kepada "sukses", "*alternative*" kepada "alternatif". Adakah Kementerian akan menggalakkan penggunaan perkataan bahasa Inggeris bagi menggantikan perkataan Bahasa Malaysia dalam sukatan pelajaran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chong atas soalan yang berkaitan dengan penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada dasarnya penggunaan perkataan Inggeris tidak digalakkan dalam sukatan pelajaran seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dalam Malaysia, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia iaitu bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, bagi perkataan atau istilah asing yang telah mengalami perubahan daripada segi ejaan dan menepati sistem ejaan rumi Bahasa Melayu, perkataan tersebut boleh digunakan sekiranya perkataan dalam Bahasa Melayu tidak dapat memenuhi maksud yang hendak disampaikan. Namun perkataan Bahasa Melayu lebih diutamakan. Contoh, dua perkataan yang berasal daripada bahasa Inggeris- "*success*" dan "*alternative*", dengan izin, yang telah terserap ke dalam Bahasa Melayu sebagai "*sukses*" dan "*alternatif*" telah mengalami perubahan dari segi ejaannya yang menepati sistem ejaan rumi Bahasa Melayu. Akan tetapi perkataan tersebut tidak digalakkan penggunaannya dalam situasi rasmi kerana perkataan kejayaan bagi sukses dan pilihan untuk alternatif ialah menepati maksud yang hendak disampaikan. Oleh itu, perkataan Bahasa Melayu lebih diutamakan penggunaannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti mana yang dijawab oleh kementerian bahawa kementerian ataupun kerajaan tidak menggalakkan penggunaan istilah-istilah bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu walaupun telah diterima dalam sukatan, kita bukan sahaja- dua contoh itu "*sukses*" yang mana sudah ada satu perkataan Melayu iaitu "*kejayaan*" atau "*jaya*" yang sudah memberikan maksud yang sangat jelas.

■1050

Bukan sahaja itu, contohnya kriteria yang dalam Bahasa Melayu kita ada ukuran ataupun *extreme* dalam Bahasa Melayu kita ada keterlaluan, dalam bahasa *access* kita ada capaian. Saya tidak faham dalam bahasa *parking* kita sekarang mula ada menggunakan parkir. Tidak tahu bahasa Indonesiakah, Bahasa Melayu. Itu bila kita nampak perkara-perkara pencemaran bahasa yang semakin menjadi di dalam negara ini apabila kita mengadakan satu lawatan ke Beijing sempena hubungan diplomatik 40 tahun. Kita melihat bagaimana pelajar-pelajar China mempelajari Bahasa Melayu dengan menggunakan Bahasa Melayu yang begitu cantik. Akan tetapi di tanah air kita, kita menggunakan pelbagai bahasa-bahasa Inggeris untuk bercampur menjadikan bahasa kita 'bahasa rojak'.

Tadi baru saya *browse*. Tengok "*browse*" pun saya guna bahasa Inggeris, *Google* tadi. Dapat satu pantun yang saya hendak bacakan di sini.

*Dari Benta ke Kota Gelanggi,
Singgah di Jengka memberi taman,
Bahasa kita martabatnya tinggi,
Lingua franca zaman berzaman.*

Saya minta penjelasan kementerian kalau jawapan tadi bahawa kita tidak menggalakkan penggunaannya, adakah kita akan lebih memartabatkan Bahasa Kebangsaan kita dalam sukatan pelajaran pendidikan kita supaya perkataan-perkataan seperti sukses walaupun sudah diterima tidak akan diadakan dalam teks buku rasmi pembelajaran kita. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia memantapkan kegunaan Bahasa Malaysia.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 2013, memang satu inisiatif MBMMBI atau Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris sudah dilaksanakan. Memang ini menjadi satu tanggungjawab yang begitu berat di mana aktiviti-aktiviti untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Malaysia sudah dilaksanakan bukan hanya di peringkat sekolah tetapi di peringkat daerah, peringkat negeri dan kebangsaan.

Contoh program-program yang dianjurkan atau yang dijalankan ada berkaitan dengan memartabatkan Bahasa Malaysia seperti bahas drama, pertandingan, pidato dan lain-lain. Salah satu usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Malaysia satu peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sekiranya katalah kita ada kekeliruan yang berkaitan dengan kegunaan atau penggunaan perkataan, bolehlah rujuk kepada laman web DBP dengan taip prpm.dbp.gov.my.

Ini adalah satu Pusat Rujukan Persuratan Melayu dan mengikut Yang Berhormat Senator tadi bagi tahu bahawa sebenarnya perkataan sukses diterima. Akan tetapi mengikut rujukan ini sebenarnya kata sukses berasal dari Indonesia-Belanda dan sekiranya kita melihat tanda dalam *bracket* ini adalah (IB) ini bermakna bahawa perkataan ini tidak diterima. Bahagian Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia memang rujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggunakan perkataan-perkataan yang tepat untuk semua mata pelajaran. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah difikirkan perlu tiba masanya untuk kita mengadakan satu garis panduan berkenaan dengan bagaimanakah had daripada segi hendak menukar ataupun menginggeriskan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Melayu? Kita tidak mahu apa yang berlaku di negara jiran kita hampir banyak sekali Bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris yang dimelayukan. Jadi saya rasa perlu ada garis panduan yang jelas di peringkat kementerian dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menetapkan satu had batasan supaya tidak sewenang-wenangnya kita menginggeriskan ataupun memelayukan seluruh bahasa Inggeris dengan mudah sekali. Sekian.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa memang Dewan Bahasa dan Pustaka sudah keluaran satu daftar istilah Bahasa Melayu terdiri daripada istilah sumber bahasa Inggeris yang diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Daftar istilah ini terdiri daripada satu juta istilah jadi Yang Berhormat bolehlah rujuk kepada daftar ini. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah pihak penyiaran Astro memperbaiki mutu perkhidmatan mereka khususnya pada waktu cuaca hujan kerana siaran sering tergendala. Keadaan ini adalah tidak setimpal dengan bayaran yang mahal dikenakan oleh pihak Astro yang menjadi syarikat penyiaran swasta.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani binti Abdullah yang bertarikh pada 23 Jun dan 26 Jun kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan kualiti perkhidmatan Astro.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu gangguan perkhidmatan penyiaran pada waktu hujan ataupun *rain fin* adalah isu utama yang dihadapi oleh ramai pelanggan Astro. Isu ini telah mendapat perhatian kerajaan di mana pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengarahkan pihak Astro mengambil tindakan-tindakan sewajarnya. Bagi memastikan perkara ini walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya mengurangkan tempoh gangguan siaran pada masa hujan.

Antara pendekatan yang telah diambil termasuklah mewujudkan pusat penyiaran kedua di Cyberjaya di mana pusat penyiaran kedua ini bertindak sebagai pusat sokongan kepada pusat penyiaran utama Astro di Bukit Jalil. Setiap kali berlaku kegagalan untuk menghantar siaran dari Bukit Jalil ke satelit maka pusat penyiaran di Cyberjaya ini akan membantu menghantar isyarat ke satelit dan sebaliknya.

Usaha ini telah dapat mengurangkan sebahagian daripada faktor gangguan hujan. Di samping itu, pihak kerajaan juga telah meminta pihak Astro untuk melaksanakan penggunaan saiz antena yang lebih besar. Dengan penambahan saiz piring antena akan mengurangkan tempoh masa gangguan terhadap siaran TV yang dialami oleh para pengguna yang melanggan perkhidmatan Astro.

Dalam usaha yang lain pihak kerajaan juga telah meminta pihak Astro untuk memperkenalkan pakej mampu milik yang dikenali dengan nama NJOI. Dengan pakej NJOI tiada bayaran bulanan dikenakan kepada pelanggan dan pelanggan boleh menikmati 22 saluran TV dan 20 buah stesen radio melalui pakej ini. Pakej NJOI juga telah ditawarkan sebagai program tanggungjawab sosial antara pihak kerajaan dengan pihak Astro di bawah inisiatif eKasih di mana sehingga kini untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sejumlah 29,225 *decoder* dan TV telah pun diberikan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada masyarakat di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung yang tidak mendapat siaran televisyen melalui siaran *terrestrial*. Melalui program ini masyarakat kumpulan sasar di kawasan pedalaman tegar telah mendapat maklumat oleh Pakej NJOI yang diberikan. Dalam usaha memastikan kepentingan rakyat terus diberi perhatian pihak kementerian juga telah meminta pihak Astro memansuhkan caj lewat sebanyak RM10 bagi bil yang lewat dibayar.

Selain daripada perkhidmatan Astro, kerajaan juga telah menyediakan pilihan pada dua jenis perkhidmatan televisyen berbayar lain iaitu HyppTV dan ABNxcross. Dengan adanya dua buah syarikat pemberi perkhidmatan lain akan memberikan pilihan kepada rakyat untuk memilih perkhidmatan terbaik untuk selera dan kemampuan masing-masing. Terima kasih.

■1100

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan baik. Soalan tambahan saya apakah tindakan yang akan diambil sekiranya masih belum ada sebarang usaha ke arah pembaikan oleh pihak Astro untuk menangani masalah gangguan siaran sewaktu cuaca hujan kerana perkara ini dibangkitkan beberapa kali dalam persidangan Dewan ini?

Astro ini Tuan Yang di-Pertua sudah banyak kali saya minta di Dewan ini tetapi tidak dapat jawapan yang baik. Bila selalu hujan sudah tidak boleh tengok, *no signal*, dengan izin. Siapakah tidur? Orang Astro tidurkan atau siapa yang tidur saya tidak tahu. Akan tetapi soalan ini selalu kita dapat, tidak ada yang betul. Tolong jawab Yang Berhormat Menteri, apa-apa tindakan boleh diambil untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Sebagai tambahan kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator. Pihak kementerian melalui SKMM, kita akan sentiasa meneruskan perbincangan dengan pihak Astro. Sekiranya perkara ini masih diteruskan, ia satu proses penambahbaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga seperti yang saya maklumkan tadi, pihak Kabinet telah meluluskan cadangan berkaitan dengan penggunaan jenis piring yang agak lebih besar. Perkara ini dalam proses pelaksanaan dan *in shaa-Allah* kita akan cuba ambil jalan yang terbaik bagi mengurangkan rungutan pengguna terutamanya pihak Astro.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada mutu perkhidmatan Astro, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang laman web yang kita dapat daripada ambil contoh *Celcom* yang kita dapat *WiFi*. Selalunya pengguna tidak dapat internet itu. Jadi, khususnya dengan izin, *peak hours* pada malam 8 hingga 10 memang sukar hendak dapat. Jadi, mintalah kerajaan *look into the matter* dan ambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya di bawah akta ada memperuntukkan satu forum pengguna di mana sekiranya terdapat aduan atau pun permasalahan daripada segi kapasiti- maaf Tuan Yang di-Pertua kerana soalan ini sebenarnya tidak berkaitan sangat dengan Astro tetapi saya ingin memberi penerangan kepada Ahli Dewan yang mulia ini.

Kita ada satu forum pengguna di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di mana membolehkan mana-mana rakyat di luar sana yang sekiranya menghadapi masalah dari segi liputan atau pun *coverage* dan perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana pemberi perkhidmatan biasanya boleh disalurkan kepada forum pengguna yang ditubuhkan khusus di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Biasanya pihak pemberi perkhidmatan akan diarahkan oleh pihak SKMM untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan keresahan dan kegelisahan rakyat di luar sana. Terima kasih.

4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Perdana Menteri menyatakan, bahawa hingga setakat ini sejauh manakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) berjaya meningkatkan taraf perkhidmatan pengangkutan awam darat sejak SPAD ditubuhkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah berjaya melakukan beberapa transformasi kepada sistem pengangkutan awam di negara ini.

Salah satu bidang tugas SPAD adalah untuk merancang jaringan pengangkutan awam dengan menerbitkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat atau lebih dikenali sebagai RIPAD dan RIPAD Wilayah Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang. Rancangan induk ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013. RIPAD merupakan satu pelan induk jangka panjang pengangkutan awam darat untuk jangka masa 20 tahun yang akan datang.

Selain itu terdapat juga program yang dilaksanakan sebagai langkah interim iaitu *Interim Stage Bus Support Fund*, dengan izin, ISBSF. Program ISBSF ini dilaksanakan bagi membantu industri bas berhenti-henti. Setakat ini sebanyak 158 orang operator telah mendapat bantuan ISBSF yang melibatkan pembayaran yang dianggarkan sebanyak RM12 juta sebulan. Perangkaan SPAD menunjukkan bahawa dalam tempoh tahun 2013, program ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 1.6 juta orang penumpang yang menggunakan laluan bas yang menerima bantuan dana ini. Antara pencapaian dan perkembangan baik dalam perkhidmatan bas awam ialah:

- (i) perkhidmatan 470 buah bas baru yang beroperasi di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, Pulau Pinang, dan Kuantan;
- (ii) pembinaan perhentian bas yang baru serta menaik taraf perhentian sedia ada membabitkan 1,388 buah perhentian bas;
- (iii) dua laluan perkhidmatan bas tanpa tambang yang dikenali sebagai Go KL di Kuala Lumpur;
- (iv) operasi terminal bas Pasar Seni; dan
- (v) sembilan Koridor Bas Ekspres Transit (BET) di *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*.

Bagi perkhidmatan rel pula, sebanyak 35 buah *for car seat* yang baru telah memulakan operasi bagi LRT laluan Kelana Jaya yang telah berjaya menyediakan kekerapan perkhidmatan kurang daripada tiga minit pada waktu puncak. Manakala bagi perkhidmatan Komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pula, kekerapan perkhidmatan pada waktu puncak ini telah dikurangkan kepada kurang daripada 15 minit sejak 37 *seat car seat* memulakan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian perkhidmatan pengangkutan awam darat yang memberangsangkan turut dapat dibuktikan melalui peningkatan penggunaan perkhidmatan ini.

Secara amnya penggunaan pengangkutan awam pada waktu puncak waktu pagi di sekitar Lembah Klang telah meningkat kepada 20.8 peratus pada tahun 2013 berbanding hanya 16.96 peratus pada tahun 2010. Penggunaan sistem kereta api di Lembah Klang juga telah meningkat sebanyak 25 peratus pada tahun 2013 iaitu dengan jumlah penumpang seramai 43.9 juta orang berbanding dengan jumlah seramai 35.1 juta orang penumpang pada tahun 2010.

Usaha SPAD ini akan terus dipergiatkan lagi bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam darat negara dengan beberapa projek yang akan dilaksanakan termasuk pelan transformasi industri teksi, projek transformasi bas berhenti-henti, projek sistem tiket bersepadu serta Bas Rapid Transit (BRT). Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apa benar bahawa sektor dari Tumpat hingga ke Kuala Lipis, perjalanan kereta api ini akan dihentikan? Kalau ia dihentikan ini bermakna SPAD tidak memenuhi hasrat untuk menjadi sebuah suruhanjaya yang efisien dan cekap seperti mana yang terdapat dalam laman webnya. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, usaha berterusan ini sebenarnya melibatkan pelbagai bentuk kajian yang diberikan oleh para pengguna dan kita juga memberikan semua bentuk maklumat seperti yang tertera di dalam laman web. Cumanya setakat hari ini, perkhidmatan kereta api yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tumpat ke Kuala Lipis akan beroperasi seperti biasa sehingga pengumuman-pengumuman lain dibuat. Jadi, untuk pertanyaan yang dibangkitkan bolehlah saya nyatakan di sini bahawa perkhidmatan tersebut tidak akan dihentikan sehingga kesemua bentuk kajian yang dijalankan dapat dimanfaatkan.

Sebab saya nyatakan tadi, kita membelanjakan sejumlah wang hampir RM12 juta sebulan untuk membiayai operasi perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat yang mendapat lesen. Sebab itu jumlah ini jumlah yang kita berikan dalam bentuk interim bagi memastikan kadar tambang itu tidak membebankan dan juga memberikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun ada sesetengah laluan itu tidak mendatangkan keuntungan. Ini yang kita panggil *social route*, tanggungjawab yang kita laksanakan bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan. Tidak akan kita adakan satu perkara jika tidak ada alternatif kepada penggunaan yang selama ini digunakan oleh rakyat.

■1110

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita perhatikan di Lembah Klang termasuk di Kuala Lumpur, setiap waktu puncak sama ada pagi ataupun petang dalam kenderaan terutamanya kereta yang bawa ialah seorang. Ini menyebabkan kesesakan yang melampau. Adakah SPAD termasuk membuat kajian mengenai perkara ini dan memikirkan jalan keluar dan bilakah perancangan itu akan dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Saya setuju dan saya hendak kongsi di sini mengikut kajian kita *occupancy rate* atau kadar penggunaan kereta kenderaan individu di negara kita 1.2 peratus. Maknanya hampir satu kereta satu orang. Maknanya jumlah itu sangat besar. Cabaran kita pula setiap tahun kereta yang didaftarkan berjumlah hampir 600,000. Oleh sebab itu kita tengok lagi banyak jalan penyuraian kita buat, trafik kita pun makin bertambah.

Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sangat mustahak untuk kerjasama daripada semua pihak iaitu kalau kadar *occupancy* kereta kita masih 1.2 peratus maka walaupun MRT yang setakat ini sedang giat dibina, yang mungkin beroperasi menjelang tahun 2017 yang mungkin dapat memberi kemudahan kepada 450,000 orang pengguna pada tahun 2017. Akan tetapi kalau kadar penggunaan kereta kita masih sekitar 1.2 peratus maka masalah ini akan terus berpanjangan.

Namun begitu, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kajian telah dibuat. Menjelang tahun 2030 kita membuat sasaran negara kita mencapai 40 peratus penggunaan kemudahan awam. Di Kuala Lumpur 50 peratus. Buat masa ini kita melebihi dengan 20.8 peratus saya nyatakan tadi melebihi bandar raya-bandar raya seperti di Perth, Sydney ataupun Oakland, Brisbane di Australia. Saya ambil Australia kerana populasinya sama dengan negara kita.

Akan tetapi kalau kita bandingkan negara kita dengan New York, London atau lebih-lebih lagi negara maju, penggunaan mereka boleh mencecah 70 peratus. Maknanya kita masih banyak kerja tetapi untuk menjawab soalan itu, kajian telah pun dibuat menjelang tahun 2030 kita menyasarkan penggunaan kemudahan awam oleh rakyat negara kita dalam negara Malaysia 40 peratus dan di Kuala Lumpur 50 peratus. Kita harap perkara ini dapat dicapai dengan pelbagai bentuk inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

5. Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah hasil analisis pelbagai kelemahan serta pembelajaran yang dipelajari iktibar dari peristiwa kehilangan pesawat MH370. Apakah pula, langkah-langkah proaktif yang bakal dilaksanakan demi mengelak dari berulangnya kejadian sedemikian.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, susulan peristiwa kehilangan pesawat *Malaysia Airlines MH370*, Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu pasukan penyiasat antarabangsa bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat penerbangan MH370 pada 25 April 2014.

Pasukan penyiasat antarabangsa ini turut dianggotai oleh *accredited representative* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan dua buah negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota pasukan penyiasat yang terpilih dilantik berdasarkan kepakaran mereka. Pasukan penyiasat ini akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan ini termasuk syor-syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam di seluruh dunia.

Dapatan hasil daripada laporan tersebut akan digunakan oleh Kerajaan Malaysia dalam membuat penambahbaikan secara holistik terhadap industri penerbangan awam negara. Kerajaan akan mengambil tindakan menambah baik berdasarkan syor-syor daripada pasukan penyiasat antarabangsa ini. Pada masa yang sama, pihak Jabatan Penerbangan Awam Malaysia ataupun DCA dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mengambil beberapa pendekatan proaktif bagi mengelakkan kejadian sama daripada berulang.

Kedua-dua agensi ini telah mengadakan mesyuarat teknikal khusus bagi memperkemas aspek keselamatan penerbangan iaitu *safety* dan juga keselamatan ruang udara negara iaitu *security*. Hasil perbincangan tersebut pihak DCA dan pihak TUDM bersepakat membuat penambahbaikan terhadap *standard operating procedure* (SOP) serta tatacara koordinasi terutamanya daripada aspek perkongsian maklumat dalam menangani situasi luar biasa iaitu *abnormal situation*.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang wajar dinyatakan di sini kesediaan pihak TUDM untuk menyalurkan maklumat yang diperolehi daripada radar ketenteraan kepada pihak DCA sebagai sokongan ataupun *backup* kepada maklumat daripada radar awam sedia ada. Sekiranya berlaku kejadian seumpama peristiwa kehilangan MH370, pihak DCA boleh melakukan koordinasi masa sebenar atau *real time coordination* bagi memperoleh petunjuk daripada radar ketenteraan dalam membantu usaha pengesanan kedudukan lokasi sesebuah pesawat iaitu tambahan kepada SOP sedia ada. Pada masa sama, pihak DCA telah mengambil tindakan untuk menyelaraskan maklumat penerbangan pada paparan skrin radar ataupun *prefix column* bagi memudahkan pihak TUDM memahami perkara yang ingin disampaikan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa kehilangan MH370 juga telah menggerakkan beberapa tindakan penambahbaikan di peringkat antarabangsa. Antara yang terlibat secara langsung dalam inisiatif ini semestinya pihak *International Civil Aviation Organization* ataupun ICAO iaitu organisasi yang bertanggungjawab menyelaras piawaian dan saranan amalan industri penerbangan sedunia iaitu *standard and recommended practices*.

Pada 12 Mei hingga 13 Mei 2014, ICAO di Montreal dengan kerjasama pihak *International Air Transport Association* ataupun IATA telah menubuhkan pasukan petugas penjejakan pesawat iaitu *Aircraft Tracking Task Force* bagi menangani keperluan jangka masa terdekat untuk mengesan penerbangan global sebagai tindak balas kepada kehilangan MH370.

Antara inisiatif yang dipersetujui adalah supaya pihak ICAO bertindak sebagai organisasi penyelaras untuk memudahkan perkongsian pengalaman dan pengajaran daripada negara yang terlibat dalam kemalangan di mana pengesanan penerbangan boleh memudahkan carian dan gerakan menyelamatkan kepada semua negara lain. Mengambil pengajaran daripada peristiwa kehilangan pesawat MH370, pihak ICAO menetapkan sasaran utamanya iaitu untuk mewujudkan satu piawaian kepada industri penerbangan terhadap *real time global flight monitoring*. Menggunakan rangkaian komunikasi berlandaskan kepada penyimpanan maklumat penerbangan secara jarak jauh ataupun dengan izin, *remote storage of flight information*, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan maklumat *flight data recorder* dan *cockpit voice recorder* ataupun *black box* yang sedia ada. Terima kasih.

■1120

Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ekoran daripada kehilangan MH370, adakah pesawat MAS yang lain dilengkapi dengan *transponder* dan alatan GPS yang tidak boleh dipadam dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengembalikan MAS kepada tahap kewangan yang kukuh? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai *transponder* yang tidak boleh ditutup di syarikat penerbangan MAS, memang sistem yang ada, *transponder* memang dalam kawalan *pilot* ataupun juruterbang. Mengikut SOP, memang *transponder* itu tidak wajar ditutup apabila dalam penerbangan melainkan ia sudah *landing*, baru boleh ditutup.

Jadi dalam keadaan ini, sebab itu saya maklumkan bahawa pihak *International Civil Aviation Organization* (ICAO) telah membuat satu pendekatan dengan menggunakan kawalan secara jarak jauh, yang saya sebutkan tadi penyimpanan maklumat penerbangan secara jarak jauh. Jadi maknanya ia akan ada dua sistem. Satu, sistem yang dikawal oleh *pilot* dan satu lagi yang dikawal oleh pusat udara di bahagian *tap landing*, di bahagian *land*. Jadi maknanya di bahagian *tower* itu ataupun di bahagian satelit, ia boleh membuat kawalan secara jarak jauh. Jadi akan ada dua sistem. Maka sebab itu, hari ini pihak ICAO sedang membuat satu pendekatan mengenakan satu sistem supaya pihak *pilot* tidak sahaja boleh menutup sistem *transponder*, tetapi pihak kawalan di peringkat tanah akan juga mampu mengawal.

Mengenai kos, pihak kerajaan sedang membuat pertimbangan untuk mengatasi masalah kewangan di peringkat MAS. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Saya cukup berasa yakin dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian. Saya hendak tanya di sini ialah tragedi ini semakin tidak disebut dan semakin dilupai sebegitu, tidak seperti di awal-awal dahulu. Apakah yang saya hendak tanya ialah bagaimana kedudukan atau status kakitangan dan juga penumpang-penumpang dalam pesawat tersebut telah diberikan oleh pihak kerajaan? Apakah pula kedudukannya yang saya baca dalam akhbar bahawa pihak insurans telah membayar sebahagian ganti rugi kepada waris mangsa-mangsa? Jadi, saya minta kepada pihak kementerian kedudukan para penumpang daripada segi statusnya. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembelaan kepada keluarga mangsa ataupun keluarga penumpang MH370 termasuk krew. Pihak MAS dan juga kerajaan telah membuat satu bantuan yang mana untuk bantuan permulaan berjumlah USD50,000. Jadi maknanya itu sebagai permulaan sehingga ada satu keputusan muktamad sehingga terjumpanya atau sehingga pesawat MH370 ini telah dapat dijumpai, barulah akan ada satu *final account*. Jadi sehingga sebelum jumpanya MH370 ini, pihak kerajaan telah membuat komitmen untuk membayar waris penumpang ini dan juga krew sebanyak USD50,000. Terima kasih.

6. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian yakin langkah mengawal kewangan negara dengan perancangan untuk menstruktur semula pemberian subsidi dan memperkenalkan GST pada 2015 mampu menjamin kedaulatan, keselamatan, kebebasan dan pertumbuhan negara dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi global.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai pada 24 Jun, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani dan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som pada 25 Jun, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif pada 30 Jun dan Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor pada 1 Julai kerana semua soalan ini mempunyai persamaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua langkah pembaharuan hal-hal kewangan atau fiskal, dengan izin, *fiscal reform* seperti pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan GST adalah untuk memastikan keamanan kewangan negara secara jangka panjang. Kedudukan fiskal yang kukuh akan mengekalkan daya tahan ekonomi khususnya dalam mengharungi ketidakpastian ekonomi global. Pengurusan fiskal yang berhemah dapat meningkatkan penarafan kredit berdaulat negara, seterusnya menambah keyakinan pelabur dan meningkatkan sentimen positif pasaran terhadap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pemberian subsidi di Malaysia perlu distrukturkan semula supaya lebih fokus dan menepati kumpulan sasaran. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal atau tersasar yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar, dengan izin, *well targeted*. Melalui mekanisme ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada mereka yang benar-benar memerlukan terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi akan digunakan untuk tujuan pembangunan khususnya dalam sektor perkhidmatan ekonomi, pendidikan dan latihan serta meningkatkan keselamatan negara.

Pelaksanaan GST atau *Goods and Services Tax* atau Cukai Barang dan Perkhidmatan merupakan satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara bagi menjadikannya lebih telus, cekap dan meningkatkan daya saing negara. GST yang dicadangkan bukanlah merupakan cukai baru. GST akan menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan sekarang ini yang didapati mempunyai kelemahan tertentu yang berpunca daripada sistem percukaian itu sendiri.

Antara kelemahan yang dikenal pasti penggunaan cukai berganda yang menyebabkan pengguna sekarang terpaksa membayar harga yang lebih dan aktiviti pemindahan harga yang memberi kesan kepada kutipan hasil negara. Kelemahan sistem cukai sekarang ini sebenarnya memberi kesan negatif bukan sahaja kepada negara, tetapi juga kepada pengguna. Dengan GST, kita akan mendapati harga yang dibayar lebih telus di mana rakyat tahu berapakah jumlah cukai yang perlu dibayar iaitu 6 peratus.

Selain itu, struktur GST yang dicadangkan adalah bersifat progresif yang memberi kebaikan kepada golongan berpendapatan rendah. Kerajaan akan mempunyai sistem percukaian yang lebih baik. GST akan menjadikan pertumbuhan KDNK meningkat 0.3 peratus dan eksport akan naik sebanyak 0.5 peratus. Tambahan hasil yang didapati ekoran daripada sistem yang cekap dan kurangnya pengelakan dan pelarian cukai akan digunakan dengan sebaiknya untuk kepentingan rakyat seperti pembangunan prasarana, pengangkutan, kesihatan, pendidikan, kebajikan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah bersedia untuk melaksanakan GST.

- (i) Rang Undang-undang GST telah diluluskan di Parlimen. Perundangan subsidiari seperti Peraturan Am, Peraturan Ketetapan Awal, Peraturan Tribunal Rayuan GST akan digazetkan dalam masa terdekat;
- (ii) garis panduan bagi peniaga juga telah diterbitkan dan dimuat naik ke dalam portal GST. Sebanyak satu garis panduan am, 16 garis panduan spesifik, 36 garis panduan industri juga telah dimuatnaik;
- (iii) sistem pengkomputeran GST telah 99.75 peratus siap;
- (iv) penubuhan Tabung Bayaran Balik GST, Tribunal Rayuan GST dan pelantikan ejen cukai GST sedang dijalankan; dan

- (v) program penerangan publisiti telah digerakkan sejak beberapa tahun, sejak awal tahun, sejak tahun sudah. Sesi latihan peniaga juga ditambah bilangan. Sebanyak 5,177 program penerangan telah dilaksanakan.

■1130

Jawatankuasa Pemantauan GST juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dianggotai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri Kerja Raya dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan akan memastikan peniaga terutamanya PKS bersedia melaksanakan GST. Kita telah menyediakan peruntukan geran sebanyak RM150 juta bagi pembelian sistem perakaunan oleh Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setiap PKS yang layak akan diberi RM1,000 untuk membeli *software* GST.

Tuan Yang di-Pertua, struktur GST yang dicadangkan ini sebenarnya secara tidak langsung akan menggunakan pelbagai kadar. Kadar pertama 6 peratus, kadar kedua kadar sifar, yang ketiga dikecualikan. Kadar sifar dan dikecualikan misalnya makanan asas seperti beras, gula, tepung, sayuran, rempah ratus, daging, ayam, telur, ikan, bekalan air, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan, pembelian, penyewaan rumah kediaman- semua tidak dikenakan GST. Senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar ataupun dikecualikan telah di umum semasa pembentangan Bajet 2014 yang lalu.

Kerajaan sedar tentang isu GST yang masih hangat dipertikaikan dan pihak kementerian akan terus turun padang melalui pelbagai media termasuk secara bersemuka, media cetak, media elektronik serta media sosial.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Kerajaan bercadang mengeluarkan panduan pengguna atau *shoppers guide* tiga bulan sebelum pelaksanaan GST bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga. Pelaksanaan langkah pemborong fiskal dan GST oleh kerajaan akan memberi manfaat yang lebih besar dan bekalan pada masa hadapan supaya rakyat dapat terus menikmati kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan soalan tambahan.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu baik sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh mana keberkesanan program turun padang menjelajah oleh pihak kementerian yang khabarnya pihak kementerian ada melatih sekumpulan pegawai untuk memberi penjelasan kepada rakyat berkaitan dengan GST. Begitu juga pandangan kementerian berkaitan dengan isu kurangnya keberkesanan menggunakan karikatur kartun dalam memberi penjelasan kepada rakyat yang baru-baru ini dibangkit oleh beberapa orang tokoh tempatan. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah Haji Mahamad. Kita telah melaksanakan 5,177 program penerangan ini. Antara program penerangan yang kita laksanakan pada awal tahun bulan Januari, Februari melibatkan peringkat negeri. Kita di semua negeri 14 program termasuk satu yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sebanyak 15 program itu saya terlibat kesemuanya sekali di ibu negeri-ibu negeri. Itu siri yang pertama.

Siri yang kedua ialah melatih sebagaimana Yang Berhormat Senator tadi, jurucakap lebih kurang 500 orang untuk memberikan penerangan. Siri yang ketiga pergi ke kawasan-kawasan Parlimen, sekarang ini sudah mula. Minggu sudah mula, minggu depan mula di semua Parlimen. Sewajarnya di 222 Parlimen, kita memulakan di 134 dahulu sebelum bulan Ramadhan.

Cadangan kita ialah satu parlimen, empat program. Segala peruntukannya dibayar oleh Kastam dengan jumlah RM2,500 satu program, (4x222) program. Itu sedang dibuat pada saat dan ketika ini. Pada ketika yang sama Kementerian Kewangan dan juga Kastam melakukan program melakukan program dengan pihak industri juga dan kumpulan-kumpulan NGO. Tanpa henti sebenarnya kita laksanakan pemahaman GST ini. Ada orang suka kartun, ada orang tidak suka kartun. Itu tidak jadilah masalah sangat, tetapi yang mana patut kami baiki, kami akan baiki. Kita juga menggunakan media elektronik, TV, radio dan ia sedang dilaksanakan termasuklah dengan kaedah media sosial. Kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan kefahaman.

GST ini bukan payah sangat untuk difaham. Dalam satu kursus semalam di Melaka, saya membuat penjelasan menggunakan multimedia *presentation*. Dalam masa lima minit, satu dewan faham semua sekali tentang GST. Ia tidak sukar. Kalau rakyat inginkan maklumat tentang GST, mereka boleh buka portal www.gst.customs.gov.my. Kalau mereka tidak buka portal itu dan kalau mereka tidak mencari ilmu tentang GST ini, 20 tahun daripada sekarang pun tidak faham juga. Kalau mereka ingin memahami, dalam masa lima minit ke 10 minit dah boleh faham.

Macam hudud misalnya Tuan Yang di-Pertua. Bermula tahun 1990 yang mula-mula disebut apabila PAS menang di Kelantan. Sampai tahun 2014, 24 tahun selepas itu masih lagi ada yang tidak faham tentang Hudud. Akan tetapi, kalau kita belajar tentang hudud, setengah jam sudah boleh faham. Oleh sebab itu, secara proaktif harapan kita ialah rakyat yang ingin mengetahui mencari maklumat. Rujuk kepada Kastam, rujuk kepada Kementerian Kewangan dan portal laman web itu sentiasa ada, 24 jam boleh diakses. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Mohd. Suhaimi. Silakan Yang Berhormat. Silakan Dato'.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab pada masa sekarang, banyak berita yang telah dimainkan berhubung dengan GST ini. Yang mutakhir ini ialah berita berhubung dengan rakyat akan membayar lebih sekiranya kita masuk hospital kerajaan ataupun hospital swasta. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Kita selama ini telah membayar cukai. Namanya cukai SST. *Sales tax and services tax* atau cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan. Cukai jualan ada yang 5 peratus, *process food* 5 peratus- makanan yang diproses dan cukai jualan 10 peratus. Segala jenis pakaian yang kita pakai sekarang, segala perabot yang ada di rumah, kereta yang ada dijual, kemudian segala pinggan mangkuk di rumah kita itu semua telah ada 10 peratus dikutip oleh Kastam di kilang. Rakyat membayar apabila membeli di kedai sebab kilang mengalih kos 10 peratus itu kepada pemborong. Pemborong mengalih kepada pekedai, pekedai mengalih kepada pengguna.

Apabila sampai kepada pengguna, 10 peratus tadi jadi 18 peratus, purata. Sebanyak 5 peratus *process food* yang ada cukai jualan itu menjadi 6-7-8 peratus. Ada satu lagi cukai, cukai perkhidmatan 6 peratus tidak ada *tax-on-tax*. Jadi, pengguna membayar 6 peratus, hotel, restoran yang tertentu, Astro, ini semua ada cukai perkhidmatan 6 peratus. Dengan lain-lain perkataan, selama ini sejak tahun 1972, cukai jualan telah dibayar oleh rakyat. Semua peringkat dari bandar sampai ke kampung. Begitu juga cukai perkhidmatan 6 peratus dibayar oleh rakyat kampung dan juga bandar dari tahun 1975 sampai sekarang. Sudah bayar.

Akan tetapi, kalau pembangkang ceramah dia tidak sebut yang rakyat sudah bayar ini. Jadi, apa yang akan berlaku selepas ini ialah yang 5 peratus itu jadi 6 peratus, yang 10 peratus itu turun kepada 6 peratus, yang 6 peratus kekal 6 peratus. Itu saja. Tidak semua barang akan naik. Ada barang yang akan naik sedikit, ada barang yang turun banyak, ada barang yang kekal. Termasuklah juga perkhidmatan hospital swasta. Hospital swasta sekarang pun ada membayar cukai perkhidmatan. Selepas ini ada cukai GST. Cukai perkhidmatan di hospital swasta sekarang ini 6 peratus dan selepas ini 6 peratus.

Jadi kesannya itu tidak ada perubahan yang ketara. Jadi, inilah kefahaman yang patut kita sampaikan. Terima kasih.

7. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah Kementerian sudah mengatasi masalah yang dialami oleh guru-guru seluruh Malaysia antaranya masa kerja guru, beban kerja yang semakin bertambah, pengetua/guru besar yang tidak kompeten, kursus *upskilling* guru, situasi kerja yang tidak kondusif dan kekurangan peralatan ICT dan ABM. Apa usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas atas soalan berkaitan dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia menangani masalah guru. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin akan kebajikan guru dan sentiasa mencari kaedah atau formula dalam menangani beban tugas guru.

■1140

Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Pemantapan Profesion Guru (PPG) yang berkaitan dengan penjajaran tugas utama guru yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Jun 2013 telah mengambil maklum dengan pelaksanaan rintis PPG di Melaka. Susulan daripada mesyuarat tersebut Jabatan Perkhidmatan Awam bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan NBOS ke-8 iaitu penjajaran tugas utama guru.

Inisiatif NBOS ke-8 ini merupakan perluasan kepada Program PPG yang sedang dilaksanakan di Melaka dan skop kajian telah diperluaskan ke seluruh negara. Skop kajian ini melibatkan semua kategori guru di sekolah berbanding dengan pelaksanaan rintis PPG di Melaka yang hanya melibatkan tiga kategori iaitu guru data, guru perpustakaan dan media serta guru penyelaras bestari. NBOS ke-8 telah bermula pada 1 Julai 2013 yang merangkumi empat bidang kajian iaitu:

- (i) mengkaji beban tugas guru;
- (ii) ketidaksepadanan opsyen guru;
- (iii) sains kelas yang ideal; dan
- (iv) isu pertindihan pangkalan data.

Setiap bidang kajian mempunyai objektif yang terperinci. Sebagai contoh, kajian beban tugas guru adalah bertujuan untuk mengkaji pemberatan tugas profesional dan bukan profesional guru yang boleh di jajar yang seterusnya mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara amnya.

Pada 20 November 2013, dapatan awal kajian ini telah dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat NBOS. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil maklum dan bersetuju untuk dilaksanakan secara rintis di dua buah negeri iaitu Melaka dan Kedah bermula dari Januari 2014 hingga Disember 2014. Hasil dapatan bersama cadangan berkaitan pelaksanaan rintis di dua buah negeri ini dijangkakan dibentangkan dalam NBOS Submit yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos 2014 untuk mendapatkan pandangan dan keputusan lanjut dalam hala tuju seterusnya pelaksanaan NBOS PPG. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Silakan Datuk Dr. Lucas.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu baik sekali dan soalan tambahan saya ialah satu lagi permasalahan yang dihadapi oleh guru masa bekerja. Dalam semua profesion, hanya profesion guru yang tidak ditetapkan masa kerjanya. Oleh yang demikian, soalan tambahan saya adakah ia boleh dilaksanakan dan apakah halangan Kementerian dalam melaksanakan perkara ini? Apa impak pelaksanaan perkara ini kepada guru, ibu-bapa dan paling ketara ialah para pelajar di sekolah? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan masa sekolah bekerja untuk guru dan untuk guru ini tanggungjawab untuk guru-guru mengikut masa yang ditetapkan oleh sekolah. Seperti sekolah, sekiranya kita ada sekolah yang bersesi dua, ini bermakna kita ada satu kumpulan guru yang mengajar pada sesi pagi dan satu kumpulan guru yang mengajar sesi petang. Jadi, mengikut amalan biasa, guru-guru dikehendaki untuk bekerja selama lapan jam. Selain daripada itu, itu menjadi satu tanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Roslin.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya memandangkan pada tahun 2009, satu laporan statistik dari Jabatan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya menyatakan daripada 22,000 orang pesakit yang dirawat di klinik dan wad psikiatri, 10 peratus terdiri daripada guru. Menurut Profesor Nor Zuraida Zainal iaitu guru-guru ini mengalami bebanan tugas yang melampau dan kurang rehat. Akibatnya, mereka mengalami penyakit kecelaruan bipolar. Penyakit ini dari fizikalnya nampak sihat tetapi dari dalamannya mengalami depresi yang teruk dan kemurungan yang berpanjangan. Kes-kes sebegini semakin meningkat setiap tahun. Apakah langkah-langkah pihak kementerian mengatasi penyakit psikiatri ini dan apakah kementerian ada menyediakan unit untuk mengawasi dan mengawal kecelaruan bipolar daripada terus meningkat di kalangan guru-guru? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan kes sakit guru. Seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa kita akan ada kajian dan hasil dapatan bersama dengan cadangan untuk melaksanakan perintis di kedua-dua buah negeri dijangkakan akan dibentangkan dalam NBOS Submit yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila hasil dapatan itu sudah dibentangkan, memang hala tuju atau pelan tindakan berdasarkan dapatan kajian akan diusulkan untuk menangani masalah atau isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maka, dengan jawapan yang telah diberi Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka berakhirlah sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua

11.47 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2014 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau berkurangan diperuntukkan dalam Bajet 2014 yang lalu dan kemudian perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2014 yang dibentangkan ini sebanyak RM4,612 juta adalah seperti berikut.

Sebanyak RM4,112.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dan bakinya sebanyak RM500 juta bagi tambahan perbelanjaan tanggungan. Tambahan peruntukan sebanyak RM4,112.1 juta yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini adalah untuk maksud-maksud di bawah perbelanjaan bekalan seperti berikut.

Sebanyak RM3,082.2 juta untuk Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan pembayaran tuntutan subsidi bahan api tahun 2014 serta menampung kekurangan peruntukan emolumen atau bonus yang telah didahulukan bagi pembayaran imbuhan tahunan kakitangan awam tahun 2013 yang dibayar pada Januari 2014.

Sebanyak RM634.1 juta untuk Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan untuk menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus UiTM. Keperluan tambahan bagi menampung kenaikan harga kontrak susulan daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum dan pertambahan kuantiti kontrak bagi perkhidmatan pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan.

■1150

Sebanyak RM208.9 juta untuk Maksud B.10 – Perbendaharaan yang melibatkan keperluan pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Sebanyak RM88 juta untuk Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk menampung pembayaran rawatan pesara awam persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia.

Sebanyak RM72.2 juta untuk Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah untuk menampung perbelanjaan melaksanakan Program Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agro makanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang.

Dan sebanyak RM26.7 juta untuk Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri bagi menampung keperluan pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan perbelanjaan pembukaan pejabat perwakilan baru.

Tambahan peruntukan sebanyak RM500 juta adalah di bawah perbelanjaan tanggungan untuk Maksud T.14 – Pecen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai keperluan tambahan pembayaran pecen.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22, Tahun 2014 dan memorandum Perbendaharaan dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A, Tahun 2014. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dengan itu saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu dulu Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar membahaskan tentang rang undang-undang ini, saya ingin mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan rang undang-undang ini supaya menghantar nama kepada saya sekarang sebab kita ada enam rang undang-undang yang akan kita bahas atau yang akan dibentangkan dalam sesi ini.

Jadi kalau Yang Berhormat ingin membahaskan rang undang-undang ini, hantar nama supaya senang kita mengatur masa ya. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

11.52 pg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong akta ini sebab ia menggambarkan Kerajaan Malaysia benar-benar prihatin dan cakna akan masalah rakyat. Sebanyak RM4.1 bilion ditambah untuk kerja-kerja mengurus bagi lima kementerian iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan.

Saya mulakan yang pertama dengan B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam untuk rawatan pencen dan juga pesara tentera. Ini satu langkah yang amat baik, yang amat prihatin. Ada negara apabila kakitangan awam seperti polis, tentera bersara, mereka tidak cakna. Akan tetapi Malaysia, sebuah negara yang prihatin, yang penyayang, diperuntukkan rawatan untuk mereka yang pencen atau bersara. Untuk ini, saya menyokong penuh tapi biarlah ubat-ubat yang diberi, *treatment* yang diberikan kena kelas pertama. Jangan bersara, sudah tua, sudah tak ada kerja, ubat murah, rawatan tidak baik. Ini tidak baik. So, maksud yang dibentangkan, kita hendaklah menyokong bersama-sama.

Bagi maksud B.10 – Perbendaharaan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya juga nampak ini satu usaha yang baik, yang bagus untuk kerajaan dapatkan hasil-hasil yang banyak yang sesuai untuk menampung kekurangan kewangan untuk perbelanjaan pengurusan rakyat dan negeri. Apa yang saya hendak kata ialah hasil dalam negeri itu kenalah sama rata dan bersifat terbuka serta meluas. Dulu, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai syarikat-syarikat atau *company* yang lari kerana tidak bayar hasil. Jadi syor saya supaya lembaga benar-benar cari yang tidak bayar hasil supaya mereka tidak lepas daripada undang-undang.

Saya juga hendak minta supaya B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan, bayaran pindaan dan pemberian untuk subsidi gas cecair, LPG, diesel, petrol iaitu hendaklah dikurangkan. Jangan banyak sangat subsidi. Saya melawat sudah hampir semua negara dalam Asia Tenggara. Hanya Brunei sahaja yang murah dari Malaysia. Di Indonesia contohnya, kos minyak petrol RM3.60 satu liter, di sini RM2.00 lebih. Di Vietnam RM4.00 lebih. Begitu juga di Singapura, mahal iaitu RM5.00. Jadi akibat itu, kita banyak bagi subsidi kepada rakyat sehingga RM0.80 lebih seliter. So, saya syorkan jangan manjakan sangat rakyat. Rakyat kalau boleh hendak semua *free*, hendak semua percuma. Bagi percuma, bagi, bagi, sokong Barisan Nasional tidak juga. Sokong Barisan Nasional tidak mahu. Duit mahu. Subsidi mahu. Akan tetapi sokong tidak mahu. Itu rakyat Malaysia.

Jadi saya syorkan supaya subsidi ditolak 10 sen kah, 20 sen kah, 15 sen kah ditolak. Untuk 20 sen, kita dapat hasil koleksi lebih kurang RM2 bilion lebih setahun. Kalau salah, tolong betulkan. Kalau RM2 bilion, mengikut Timbalan Menteri boleh buat empat buah universiti dengan kos sebuah universiti RM500 juta.

■1200

Kalau RM2 bilion, empat buah universiti. Itu universiti. Hospital banyak lagi, jalan raya banyak lagi. Negara ini perlukan *infra* yang lebih jalan raya, balai, masjid, surau, kuil, macam-macam tempat-tempat mengaji. So, jangan manjakan sangat rakyat. Kalau ikut rakyat hendak semua beri. Ikut keperluan pembangunan supaya minyak sama ada gas, diesel dan petrol kalau tidak lebih mahal pun setanding dengan negara-negara lain seperti Thailand, Filipina, Indonesia, Singapore, Vietnam, Laos, Kemboja dan lain-lain negara di Asia Tenggara. Jika dibandingkan dengan Brunei sudah tentu mereka paling murah sebab negara kecil tetapi minyak banyak.

Ketiga, saya juga hendak sebut Kementerian Luar Negeri - B.13. Syabas kepada Kementerian Kewangan sebab hendak tubuh pejabat baru. Banyak pejabat baru hendak tubuh. Kedua, Malaysia dicalonkan sebagai Ahli Tetap Majlis Keselamatan PBB. Apa yang saya bangga ialah hasrat Malaysia menjadi Ahli Majlis PBB. Untuk itu saya harap, saya syorkan supaya Malaysia tidak hanya pegang kerusi, tidak hanya dipanggil Ahli Keselamatan PBB sahaja tapi memberi peranan.

Pertama, Malaysia betul-betul *combine*, terikat, bersepadu, sehati dengan OIC. Pertama, kerjasama dengan semua negara Islam dalam dunia. Ada 52 buah negara Islam dalam dunia. Jadi ahli majlis tidak guna tapi terikat bersepadu dan fikirkan apa yang boleh dibuat oleh OIC. Bukan “*Oh, I see!*”. Tidak guna. Akan tetapi OIC sebab pertama banyak negara Islam bermasalah. Contoh Syria sekarang ini perang-perang sudah 300,000 lebih mati. Sama-sama Islam. Sunni dengan Syiah dan lain-lain. Contoh lagi negara Mesir masih perang. Yaman, Tunisia, Libya, Burma dan Arakan orang Islam di sana, ditindas, dibunuh, dihalau, dibakar rumahnya beribu-ribu. Tidak kurang daripada 20,000 orang Islam di Arakan dibunuh. Rumah-rumah mereka dibakar. Anak-anak dalam buaian dibunuh, dihalau sedangkan mereka rakyat Burma. Cuma namanya sahaja Rohingya.

So, saya syorkan supaya Ahli-ahli Majlis Keselamatan jangan pegang kerusi sahaja tetapi hendaklah berperanan untuk selesaikan masalah di Burma dan juga di Selatan Thailand yang tidak putus-putus lagi ada masalah, sama ada di Yala, Pattani, Narathiwat dan di Rahman. Jadi ahli majlis itu kena memberi peranan. Tidak guna kementerian bagi duit jadi ahli majlis tapi tidak dapat apa-apa peranan. Tidak guna. Baik berhenti. Baik tidak usah jadi Ahli Majlis.

Keempat, kita lihat juga Bangsamoro sudah merdeka. Itu usaha yang Kerajaan Malaysia buat. Kalau Bangsamoro atau usaha Kerajaan Malaysia boleh merdeka, saya tidak nampak bangsa Melayu di Selatan Thailand tidak boleh merdeka seperti Bangsamoro. Jadi saya percaya bajet yang akan diberikan ini oleh Kerajaan Malaysia untuk kerusi keselamatan PBB akan menempuh dan menempah kejayaan yang gemilang.

Juga saya syorkan supaya di Afrika juga kena lihat banyak kerusi dan banyak negara Islam di Afrika berpecah belah. Banyak negara yang penduduk Islam seperti Uganda dan Nigeria ada pergaduhan terus menerus. Sebuah negara pecah dua. Satu Kristian, satu Islam. Akan tetapi hidup mereka bergaduh, berperang sampai sekarang. Kita 1Malaysia. Ada Melayu - Islam, Cina - Buddha, ada India - Hindu. Bangsa lain macam-macam bangsa tetapi masih bersatu padu masih hormat-menghormati sebab kita dapati pemerintahan kita BN bagus, bijak, pandai dan perikemanusiaan. Untuk itu saya syorkan supaya kerusi PBB nanti diambil cara bukan sahaja di Asia Tenggara, Timur Tengah malahan juga di Afrika.

Jadi peranan kita, saya syorkan pertama jadi pendamai. Kedua, saya syorkan terikat dengan OIC. Ketiga, saya syorkan menubuhkan *Committee* peringkat dunia macam mana hendak damaikan dunia. Macam Tun Dr. Mahathir damaikan Iraq dan Iran satu masa dahulu.

Butir yang seterusnya ialah B.21 – Pertanian dan Asas Tani (AGRO Makanan). Kita negara pertanian dan industri tetapi banyak yang kita kurang. Contoh ada 110,000 hektar tanah yang terbiar tidak diusahakan. Balik-balik bentang di Dewan Negara dan Dewan Rakyat tanah terbiar, tanah terbiar. Kita bukan sahaja hendak dengar laporan tanah terbiar tetapi kita hendak dengar tanah terbiar kena usahakan. Tanamlah cili, padi, jagung, sayur, timun dan sebagainya. Untuk itu saya syorkan B.21 berusaha agar tanah-tanah terbiar di seluruh negara diusahakan, dimajukan. Kedua, kita masih import ternakan dan sayur-sayur dari Thailand, Indonesia, biri-biri daripada New Zealand dan juga lain-lain negara.

■1210

Sedangkan, tanah banyak, usaha banyak, teknologi ada, tetapi masih lagi import. Lainlah kalau kentang import tidak apa, cili kering import tidak apa. Ini sayur masih lagi import dari Sumatera. *Last week*, saya pergi Berastagi, Sumatera. Tanahnya subur ada kubis dipanggil kol di sana. Ada cili, ada tomato. Kita import dari sana sedangkan di sini boleh tanam, ramai pegawai, duit ada, tanah ada tetapi masih lagi diimport. Jadi saya syorkan supaya import yang boleh ditanam yang boleh diusahakan di sini tidak lagi diimport, sebaliknya kita eksport keluar, pertama.

Kedua, saya juga hendak tekankan akuakultur. Akuakultur gagal sama ada oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, sama ada B.21 gagal. Sama ada di mana-mana negeri saya tidak nampak lagi satu usaha akuakultur sama ada ikan air tawar, ikan laut, ikan tilapia, keli, puyu, haruan, patin, dan baung jadi cukup. Ia masih lagi diimport, masih lagi tidak cukup. Sedangkan dalam bahasa mudah kita ada tasik, sungai, kolam, dan sebagainya. Kenapa kita masih lagi *import* barang-barang tersebut sama ada sayur, sama ada biri-biri, lembu, kambing, dan sebagainya.

Malu kita. So saya syorkan ini B.21 kena selesaikan untuk mencari cukup hidup dengan menjadikan Malaysia betul-betul negara sendiri diri yang cukup hidup, cukup makanan, dan bekalan. Satu lagi, saya hendak sebut IPTA iaitu UiTM. UiTM...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang saya melihat bahawa kita banyak tanah terbiar, tanah yang begitu luas untuk kita bercucuk tanam. Adakah kerana dia takut kegagalan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyebabkan kita gagal dalam pertanian kita untuk memajukan pertanian di seluruh Malaysia? Kita lihat sekarang ini baja makin meningkat, harganya naik tanpa ada kontrol untuk peningkatan harga ini menyebabkan petani menanggung beban untuk membeli baja-baja ini untuk menyegarkan pertanian mereka. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa betul juga tetapi kalau kita hendak sebut kementerian gagal 100 peratus tidak betul juga, sikap. Kena tengok banyak aspek. Satu sikap rakyat, sikap petani, kementerian, alat-alat, pengetahuan, teknologi, dan macam-macam. Okey, puas hati, ya?

Seorang Ahli: Baja...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baja? Baja juga kita masih import baja. Baja dari Rusia, dari Eropah, dan dari negara luar. Baja kita masih lagi tidak cukup kualiti, tidak cukup standard. Walaupun kita buat baja tetapi baja kita *low* kualiti sebab itu kita ambil dari *Japan*, dari Korea, atau dari Thailand atau Siam. Jadi kita masih lagi belajar, masih lagi teknologinya dibaiki. Sila Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya perkara ini telah banyak kali kita bawa. Tiap-tiap kali kita kata banyak tanah yang terbiar. Akan tetapi pada pendapat saya, kita tidak ada angka yang sebenarnya berapa ekar yang terbiar dan di mana? Saya fikir *the first step*, dengan izin, yang kita patut buat ialah buat kajian terperinci dahulu. Berapa banyak tanah yang terbiar dan di mana kawasan-kawasan ini, barulah kita dapat mengatasi. Kita cuma cakap banyak tanah yang terbiar, kita tidak tahu siapa punya, sebab apa dan kita tidak tahu apakah tanah itu boleh digunakan untuk apa, dan sebagainya.

Jadi saya cadangkan kementerian yang berkenaan, buat kajian terperinci dahulu supaya kita dapat angka-angka itu. Kemudian, baru kita buat pelan untuk apa yang kita hendak buat kepada tanah yang terbiar ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya setuju 100 peratus dengan Yang Berhormat Tan Sri. Akan tetapi umumnya jumlah 110,000 hektar tetapi nyatakan sahaja tidak cukup kena susul dengan tindakan apa hendak buat. Terbiar, terbiar, terbiar bila di sini, di sana tidak cukup. Kena ada tindakan susulan. Kedua, saya juga hendak sebut...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Bolehkah? Sebelah sini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Apabila berbincang tentang pertanian ini, sudah kita tahu semua negara kita ini tanah pertanian sangat luas sebagaimana telah disebutkan tadi. Daripada apa yang telah disebutkan juga kita dapati banyak tanah yang terbiar yang kita tidak guna atau tidak digunakan sampai kini. Kalau kita melihat kepada ruang tanah pertanian yang ada di dalam negara kita ini dan kalau kita dapat penuhi penggunaan yang sebaiknya dan sepenuhnya, apakah kita tidak lagi bergantung kepada negara luar daripada segi pertanian?

Itu yang saya rasa kita perlu tengok juga sebab apabila kita boleh dapat *survive*, dengan izin, diri kita, negara kita dengan pertanian kita, dengan sendirinya kita dapat beri pekerjaan kepada rakyat kita. Kalau boleh kita dapat mengeksport kepada negara luar. Sebagaimana yang telah dibuat oleh negara Thailand kepada negara kita dan dari Indonesia. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya setuju sangat. Kalau semua tanah terbiar diusahakan sepenuhnya, kita tidak lagi bergantung kepada import makanan dan ternakan. Ini 110,000 hektar bukan sedikit. Ia luas dan banyak. Boleh beri pekerjaan, cukup sara diri, tidak lagi bergantung kepada import, dan sebagainya. Setuju.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Ikut ucapan Yang Berhormat, tanah dibiarkan. Akan tetapi kita dapati ada orang berusaha mengusahakan tanah haram. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam usaha tanah haram itu? Satu lagi, kalau kita menanam, katalah kopi dengan kos yang tinggi dan memanglah harganya akan tinggi, lebih tinggi daripada kita mengimport kopi dari negara lain. Jadi apa pandangan oleh Yang Berhormat tentang itu?

■1220

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tanah terbiar biasanya tanah sendiri, milikan sendiri- itu dibiarkan, padi tidak tanam, sayur tidak tanam. Ada tanah tetapi *owner* sudah tua, anak malas. Anak tidak mahu, terbiar, tumbuh lalang, tumbuh rumput. Tanah haram ini tanah kerajaan, diceroboh, diambil bukan tanah sendiri tetapi tanah kerajaan. Ini ada beza antara terbiar dengan haram, faham? Kopi, kopi memang tinggi, harga pun tinggi tetapi kalau diusahakan kopi itu boleh mendatangkan hasil. Ada tanah terbiar dekat Sarawak, boleh tanam kopi tetapi tidak tanam. Kalau tanam, kopi jadi banyak dan apabila banyak, harganya jadi murah. Apabila tidak tanam kopi, kopi ditanam sedikit-sedikit, kopi jadi mahal. Itu kopi. Jadi saya syorkan supaya tanah terbiar yang sesuai untuk ditanam kopi, tanamlah. Sarawak, Sabah, sini boleh tanam tetapi kurang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okey.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Saya hanya hendak bertanya Yang Berhormat, yang sebenarnya pada pandangan saya Kementerian Pertanian telah membuat pelbagai usaha untuk mendapatkan rakyat Malaysia ini menggunakan tanah terbiar dan sebagainya. Ini kerana saya tahu bahawa kerajaan banyak membuat usaha umpamanya untuk memberikan program ladang kontrak kepada orang-orang yang ada tanah. Inikah yang diuar-uarkan di seluruh negara dan kalau hendak tahu semalam, saya sendiri masuk ke perkampungan Orang Asli. Kepada Orang Asli pun, kita telah menguar-uarkan perkara ini. Saya hendak maklumkan bahawa umpamanya Orang Asli sudah respons dengan ingin menggunakan tanah yang ada pada mereka untuk tanaman fertigasi cili dan juga untuk tukarkan durian kampung kepada durian Musang King.

Jadi sebenarnya usaha ini ada. Apa yang perlu ialah sikap mereka-mereka yang ada tanah. Mereka harus tampil ke hadapan dan juga wakil-wakil rakyat di semua kawasan harus memberikan galakan, penerangan tentang apa yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan kementerian pertanian. Jadi hendak pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya setuju. Ada Orang Asli, apabila kita masuk kampung Orang Asli jangan tengok dia, jangan belajar budaya dia saja, tengok pakaian dia, tengok rumah dia, bukan. Itu masa dahulu. Sekarang saya mengesyorkan supaya Kementerian Pertanian masuk, buka ladang kelompok, tanam secara komersial, ajar mereka bercucuk tanam dengan peliharaan ternakan. Ubah sikap, ubah cara bertindak, cara bekerja, cara berfikir. Jangan tengok masuk, tengok rumah dia, tengok anak dia, tengok rambut dia, tengok cara makan dan minum dia, tidak. Itu *outdated*, ketinggalan.

Jadi saya mengesyorkan Dato' Muhammad Olian bin Abdullah sebagai pengerusi Orang Asli ajak kementerian buat tanaman kelompok. Padi, jagung, sayur, ajar! Kementerian *so far* tidak ada lagi usaha besar-besarnya melibatkan Orang Asli bercucuk tanam, memelihara binatang secara komersial.

Ayam banyak kah, itik banyak kah, kambing banyak kah, masuk kampung ambil video, keluar TV, gambar-gambar, suka-suka, jadi bahan pameran sahaja.

Malaysia sudah berubah, kehidupan kita sudah canggih. Jadi saya hendak minta sangat-sangat kementerian agar mengubah sikap. Tanah Orang Asli bukan pameran tetapi tanah masyarakat Orang Asli itu sebagai aset yang penting untuk produktiviti pertanian dan ekonomi, boleh?

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Sudah kita masuk semalam. Sebenarnya sudah dua buah tempat yang pertanian sudah buat. Jadi saya hendak bagi maklum bahawa Kementerian Pertanian sebenarnya sudah mulakan dan saya mengalu-alukan kepada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian untuk bersama-sama dengan program kerajaan ini, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Seterusnya UiTM. Oh okey, orang baru kena bagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya Dato'. Saya kira dalam konteks program jaminan bekalan dan pengedaran agro makanan ini suatu perkara yang amat penting dan mustahak terutamanya apabila kita bercakap soal berhadapan dengan pelbagai isu harga barang yang kita tidak dapat kawal. Dalam konteks ini, saya kira perlu kerajaan tidak kiralah Kementerian Pertanian ataupun secara holistik, secara komprehensif mengadakan sebuah pelan sama ada jangka pendek ataupun jangka panjang untuk melihat secara keseluruhan bagaimana hendak menyelaraskan isu ini di semua kementerian.

Tadi kita berbincang soal Orang Asli tetapi banyak juga isu-isu yang berkaitan dengan tanah wakaf, berkaitan dengan tanah yang tidak diusahakan yang menyentuh *jurisdiction*, dengan izin, ataupun bidang kuasa pelbagai agensi dan juga sektor. Ini saya kira penting kerana kalau kita tidak dapat memberikan jaminan makanan, perkara-perkara yang asas, menyentuh soal perut rakyat kita. Semuanya terpaksa- ataupun banyak sekali kita terpaksa bergantung kepada bahan-bahan import. Kita tidak dapat mengawal harga pasaran tersebut. Jadi saya kira kalau kita boleh saya cadangkan untuk kita mengadakan sebuah pelan yang komprehensif sifatnya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya bersetuju dan amat gembira serta berbangga. Saya setuju supaya satu pelan induk pertanian segera digubal, dibuat sama seperti pelan induk pendidikan. Pelan induk pertanian meliputi semua aspek, bangsa, tempat, keadaan, musim, bajet, pegawai dan semua negeri di seluruh. Okey, *thank you*.

UiTM. Saya hendak tanya IPTA, sudah kah kuota 200,000 tercapai? Saya ingat tidak sampai lagi. Gong besar, palu besar, bunyi besar, silap besar, taring besar tetapi adakah kuota anak-anak bangsa Melayu bumiputera sudah tercapai 200,000 orang? Kalau tidak mencapai, kena buat. Jangan tunggu lama-lama. Jangan dasar, dasar tetapi kosong. Apa-apa pun tahniah kepada UiTM sebab merata-rata, terima kasih kecuali Dyana Sofya sahaja, Teluk Intan.

■1230

Kedua, saya hendak syorkan bajet yang ada untuk akan datang juga, pertama, tambah kursus-kursus yang lebih banyak. Kedua, tambah kursus-kursus profesional seperti *medic*, aeroangkasa, saintis dan juga lain-lain bidang secanggih dunia. Bukan bersifat kebangsaan, bukan bersifat global, tetapi bersifat global. Kursus yang ada UiTM hendaklah juga, di Amerika ada, di England ada, di Perancis ada, di Eropah ada, di UiTM kena ada. Jangan UiTM dipandang boleh cakap bahasa 'Orang Putih' sahaja. Jangan pandang UiTM tempat anak-anak Melayu boleh cakap 'Orang Putih' sahaja.

Kedua, saya hendak minta kaum bumiputera sama ada Iban, Kadazan, Negrito, Semalai, Jakun, Batak, semua bumiputera hendaklah ada di sana, sesuai dengan Artikel 152, Artikel 153 Hak-hak Istimewa Melayu. Jangan orang lain marah, jangan orang lain dengki, sama ada Cina, India, dengki, marah. Inilah satu-satu tempat yang mana anak-anak Melayu bumiputera hendak berpaut, berteduh, menumpang kasih sayang. Ingat! Sebanyak 552 buah pusat pengajian tinggi termasuk diploma, *a-level*, universiti milik bukan bumiputera lebih kurang 80 peratus. Jadi UiTM itu adalah satu-satunya untuk Melayu bumiputera berteduh.

Syarat Malaysia hendak aman, syarat Malaysia hendak masa depan aman dan sejahtera, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Gunung sama didaki, lurah sama dituruni. Oleh itu saya syorkan, di semua bidang sama ada pelajaran, ekonomi, sosial, perumahan, sebiji kek, hendaklah adil. Beri sama-rata, sama rasa- 30 peratus Melayu bumiputera, 70 peratus orang lain. Jadi, kalau tempang, tidak seimbang...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dengar dahulu. Sayang, dengar dahulu. Jadi kalau masyarakat tidak seimbang, kita tidak hendak lihat sekali lagi 13 Mei. Kita hendak lihat supaya masyarakat Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, bumiputera atau lain-lain bangsa, kek ekonomi, kek pelajaran, kek sosial, kek perumahan, kek-kek lain biarlah seimbang dan sama-rata. Jangan ada suara-suara sumbang, jangan ada suara ekstremis hendak dibangkitkan sesuai. Kalau semua orang ikut perlembagaan ini *insya-Allah*, Malaysia akan aman damai. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Dato' Rahman. Teruja sekali ucapan Dato' Rahman yang bersemangat mengenai bumiputera termasuklah kelompok etnik bumiputera yang lain. Akan tetapi saya merasa sedih sejak pengumuman Perdana Menteri pada 25 Februari 2012 bahawa masyarakat Siam berhak untuk dapat masuk UiTM dan sehingga sekarang ini, saya mengutus surat malah, saya telah menghubungi dengan pejabat Perdana Menteri dan Setiausaha Sulit Perdana Menteri menyatakan bahawa orang Siam adalah layak untuk masuk UiTM dan telah pun diputuskan oleh Kabinet. Akan tetapi sampai sekarang ini, bila *online*, tidak dapat masuk ke dalam, permohonan ini tidak dapat masuk ke dalam *online* UiTM. Jadi, saya telah mengutus surat kepada *Vice Chancellor*, sudah dua kali tidak adapun surat itu dibalas. Saya berasa dukacita sekali terhadap apa yang berlaku. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat sebagai ketua masyarakat Siam, jangan putus harapan. Jumpa lagi Menteri, boleh? Jumpa lagi Tan Sri Muhyiddin atau PM. Jangan surat-surat, dia banyak kerja. *You pergi personally* jumpa, boleh?... [*Disampuk*] Okey.

Tuan Chong Sin Woon: Minta laluan sedikit Dato'.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okey.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Dato' berucap tadi berkata bahawa orang Melayu, bumiputera hanya ada tempat di sini untuk berpaut. Adakah maksud Dato' bahawa orang-orang bukan Melayu atau bukan bumiputera ada tempat lain untuk berteduh, berpaut dan bukannya tanah air ini? Sila jelaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Maksud saya, UiTM itu ibu, induk. Lain, tempat ranting. UiTM itu bapa, ibu, induk yang paling besar. Tempat lain, 552 itu ibu kepada bukan Melayu. Faham? Bukan negara lain. Tempat dia sahaja.

Tuan Chong Sin Woon: Minta satu lagi penjelasan. Apabila berkata kepada UiTM ataupun pusat-pusat pengajian awam yang dikatakan sebagai tempat berteduh, berpautnya bumiputera Melayu, tetapi orang-orang bukan bumiputera boleh berteduh di 500 lebih pusat pengajian swasta. Itu perbezaannya. Apabila dikatakan swasta, sebenarnya swasta tidak ada kuota dan mereka yang pergi mengaji di kawasan-kawasan itu, pusat-pusat itu berdasarkan kepada kewangan persendirian ibu bapa ataupun keluarga tetapi di pusat-pusat awam itu wang ringgit kerajaan yang dikutip daripada rakyat. Itu bezanya. Kita tidak mencabar bahawa UiTM itu untuk membantu bumiputera dan Melayu. Akan tetapi apabila setiap kali diungkit isu ini kata, di swasta ini majoritinya orang-orang bukan Melayu. Bukannya kita hendak pergi ke situ tetapi kalau tempatnya ada di awam, lebih baik kita pilih awam, tidak ke swasta. *Thank you*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Universiti awam ada 20 lebih di Malaysia. UiTM salah satunya. Tempat yang lain seperti UKM, UM, UTM, UUM, banyak lagi, itu tempat semua sekali bukan Melayu ada lebih daripada 50 peratus. Contoh UKM, bukan Melayu *more than* 50 peratus. UM, lebih daripada itu. Jadi, kalau tidak setuju, boleh *check* dengan Kementerian Pendidikan. Bukan saya kata, kuota kata, fakta kata. Jadi, hendak sebut bahawa negara ini adil sebab ada universiti lain, bukan Melayu banyak di semua universiti. Betul, betul? Kuat sedikitlah. Betul? Bisu sahaja buat apa. Betul? Hah! Okey. Bukan marah, sayang.

Kedua, saya hendak juga IPTA, wujudkan sekolah wawasan. Jangan takut. Dengar sahaja hendak sekolah wawasan, hendak sekolah wawasan, sebuah bangsa, satu aliran, tetapi tidak jadi-jadi sebab takut penghalang, pembangkang. Saya tidak jumpa lagi negara yang macam Malaysia. *Sorry*, saya pergi Thailand, banyak bahasa, Vietnam banyak bahasa, banyak bahasa dan Amerika banyak bahasa. Akan tetapi bahasa guna satu sahaja, Bahasa Kebangsaan.

■1240

Jadi, wawasan kena buat. Kerajaan tak perlu takut, kerajaan tak perlu bimbang. Demi perpaduan, demi gagasan, wawasan 1Malaysia, satu bahasa, satu jiwa. Dia hendak tanyakah? Tengoklah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat lima minit lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, lima minit lagi. Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak sampai lima minit kah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak sebut, Jabatan Perkhidmatan Awam, nak sebut pelat, sakit.

Seorang Ahli: Perkhidmatan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tak boleh Tan Sri, *you* tolong sebutlah [*Ketawa*]

Seorang Ahli: JPA..

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: JPA.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Katakan JPA, cukuplah itu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: JPA, cukuplah itu. Saya syorkan, semua pegawai hendak jadi pegawai JPA, kena ada syarat. Pertama sekali, kena masuk kursus, lulus ujian. Kursus itu kena ada jiwa jati Malaysia atau semangat patriotik. Sekarang makan gaji dengan kerajaan. Kerajaan bagi semua sekali. Duit, gaji, elaun, kemudahan cuti sakit, cuti bersalin, cuti-cuti 1Malaysia. Apakah lagi? Perumahan, kemudahan, pakaian, subsidi, tetapi akhirnya derhaka juga kepada kerajaan sebab tak ada semangat patriotik. Tak ada semangat jati diri.

Oleh itu, saya syorkan, semua bidang JPA hendaklah ada semangat patriotik, jati diri, semangat cinta negara dan semangat sayang negara. Indonesia, PATI-PATI datang ke Malaysia, kerja di Malaysia bertahun-tahun. Kahwin dua, tiga, empat cukup. Anak berbelas-belas. Duduk bertahun-tahun di sini. Akan tetapi kalau bola, badminton, bola sepak, Malaysia lawan Indonesia, mereka tetap sokong Indonesia. Betul? Betul? Sebab ada jati diri sebab ada semangat patriotik. Malaysia, bola menang pertama, kedua menang, ketiga kalah, keempat kalah, cabut lari. Semua Malaysia macam ini. Tak betul sebab didikan tak betul. Asas tak betul? Oleh sebab itulah saya syorkan supaya semua pegawai JPA termasuk atas-atas ini kena pergi kursus patriotik, macam kursus di BTN.

Kedua, saya hendak minta semua lulusan universiti di Malaysia, dua tahun ke atas, ambillah. Ada banyak jumpa saya, empat tahun lulus universiti tak boleh kerja. Lima tahun, tak boleh lagi sebab ada banyak. Mereka belajar tinggi-tinggi, habis ratus ribu, masa, tenaga, wang ringgit. Minta JPA, berbelas-belas, berpuluh-puluh borang, isi, isi, isi! Akan tetapi hampa, hampa, kecewa. Jadi, ada yang sebulan boleh kerja. *So*, saya syorkan supaya mereka yang sudah menganggur lebih setahun, berilah kerja. Kalau tak cukup kerja, *create* atau cipta peluang-peluang kerja yang lebih baik.

Sekarang saya hendak tahu juga, kuota beberapa nisbah? Penduduk Malaysia, 28 juta. Ada berapa nisbah seorang pegawai JPA dengan penduduk? Kalau doktor, negara maju, nisbah satu doktor:350 orang, Eropah. Betul? Kalau negara sini, satu JPA ada beberapa kuota? Sesuai dengan *standard* dunia maju, jangan ambil Bangladesh, jangan ambil Burma, jangan ambil *Cambodia*. Ambil negara maju, macam Eropah, macam Amerika, berapa kuota seorang pegawai JPA dengan rakyat? Saya kira masih lagi kurang walaupun JPA sering mendakwa dia banyak kakitangan kerajaan.

Akhir sekali, saya simpulkan. Ini satu bajet yang amat baik, yang amat teliti dan yang amat bagus. Akan tetapi untuk akan datang, saya sudah tak ada di sini tetapi saya syorkan bagi bajet 2015, tidak ada lagi defisit, tidak ada lagi kurang. Ini kurang-kurang, kenapakah kurang? Hendak tunjuk apa? Hendak tunjuk bahawa kita banyak yang hendak dibuat tetapi duit tak ada.

Oleh itu, saya syorkan ada defisit tetapi defisit belanjawan, jangan macam sekarang. Macam sekarang 35 peratus. Saya minta defisit jangan lebih daripada 1 peratus Yang Berhormat Menteri. Oleh itu, saya sokong penuh supaya bajet sebanyak RM4.1 bilion diluluskan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, silakan.

12.47 tgh.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyokong perbelanjaan tanggungan anggaran tambahan pertama 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya yang pertama ingin sentuh Maksud T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan juga Ganjaran. Saya telah juga beberapa kali membangkitkan, banyak lagi pegawai kerajaan yang kerja tidak tetap, tidak mendapat apa-apa imbuhan setelah mereka bersara sedangkan mereka telah bekerja 40 tahun lebih. Contohnya, pegawai-pegawai KEMAS, pegawai JASA, Rukun Tetangga, askar Wataniah dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya berharap dalam belanjawan akan datang, sama ada tambahan ataupun belanjawan tahunan, perkara ini dapat diambil kira oleh kerajaan. Begitu juga jawatankuasa-jawatankuasa yang banyak membantu kerajaan seperti JKKK patut juga dilihat agar mereka juga dapat elaun tahunan ataupun bulanan seperti mana nelayan, sekarang pun dapat juga dalam RM200 pada setiap bulan. Sedangkan sebahagian juga daripada nelayan berkenaan tidak menyokong kerajaan tetapi mereka juga mendapat bantuan bulanan.

Satu lagi, yang perlu kerajaan beri perhatian ialah ahli-ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara. Ramai juga setelah mereka bersara, mereka terbiar begitu sahaja. Begitu juga ahli-ahli seni yang telah dapat menghiburkan kehidupan kita tetapi apabila mereka uzur, tua, mereka juga tidak dapat apa-apa imbuhan yang sewajarnya. Saya berharap kumpulan-kumpulan yang begini patut diberi perhatian oleh kerajaan agar mereka juga dapat pembelaan dalam proses kita menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

■1250

Satu lagi yang saya melihat kerajaan memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang telah banyak menjalankan tugas yang lebih berat seperti LHDN. Pendapatan LHDN semakin meningkat dan mereka diberikan imbuhan. Ini satu perkara yang amat baik yang patut diberi juga kepada agensi-agensi yang lain misalnya SPRM yang tugas mereka semakin bertambah berat. Kalau dulu untuk menyemak jika ada aduan tapi kini mereka juga diletakkan di jabatan-jabatan, banyak ya, pegawai-pegawai SPRM telah diminta membantu agensi-agensi kerajaan agar ketirisan dan sebagainya dapat dikurangkan.

Saya difahamkan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, gred mereka ini tidak berapa tinggi. Saya hendak cadangkan supaya gred pegawai-pegawai SPRM di peringkat kebangsaan termasuk juga di negeri-negeri dan di daerah-daerah dinaikkan pangkat supaya mereka mendapat ganjaran yang sewajarnya dengan kerja yang dilakukan. Ini kerana kadang-kadang mereka bekerja lama ya untuk mengambil siasatan dan sebagainya. Satu hari kadang-kadang makan masa lebih daripada 8 jam.

Satu lagi yang saya ingin bangkitkan ialah Maksud B.13 - Kementerian Luar Negeri. Saya melihat ini memang satu perkara yang penting untuk kita melobi duduk sebagai Ahli Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sudah tiba masanya Malaysia yang sentiasa dihormati daripada dulu.

Kalau kita lihat kes Congo dulu, Malaysia pergi ya. Yang terbaru di Timor Leste juga pegawai-pegawai kita sentiasa mendapat pengiktirafan yang tinggi bahkan juga di Timur Tengah bahkan juga dalam membaiki hubungan yang bergaduh di Filipina, perpaduan Bangsamoro, Malaysia telah mendapat nama yang amat baik. Ini kerana itu adalah wajar kita melobi untuk mendapatkan Ahli Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya hendak sokong apa yang Dato' Haji Abdul Rahman sebut, kita patut juga memainkan peranan yang lebih aktif dalam OIC kerana nampak sekarang ini OIC senyap dan tidak berfungsi lagi seperti dahulu. Kerana itu jika Malaysia boleh sama-sama memainkan peranan, saya percaya dunia akan menjadi lebih aman daripada apa yang berlaku sekarang.

Kita tidak boleh bergantung kepada negara-negara Barat dan maju kerana mereka hanya akan bertindak jika menguntungkan mereka. Kalau ada minyak, saya percaya mereka dari negara Barat akan pergi dengan lebih cepat. Akan tetapi kalau tidak ada minyak, tidak ada apa yang mereka boleh dapat daripada segi keuntungan ekonomi, mereka akan biarkan penduduk bergaduh begitu saja. Misalnya yang berlaku di Nigeria ataupun berlaku di negara-negara Afrika.

Mereka biarkan sahaja kerana tidak ada apa-apa hasil bahkan dalam penganiayaan masyarakat Islam di Myanmar, kita tahu mereka duduk dalam keadaan yang susah. Tidak adapun tindakan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar kumpulan pengaman, bukan menghantar tentera. Akan tetapi kalau ada minyak macam di Iraq, mereka membohongi dunia mengatakan ada *mass weapon of destruction*, dengan izin, hingga satu dunia setuju endorse negara-negara Barat seperti Amerika dan Eropah menyerang Iraq. Setelah Iraq dikalahkan, tidak adapun apa yang dikatakan di sana.

Akan tetapi bagi negara-negara miskin yang bergaduh, tidak ada apa pun yang dilakukan. Sebab itulah Malaysia boleh memainkan peranan yang penting atas nama kemanusiaan jika kita mendapat tempat yang baik dalam Ahli Tidak Tetap dalam PBB. Jika kita dapat tidak tetap, mungkin satu hari esok, jika Malaysia benar-benar memainkan peranan yang penting, kita boleh juga lobi untuk duduk dalam Majlis Keselamatan PBB yang tetap. Di samping itu saya ingin menyentuh juga hal Kementerian Luar Negeri, dalam lawatan saya ke luar negara, kita selalu berjumpa dengan kedutaan khususnya dalam bidang pendidikan. Yang ini hendak buka lagi pusat di negara-negara seperti Baku, Azerbaijan dan kemungkinan di Nanning, saya amatlah menyokong penuh dan saya hendak bangkitkan hal-hal pelajar.

Kalau kita melihat banyak negara kita hantar pelajar dengan ramai. Misalnya di Timur Tengah, di Cairo khususnya tapi kita tidak ada pegawai yang cukup. Cuma ada seorang ketua program pelajar. Staf pegawai dia pun seorang dua. Sedangkan pelajar yang pergi ke sana ramai. Yang ditaja oleh kerajaan termasuk juga oleh sektor swasta dan akhirnya diambil kesempatan oleh kumpulan-kumpulan yang tidak mempunyai semangat patriotik. Mereka akan tiba saja di *airport*, kumpulan mereka ini akan datang dan ambil pelajar ini. Lepas itu bawa tempat mereka dan mereka akan diuruskan daripada segi kenderaan, tempat tinggal, orientasi dan akhirnya mereka dididik untuk membenci kerajaan. Apabila kita bertanya mengapa pegawai kita tidak pergi urus, kita tidak cukup pegawai.

Kerana itulah saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengadakan bilangan pegawai yang mencukupi. Kita ada banyak pegawai kementerian bahkan sektor NGO yang mempunyai semangat Malaysia yang tinggi, kita boleh hantar mereka untuk bekerja termasuk juga kumpulan-kumpulan pegawai yang pencen misalnya. Jadi kalau mereka ini kita hantar, mereka boleh menguruskan pelajar-pelajar ini daripada awal. Bukan sahaja pelajar kerajaan bahkan juga pelajar yang ditaja oleh sektor swasta. Kerana itulah saya berharap bilangan pegawai-pegawai yang menjaga pelajar di luar negara perlulah ditambah.

Perkara ketiga yang saya hendak sentuh Maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Belanjawan yang diminta RM72 juta ini amat wajar disokong. Kita masih menghadapi isu import makanan yang besar melebihi RM13 bilion setahun. Antara isu-isu yang masih boleh kita baiki membina pusat-pusat pemasaran di ibu negeri seperti pasar borong dengan lebih selesa dan besar. Boleh melibatkan lebih ramai lagi peniaga-peniaga. Kerajaan negeri ada kekangan hendak bina pasar borong yang besar oleh sebab sistem percukaian negara kita tidak memberi rebat kepada negeri-negeri yang mengutip cukai.

Saya ambil contohlah macam Melaka. Saya selalu sebutlah senang, kalau RM2.6 bilion kita dapat cukai di sana, tiba Kuala Lumpur, Kuala Lumpur tidak ada pulangan balik katakan 10 peratus secara tunai. Ia bagi dalam bentuk projek.

Akan tetapi kalau bagi tunai katakan 10 peratus, kita dapat RM260 juta. Kalau 5 peratus, RM130 juta. Ini dengan mudah kita boleh membina pasar borong yang lebih besar untuk kepentingan tempatan. Oleh sebab sistem kita sudah begitu rupa, saya ingin cadangkan kerajaan membantu kerajaan negeri, membina pasar-pasar borong yang lebih besar sama ada pasar basah ya ataupun pasar kering supaya peniaga-peniaga, petani-petani yang ingin memasarkan barangan mereka dapat dalam suasana yang selesa untuk menghantar barang-barang mereka yang segar.

Kedua, kita juga telah melihat di luar negara, mereka banyak membuka pasar dalam bilik *air condition*, tidak terbuka. Ini terdapat di Eropah. Namanya agrobazar. Kita ada pasar tapi pasar tani kita terbuka. Dalam lawatan saya ke Beijing minggu lepas, di sana pun ada bazar agro *air condition* yang besar. Jadi dalam itu dia jual sayur, dia jual buah-buahan bahkan jual bunga. Jadi di ada *air condition*. Jadi bila ada *air condition*, bunga tahan lama, buah tahan lama, sayur tahan lama. Saya fikir kerajaan patut bagi peruntukan kepada FAMA untuk buka bazar agro ini secara *air condition* dan untuk mengurangkan kos penggunaan elektrik, kita boleh gunakan teknologi hijau, menggunakan cahaya matahari sebagai penjana kuasa.

Dengan cara begini kita boleh selamatkan duit untuk *air condition*. Di samping itu saya juga ingin mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Jadi saya tangguhkan Dewan ini sementara. Nanti kita sambung balik sebelah petang jam 2.30.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sambung balik tengah hari ya? Terima kasih Yang Berhormat.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Kita sambung semula persidangan Mesyuarat kita hari ini dengan mohon Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam sambung perbahasannya. Silakan.

2.31 ptg.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula perbahasan sokongan berkaitan dengan belanjawan tahunan 2014.

Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Isu utama negara adalah import makanan yang terlalu tinggi melebihi RM13 bilion setahun dan perkara ketiga dalam isu ini yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan import daging. Kita, rakyat Malaysia banyak makan daging terutama daging lembu. Kita telah import dari Australia, bahkan juga dari India, Thailand, Myanmar, *Cambodia* dan sebagainya. Namun mutakhir ini negara China ini juga telah bertambah kuat ekonomi dan penduduk China pun sudah mula banyak makan daging lembu. Mereka pun sudah mula import daging lembu dari Myanmar, Kemboja dan juga dari Thailand. Oleh sebab itu harga daging lembu di Malaysia juga semakin lama semakin meningkat.

Dalam lawatan saya ke Indonesia, rupanya Indonesia walaupun tanahnya besar, mereka pun import daging lembu juga lebih kurang 500,000 ekor lembu diimport dari Australia setiap tahun. Oleh sebab itu, kita menghadapi masalah berpanjangan. Saya hendak cadangkan untuk mengatasi isu ini, kerajaan perlu ada pusat pembiakan benih anak lembu di negara kita. Sekarang ini anak-anak lembu kita import dan harganya pun terlalu tinggi melebihi RM1,000. Kalau perkara ini tidak diatasi, saya percaya satu hari nanti harga daging lembu akan naik. Seekor melebihi RM5,000 dan sudah tentu dalam jangka panjang ia tidak dapat diatasi.

Jika kita tidak boleh juga hendak buat di Semenanjung, saya cadangkan kita kena gunakan tanah yang sejuk di Sabah seperti di Kundasang. Kalau ini juga tidak boleh dilakukan, saya cadangkan kita terpaksa beli kawasan-kawasan ternakan di luar negara misalnya beli ladang-ladang lembu di Australia ataupun di Thailand saya sesuai dan kita ternak lembu di luar negara secara besar-besaran dan selepas itu kita proses di sana. Setelah daging dipotong, dibawa balik ke Malaysia. Ini cara yang boleh kita lakukan secara jangka panjang. Jika tidak, saya percaya isu ini tidak akan dapat diatasi.

Satu lagi isu berkaitan bahan mentah iaitu daging, sayur dan sebagainya ialah isu peti sejuk. Banyak barang kita mudah lupus dan orang ramai tidak mampu hendak adakan peti sejuk yang besar. Seperti kompeni daging ayam macam Huat Lai misalnya, dia bina peti sejuk sebesar ini... [Merujuk kepada saiz Dewan] Lori pun boleh masuk. Jadi masa daging turun, dia akan ambil semua daging dan disimpan. Bila harga daging naik, dia akan jual balik dan daging sejuk ini boleh bertahan dalam tempoh satu tahun.

Jadi saya hendak cadangkan kerajaan terpaksa membina peti sejuk yang besar di ibu negeri seluruh negara dan berbincang dahulu dengan mereka yang terlibat agar kos penyelenggaraan dan sebagainya dapat dikongsi bersama. Bukan sahaja untuk daging bahkan juga untuk buah-buahan, bunga-bunga dan sebagainya. Dengan cara begini, bahan-bahan pertanian kita boleh bertahan lama dan sebahagiannya juga boleh kita eksport ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Kementerian Pendidikan – Maksud B.41. Saya sokong peruntukan tambahan untuk UiTM. Di negeri-negeri, isu kita ialah kos sara hidup yang meningkat. Saya ingin mencadangkan sekali lagi kepada kementerian agar pada masa yang akan datang dalam belanjawan tambahan ataupun belanjawan tahunan dapat memasukkan juga kos kokurikulum yang kini membebankan ibu bapa. Kalau satu kegiatan luar memakan RM100, kalau anaknya tiga hingga empat orang, sudah RM300 hingga RM400.

Kita kata pendidikan percuma tetapi sebenarnya kos kokurikulum inilah yang telah menyebabkan ibu bapa terpaksa menanggung kos lebih tinggi. Jika ini dapat dibantu oleh kerajaan dengan mengambil sebahagian daripada misalnya wang BR1M yang saya fikir sebahagiannya tidak dinikmati ataupun tidak disyukuri oleh sebahagian penerima. Sepatutnya mana yang tidak layak itu ditarik balik dan wang ini patut diberi kepada mereka yang sepatutnya menerima.

Isu kedua ialah sekolah-sekolah di luar bandar tempat berkumpul. Kalau di sekolah menengah mereka ada dewan besar. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan mereka juga ada dewan. Akan tetapi sekolah-sekolah kebangsaan, rata-rata tidak ada dewan walaupun muridnya seribu lebih dan murid-murid terpaksa berkumpul di kantin ataupun dalam bilik darjah. Kalau kita ada mesyuarat PIBG, kita guna bilik darjah ataupun kantin. Kalau kita ada *morning prayer*, waktu pagi kita kena di tempat yang terbuka. Ini telah menyebabkan kurang selesa dan PIBG terpaksa bergotong-royong tetapi tidak banyak PIBG yang mampu. Saya ingin mencadangkan kerajaan perlu ada *planning* jangka panjang secara beransur-ansur. Katakan setahun 5 peratus hingga 10 peratus. Dalam tempoh sepuluh hingga 20 tahun, semua sekolah kebangsaan di seluruh negara akan mempunyai dewan yang besar yang boleh memuatkan murid untuk berkumpul.

Kita tidak perlu bina dewan yang ada *air condition*. Kita boleh bina dewan terbuka. Kalau seribu orang, saya fikir RM1 juta mencukupi. Ada sekolah, bangunan dia kiri kanan. Jadi kita cuma hendak bina atap sahaja di atas dan ia boleh menampung sehingga lebih seribu orang murid. Dengan cara begini, semua sekolah kebangsaan akan mempunyai tempat berkumpul yang lebih selesa untuk murid-murid dan juga untuk ibu bapa bagi merapatkan lagi murid-murid dengan ibu bapa dan juga memberi kemudahan dalam pelbagai kegiatan-kegiatan sekolah.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi. Dengan ini saya sekali lagi menyatakan sokongan kepada bil belanjawan tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

2.40 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014.

Saya ingin membahaskan B.13 berkenaan dengan peruntukan kepada Kementerian Luar Negeri, khususnya dalam usaha kerajaan kita untuk melobi menjadi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB yang saya kira peranan Malaysia ini amat mustahak dalam suasana negara-negara Islam seperti mana yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat. Dalam keadaan yang penuh dengan polemik dan masalah dan terbukti Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dinamik progresif dan amat dihormati oleh masyarakat dunia, perlu berperanan dengan lebih aktif, terutamanya sejarah telah membuktikan.

Kita ada *track record*, dengan izin, bagaimana Malaysia memainkan peranan yang penting dalam konteks menjadi fasilitator ataupun pemudah cara pihak ketiga dalam proses damai Kerajaan Filipina dengan MILF ataupun barisan pembebasan Islam Moro. Kita mula bertindak secara aktif sejak tahun 1997 dan baru-baru ini disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bagaimana buat kesekian kalinya, berakhirnya kita berjaya mendamaikan Kerajaan Filipina dengan MILF yang sebenarnya konflik itu telah meragut lebih 100,000 nyawa.

Ini satu contoh bagaimana penting sebuah negara Islam yang dilihat berkemampuan menjadi faktor ataupun negara pemersatu dan juga boleh mewakili suara umat Islam dan juga negara-negara Islam. Terutamanya sebagai faktor pengimbang dalam Majlis Keselamatan PBB hari ini yang rata-ratanya didominasi oleh negara-negara yang kita dapat lihat banyak sekali kecenderungan politik masing-masing yang telah mengakibatkan konflik itu secara berterusan. Jadi, perlu ada suara yang bersifat *moderate*, dengan izin, ataupun sederhana seperti mana Malaysia. Sebab itulah saya kira ini satu perkara yang mustahak.

Hujah saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dinamik dan progresif ini ialah satu perkara yang tidak boleh kita nafikan sama sekali. Cuma saya sedikit amat dukacita kerana sejak akhir-akhir ini semacam polemik mengatakan ataupun hendak menafikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam ini adalah satu yang begitu mudah dipermainkan oleh pihak berkepentingan.

Saya tidak mahu kita berbalah berkenaan dengan status Malaysia negara Islam ataupun tidak. Walaupun hakikatnya negara-negara di peringkat antarabangsa mengiktiraf kita sebagai negara Islam. Itu satu perkara yang kita tidak boleh nafikan, cuma jangan kita menafikan fakta bahawa dalam kerangka walaupun soal label itu bagi saya tidak penting kerana kalau boleh saya sebutkan di sini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dalam prinsip syariah pun label ataupun nama itu tidak penting... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Maknanya, dalam kaedah fiqah. Disebut satu-satu perkara itu bukan ditentukan berasaskan label ataupun *fault* tetapi lebih banyak kepada inti pati.

Sebab itulah dalam konteks Malaysia, Malaysia kerajaan kita sejak merdeka tidak pernah pun menguar-uar bahawa kita ini negara Islam. Akan tetapi apa yang kerajaan kita laksanakan dalam konteks membangunkan masyarakat, membangunkan rakyat tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama itu adalah sebahagian daripada citra Islam itu sendiri tanpa kita melabelkannya Islam. Sebab itulah kita dilihat sebagai Islam yang progresif dan dinamik.

Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan seperti mana Tuan Yang di-Pertua ada sebutkan bahawa kedudukan Islam memang termaktub dan terpahat padu mengatakan bahawa Artikel 3(1) Islam agama Persekutuan tanpa menafikan hak agama-agama lain untuk diamalkan secara bebas. Kita tidak perlu berpolemik sama ada negara ini sekular ataupun Islam. Akan tetapi kita harus lihat apakah selama 57 tahun kita merdeka, apakah berlakunya di sini diskriminasi agama apabila kita meletakkan Islam itu sebagai agama Persekutuan? Kalau berlaku sebarang diskriminasi, itu satu perkara yang bolehlah kita sama-sama diperdebatkan.

Akan tetapi saya kira dalam konteks negara kita tidak pernah berlaku sebarang diskriminasi kaum mahupun agama. Kita dapat lihat masyarakat Islam pun tumpang berbangga mempunyai patung Buddha tertinggi yang terbesar di negeri serambi Mekah, negeri saya sendiri. Kita ada patung yang duduk yang paling besar, patung Buddha yang berdiri yang paling besar, hatta yang tidur yang paling besar. Bukan itu sahaja. Agama Hindu pun kita ada patung yang paling tinggi umpamanya.

Tidak ada masalah. Tidak pernah ada demonstrasi dan sebagainya sebagaimana negara-negara yang mendabik dada bahawa mereka negara Islam yang sederhana, progresif dan dinamik. Akan tetapi kenapa hari ini wujud segelintir kelompok yang berkepentingan kerana terlalu gopoh, terlalu taksab untuk berkuasa mula untuk memainkan isu-isu agama yang tidak sihat dan hanya akan meruntuhkan keamanan dan kestabilan negara selama ini.

Sebab itulah saya kira di Dewan yang mulia ini kita harus berlapang dada dan harus berasa bangga dan tidak perlu berasa apologetik ataupun rasa bersalah, dengan izin, mengatakan bahawa kita ini bukan negara Islam kerana masyarakat dunia mengiktiraf kita sebagai negara Islam. Atas asas ini jugalah sebagai negara Islam yang progresif, dinamik dan juga sederhana, *wasatiyyah*, dengan izin, kita harus melobi negara-negara lain untuk menjadikan kita ataupun untuk menerima kita sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB.

Oleh sebab ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sebagai kerajaan yang bukan sahaja hendak memberikan satu imej yang positif mewakili rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berbilang agama tetapi juga hendak memberikan satu imej yang positif juga kepada Islam itu sendiri. Kalau kita lihat tadi pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman, mengatakan hari ini orang hanya melihat OIC itu sebagai "*Oh, I See*" yang tidak mempunyai peranan apa-apa. Jadi, sebab itulah kalau kita lihat dalam konteks anggota Majlis Keselamatan PBB ini adalah mustahak untuk kita membelanjakan sedikit-sebanyak wang kita, wang rakyat untuk kita gunakan, untuk kita pastikan kedudukan kita ini diiktiraf dalam konteks Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong hasrat akta ini dalam konteks menambak perbelanjaan dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani B.21. Sebagaimana yang telah kita bincangkan sejak pagi tadi adalah penting hari ini saya kira perlu untuk kita adakan pelan tindakan pelan yang bersifat holistik dan komprehensif untuk kita melaksanakan pelan yang dapat menjamin bekalan dan pengedaran agromakanan kita bagi menangani kenaikan harga barang.

Bukan sahaja jangka pendek tetapi jangka sederhana dan jangka panjang dan pelan ini perlu diletakkan di bawah Jawatankuasa Induk yang mana dia akan menyelaras semua kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan tempatan. Ini kerana kita harus melihat dalam konteks hendak memastikan bekalan makanan kita ini tidak harus bergantung kepada import semata-mata seperti mana yang saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam yang menyebutkan bahawa import kita sudah terlalu banyak yang sebenarnya kalau kita bergantung kepada import barang-barang keperluan asas yang menentukan sama ada kita dapat *sustainable*, dengan izin, perkara-perkara ini yang saya rasa penting untuk kita laksanakan pelan tindakan yang komprehensif yang meliputi segala aspek.

Termasuklah hendak menggunakan tanah-tanah wakaf yang masih banyak tidak dimanfaatkan. Akan tetapi dalam konteks tanah wakaf ini ada isu juga Tuan Yang di-Pertua, kerana ia juga melibatkan *jurisdiction* ataupun bidang kuasa kerajaan negeri yang saya kira perlu diberikan perhatian secara bijaksana dan tindakan secara hikmah supaya akhirnya matlamat kita dapat kita capai tetapi tanpa mewujudkan riak-riak yang negatif.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang untuk saya bercakap sebagai pentas pertama saya sebagai Senator yang baru dan minta tunjuk ajarlah kalau ada salah dan silap. Sekian, saya mohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan 2014.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir lama nak bercakap tadi. Nak dengar *you* punya *maiden speech* dengan izin. Juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru ini, *be ready*. Setiap masa ada saya agaknya Ahli Yang Berhormat yang lain pun nak dengar juga Yang Berhormat semua berhujah. Seterusnya tanpa membuang masa, saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

2.50 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membincangkan Akta Perbekalan Tambahan 2014 pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada enam kementerian yang telah mengemukakan bajet tambahan pada kali ini dan kementerian-kementerian lain nampaknya sudah memadai dan mencukupi bajet yang telah diluluskan baru-baru ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin pergi kepada T.14 iaitu Pencen, Elaun bersara dan Ganjaran.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dalam kerangka ini, kerajaan terpaksa memohon bahagian yang lebih tambahan pada kali ini untuk tujuan yang telah ditentukan tadi. Ini termasuk orang-orang yang telah bersara dan baru bersara dan sebagainya. Ini merupakan satu tanggungjawab sosial kerajaan di dalam memberi peluang kepada orang-orang yang telah memberi khidmat kepada negara dan kita melihat kerana itulah, ramai orang berlumba-lumba untuk menjawat jawatan kerajaan sebab mereka bukan sahaja mendapat kebaikan daripada jawatan itu tetapi setelah bersara pun mereka juga terus diberi nikmat untuk mendapat bahagian-bahagian seperti pencen dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kalau kita lihat, kerajaan pun telah menyediakan pencen swasta tetapi perkara ini masih lagi baru dan dalam proses. Saya harap perkara ini dapat dipercepatkan supaya orang-orang yang akan pencen daripada kalangan yang bekerja dengan swasta akan menikmati pencen sebagaimana yang telah dirancang dan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam hubungan ini, apabila pencen umur bersara dinaikkan kepada 60 tahun, sudah pasti dia ada implikasi daripada kedudukan-kedudukan umur ini. Maka di sini saya ingin mendapat jawapan dan juga maklumat daripada pihak kementerian, setelah dinaikkan pencen ini kepada umur 60 tahun, unjuran pencen itu adakah dia bertambah atau berkurang? Itu satu.

Kemudian yang keduanya ialah bagaimana kedudukan orang-orang yang menunggu jawatan untuk masuk ke dalam jawatan yang akan dikosongkan? Kalau kita boleh tahu kedudukan berapa sebenarnya purata setiap tahun orang-orang yang dalam perkhidmatan awam ini akan bersara? Itu satu. Yang kedua, saya nak lihat di sini jangka hayat. Setelah pencen ini, berapa lama jangka hayat pada kebiasaannya sebab perkara ini pun juga selalu disebut orang laki-laki lebih pendek usianya daripada seorang perempuan. Perempuan lebih jauh tinggi, lama. Orang laki-laki kurang sedikit.

Jadi walau bagaimanapun, kita mahu tahu secara purata selepas bersara umur 60 tahun pada kebiasaannya dan dulu umur 55 tahun, umur 58 tahun dan sebagainya, berapa tahun pada kebiasaannya orang ini jangka hayat mereka? Ini juga termasuk Ahli-ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Kita jangan risau sebut jangka hayat ini kerana semua orang begitu. Kita pun akan meninggal dunia. Jadi jangan takut sebut jangka hayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak pergi kepada B.7 iaitulah Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA. Di sini kita lihat satu peruntukan perlu kepada rawatan pesara awam persekutuan dan angkatan tentera. Jadi pesara awam dan angkatan tentera ini merupakan golongan yang juga termasuk orang yang mendapat rawatan percuma. Jadi rawatan percuma ini diteruskan, bukan sahaja pencen tadi tetapi rawatan juga diteruskan.

Kalau boleh dapat maklumat di sini, berapa ramai sebenarnya yang puratanya pada setiap orang itu, berapa kadar masing-masing dengan pesara dengan orang yang telah bersara ini semakin usianya semakin meningkat, rawatannya semakin bertambah, penyakitnya juga semakin bertambah walaupun kita mendoakan supaya kita ini sentiasa sihat tetapi kita tahu bahawa hal ini berlaku dalam kehidupan kita?

Perkara yang kedua, saya ingin juga memberitahu dan memaklumkan di sini, hospital kita yang telah menambah baik daripada segi masa menunggu. Masa menunggu terutamanya bahagian-bahagian kepakaran agak lama, sampai dua tiga jam. Saya dah dengar di Dewan ini, hal ini telah ditambah baik daripada semasa ke semasa. Mungkin hal ini berlaku kerana ramainya pesakit dan juga kakitangan tidak mencukupi. Jadi saya melihat perkara ini kita boleh tingkatkan daripada satu masa ke satu masa supaya masa menunggu itu kurang daripada yang sedia ada. Ini saya rasa untuk menunggu bagi orang yang tua terutamanya orang yang ada enam siri dan tujuh siri, Tuan Yang di-Pertua, dia tak larat nak duduk lama-lama di kerusi.

Jadi saya rasa perkara ini, kalau ada orang tua, kena beri keutamaan walaupun mungkin dia lewat sikit. Akan tetapi nak beri keutamaan yang macam mana? Yang datang itu satu angkatan sahaja, sama-sama enam siri, sama-sama tujuh siri. Jadi tak boleh juga nak beri keutamaan kerana sama-sama tua. Jadi hal ini saya rasa satu tindakan yang boleh ialah memperbanyakkan lagi doktor-doktor pakar yang berkaitan supaya rawatan kesihatan itu dapat dipercepatkan daripada masa yang sedia ada. Saya setuju, banyak dah yang dipercepatkan tapi kalau boleh dipercepatkan sikit lagi.

Seterusnya, saya nak pergi kepada B.13. Banyak telah dibangkit oleh kawan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tentang B.13 ini dan keprihatinan kita dalam hal ini. Apa yang telah saya dengar daripada Yang Berhormat Dr. Asyraf tadi sungguh mengagumkan saya kerana perbincangan yang sangat menarik dan sebenarnya saya nak sebut dah poin itu tetapi dah disebut, saya berhenti di situ. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua kata kalau orang dah sebut, cukuplah itu.

Jadi, apa yang saya nak sebut di sini dalam hal ini ialah berhubung dengan, kalau kita tengok di sini, membuka pejabat perwakilan di Baku, Azerbaijan dan pejabat perwakilan di Nanning. Saya sempat mengikuti rombongan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini ke luar negara dan kita lihat pegawai-pegawai kita begitu cemerlang dan saya nak ucap syabas dan tahniah kepada Kementerian khasnya untuk mereka tahu bahawa pegawai-pegawai kita di luar negara berkhidmat dengan baik dan cemerlang dan membantu di dalam semua hal... *[Tepuk]*

Yang kedua, saya rasa pihak kerajaan khasnya Kementerian Luar Negeri perlu memikirkan lebih jauh tentang kedudukan lokasi dan tempat di mana pejabat kita dan juga kuarters kita di sana.

■1500

Saya juga melihat alangkah baiknya kalau kerajaan khasnya Menteri Luar melihat tempat-tempat yang sesuai dan bukan hanya kerana sekadar menyewa kerana kita akan duduk lama di satu-satu tempat, di satu-satu negara. Alangkah baiknya kalau kita melihat ada peluang-peluang yang baik kita membeli aset-aset tanah untuk membina bangunan kita sendiri. Kalau sekiranya tempat itu membenarkan kita berbuat demikian. Kalau kita melihat perkara ini jangka panjang, maka sudah tentu kita akan lebih dapat mengatur urus dengan baik dan kita tidak akan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak. Berbeza dengan kita menyewa setiap tahun dan kosnya akan meningkat dari semasa ke semasa.

Oleh sebab itulah saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian Luar memberi perhatian kepada hal seperti ini supaya kita dapat menjimatkan kos yang banyak untuk masa hadapan.

Berhubung dengan peranan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, saya melihat tadi disebut sebagai OIC. Walaupun OIC ini agak malap dan sengketa di dalam negara-negara Islam ini berterusan seperti di Iraq, Palestin, di Syria, di mana-mana pun, di Libya. Saya melihat persengketaan ini boleh negara kita Malaysia berperanan sebagaimana dahulu dan banyak Malaysia telah berperanan dan kita pun sentiasa berperanan. Apabila kita nampak kemalapan itu berlaku, kita boleh berusaha sedaya-upaya, supaya hal ini dapat dilihat dengan baik kembali.

Satu perkara yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua persengketaan ini yang berlaku pada umumnya ada orang mengaitkan dengan agama. Akan tetapi saya melihat benda ini tidak ada kena-mengena dengan agama. Tidak ada persengketaan antara agama dengan agama dan tidak ada persengketaan antara puak dengan puak berdasarkan agama kerana setiap agama menganjurkan supaya kita hidup aman.

Sebagai contoh dalam al-Quran, semua surah al-Quran- 114 surah atau sebahagian ulama mengatakan 113 surah, semuanya dimulakan dengan '*Basmalah*' atau "*Bismillahi Rahmani Rahim.*" Maksud, "*Bismillahi Rahmani Rahim*" itu damai. Hanya satu surah sahaja iaitu surah '*Bara'ah*' yang tidak ada '*Basmalah*'. Maksudnya kalau kita bayangkan 114 surah semuanya menganjurkan umat Islam supaya berdamai, hanya satu surah sahaja itu pun kalau umat Islam diapa-apakan, dianiyai untuk mempertahankan diri.

Oleh sebab itu kalau kita meletakkan bahawa sengketa kerana agama saya tidak boleh terima dalam hakikat ini. Agama lain pun sama termasuk agama Kristian, agama Hindu dan sebagainya. Kalau agama tidak menyuruh orang membunuh, merompak, mencuri atau merogol tetapi manusia atau orang yang beragama itu yang tidak ikut agama. Itu yang berlaku. Oleh sebab itu saya melihat agama bukan sebab untuk orang berkelahi atau bergaduh tetapi yang bergaduh ialah orang yang tidak ikut agama. Itu satu perkara yang saya rasa perlu saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada apa Yang Berhormat Senator sebut berkenaan dengan peranan OIC. Saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap pernyataan mengatakan bahawa Malaysia perlu kembali berperanan menggerakkan OIC kerana kita dalam Dewan yang mulia ini saya ingin meletakkan fakta yang harus kita amati bersama.

Apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung OIC, Malaysia dengan kerjasama Saudi pada waktu itu mengusahakan penubuhan Bank Pembangunan Islam yang merupakan satu cerminan kepada Bank Pembangunan Dunia bagi membantu menggerakkan ekonomi negara-negara Islam yang mana rata-ratanya baru mendapat kemerdekaan dan itu salah satu instrumen untuk menyatukan negara-negara Islam dalam kerangka OIC di bawah Bank Pembangunan Islam.

Itu peranan pada tahun 1976 bagaimana pada waktu itu Malaysia berperanan secara aktif sebagai Setiausaha Agung OIC yang saya kira selain daripada hari ini kita berbicara soal peranan Malaysia untuk menjadi Ahli Tidak Tetap dalam PBB. Jangan kita menafikan bahawa kita jangan putus harapan kepada sebuah badan seperti OIC yang menjadi kerangka penting untuk menyatukan negara-negara Islam ini.

Saya kira mungkin sudah tiba masanya untuk Malaysia kembali memikirkan strategi bagaimana dan pendekatan bagaimana untuk kembali mengaktifkan sebagaimana kita pernah berperanan dalam menggerakkan OIC secara lebih progresif pada waktu itu dengan menggunakan instrumen kewangan. Hari ini Malaysia sebagai negara pelopor dan juga peneraju sistem kewangan Islam. Bank Dunia pun sudah menyatakan hasratnya untuk menubuhkan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya jadi saya hanya hendak menyatakan sokongan saya dan saya kira ini perkara yang perlu diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu merupakan satu sokonganlah. Saya ingat dan saya faham Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf...

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang baik Yang Berhormat. Yang Berhormat faham, kita yang mendengar pun faham juga. Terima kasih. Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Dia menghayati betul OIC.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya sangat bersetuju dan juga sangat mengalu-alukan idea yang baik dan bernas itu.

Ini perlu dipertingkatkan dan saya yakin dan percaya Perdana Menteri boleh memainkan peranan itu dan meneruskan usaha-usaha yang baik sebagaimana yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri terdahulu.

Saya hendak pergi kepada B.21 Tuan Yang di-Pertua iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tadi telah banyak diperkatakan tentang pertanian ada tanah terbiar, ada macam-macam masalah yang kita perlu lakukan dan kalau kita sebenarnya dapat usaha dengan sesungguhnya maka sudah pasti kita tidak bergantung kepada hasil dari luar tetapi yang realitinya kita sekarang masih lagi bergantung contohnya pertanian, hasil sayur dan sebagainya kepada negara luar.

Ada satu perkara yang perlu kita lihat dalam hal ini. Kalau kita lihat orang yang terlibat dalam sektor pertanian khususnya padi. Kalau kita tengok golongan-golongan yang terlibat dalam hal ini ialah golongan orang tua sedangkan orang muda sudah tidak begitu berminat walaupun ada segelintir daripada mereka. Jadi usaha ini perlu dilihat secara menyeluruh kerana kita tidak mahu tanah kita terbiar dan warga muda berhijrah ke bandar atau mencari pekerjaan di kilang, di pejabat atau sebagainya sedangkan tanah itu merupakan aset yang sangat penting untuk menghasilkan tanaman dan juga makanan kita.

Jadi hal ini saya ingin supaya kementerian yang berkenaan supaya melihat lebih jauh apakah program yang boleh menarik perhatian golongan muda supaya mereka menjadi petani yang berjaya dan petani moden. Bagi saya bukan masalah kotor jadi petani tetapi yang besarnya ialah masalah pendapatan. Pendapatan hasil tani pada puratanya tidak seberapa kalau dibandingkan dengan kerja di tempat lain. Oleh sebab itulah antara sebab pemuda-pemuda atau orang muda tidak begitu berminat untuk menceburi dalam bidang ini.

Walau bagaimanapun, kementerian boleh berusaha membuat satu mekanisme yang sehingga petani ini menjadi satu tarikan kepada masyarakat kita, khasnya kepada orang yang duduk dekat dan orang-orang yang mempunyai tanah dan sebagainya.

Perkara yang seterusnya ialah Kementerian Pendidikan. Saya melihat UiTM telah mengorak langkah yang baik dan telah membuka cawangan yang banyak di seluruh negara untuk memberi didikan dan juga pengetahuan kepada anak bangsa kita di dalam menempuh hari depan.

■1510

Saya percaya dan yakin bahawa semuanya ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kita sebagai bangsa Malaysia supaya kita jadi orang yang berpengetahuan tinggi. Dalam hubungan ini saya juga melihat kita, Malaysia merupakan hab pendidikan. Banyak negara luar menaruh keyakinan dan kepercayaan kepada negara kita dan datang untuk belajar. Dalam hubungan ini, saya melihat kita di Malaysia ini telah menerima kedatangan pelajar-pelajar dari luar negara, dari Afrika dan dari negara-negara Asia Tengah dan juga Timur Tengah.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan perlu menyaring pelajar-pelajar yang datang dari luar negara untuk belajar di negara kita. Kita tidak mahu dengar pada masa depan mereka itu menyalah gunakan kedudukan sebagai pelajar. Kita mahu mereka datang betul-betul ingin belajar dan kita mahu bahawa mereka mengambil kebaikan-kebaikan yang ada di dalam negara kita dan ditawarkan untuk mereka.

Hal ini kalau kita lihat sering terjadi dalam realiti kita. Saya baca juga dalam akhbar, ada pelajar-pelajar yang menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pelajar. Tidak kiralah dari negara mana mereka datang. Saya sebut secara umum dan kita tidak mahu juga negara kita ini jadi transit untuk orang yang tidak baik. Apa lagi kalau mereka itu terlibat dalam hal-hal atau kes-kes jenayah. Ini kerana itulah bagi saya kita telah ada peraturan, peraturan kolej swasta dan universiti swasta di mana kolej swasta dan universiti swasta kita ini tertakluk di bawah peraturan di mana setiap pelajar dipantau oleh pihak berkenaan, oleh imigresen, oleh polis dan sebagainya.

Kalau sekiranya pelajar-pelajar itu tidak datang atau hadir ke kuliah, sepatutnya pihak kolej atau universiti mengambil tindakan dan hal itu dilaporkan pada pihak yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Kalau sekiranya semua kolej menjalankan tugas dan universiti menjalankan tugas sebagaimana yang termaktub dalam peraturan itu, saya yakin kita dapat mengatasi hal-hal pelajar yang tidak baik ini dan kita dapat kurangkan dari semasa ke semasa.

Suatu perkara lagi saya minta juga supaya Kementerian Pendidikan memantau pelajar-pelajar luar ini supaya mereka tidak menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan amalan pegangan masyarakat kita di Malaysia. Sebagaimana kita maklum bahawa bagi orang Islam pegangan kita pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kita tidak mahu hal ini dilakukan oleh pihak-pihak lain supaya umat Islam ini berkecamuk dan saya bimbang kalau hal ini berlaku dan berlaku berterusan, ia akan jadi seperti negara-negara yang lain seperti Iraq dan sebagainya. Berlaku pertembungan antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit apa yang dapat saya sampaikan pada perbahasan ini dan saya sekali lagi ucap terima kasih atas peluang ini, dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

3.14 ptg

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang menyertai perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2014 ini. Saya ingin menyentuh Maksud B.7 iaitu JPA. Ramai pelajar menerima dan menikmati biasiswa JPA. Di sini, saya ingin berkongsi satu peristiwa yang dapat saya lihat iaitu pada pilihan raya yang lalu.

Apabila ada berita palsu tentang *light off*, dengan izin, saya dapati semua pelajar di *Facebook* mereka, gambar *profile* mereka hitam semua. Jadi, saya ingin bertanyalah JPA, adakah apa-apa langkah atau apa-apa pendidikan diberi kepada pelajar-pelajar kita tentang budi yang baik iaitu bila menerima barang orang, kita mesti balas budi kita iaitu moral yang paling penting untuk setiap manusia? Jadi, saya sangat hairanlah ini berlaku.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 21 yang ramai telah bangkitkan. Di sini saya ingin menyentuh, baru-baru ini saya diberitahu kawan saya dekat *Cameron Highlands*, harga sayur-sayuran telah jatuh teruk. Harga maksud saya di sini ialah harga orang tengah sampai tahap ada petani tidak mahu kutip dan tidak mahu hasilkan hasil mereka sebab kalau dengan 20 sen atau 30 sen sekilogram sayur, wang itu terlibat dengan kotak kertas. Jadi, rugilah mereka.

Akan tetapi dengan penurunan harga ini, kita tidak dapat beli sayur yang murah di pasar kita. Jadi, apakah kesilapan di sini? Jadi saya mintalah kerajaan ambil berat tentang isu ini dan kalau boleh cuba menyelesaikan perkara ini supaya petani atau pengguna, konsumer kita, jangan dua-dua pun dalam keadaan kerugian supaya petani dan *consumer* boleh dapat keuntungan kalau ada apa-apa kekurangan berlaku.

Saya juga ingin menyentuh sistem pasaran kita. Hasil pertanian kita dieksport ke negara-negara lain selalunya melalui *Singapore*. Jadi, *Singapore* yang menjadi orang tengah kita dan lama-lama hasil pertanian kita menjadi produk *Singapore* pula. Jadi, saya berharap kerajaan mengambil berat tentang perkara tersebut dan membetulkan sistem pasaran tersebut. Saya hairan kenapa sistem pasaran ini tidak berubah-ubah sudah berpuluh-puluh tahun? Tidak mungkin kita tidak ada orang, tidak ada syarikat yang mempunyai *ability*, dengan izin, untuk mencari pasaran atau menjalankan perniagaan tersebut dengan baik. Saya memang tidak percayalah.

■1520

Di sini saya juga ingin menyentuh- memang dia bukan makanan tetapi pertanian iaitu getah. Baru-baru ini harga getah jatuh teruk dan golongan penoreh getah itu bolehlah kata tidak boleh cari makan lagi memandangkan sara hidup semakin meningkat. Jadi di sini saya ingin bertanya kerajaan, selain daripada memberi bantuan tunai sebanyak RM500 kepada tuan punya tanah, bukan kepada penoreh getah kita. Jangan lupa bukan semua tuan tanah getah itu menoreh getah sendiri. Mereka upah orang bekerja untuk mereka. Jadi yang subsidi itu hanya salur kepada tuan tanah.

Apakah terjadi kepada golongan yang bekerja sebagai penoreh getah untuk tauke mereka? Jadi perkara itu saya ingin menarik perhatian semua di Dewan ini supaya golongan itu diberi prihatin dan sesuatu akan diambil tindakan atau bantuan akan diberi kepada mereka. Ini sebab di kawasan saya memang terdapat ramai penoreh getah. Saya nampak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat diberi pembelaan.

Dato' Lim Nget Yoon: *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, teruskan.

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi saya dengan mata sendiri mereka memang dalam suasana atau keadaan yang memang kasihan pada masa sekarang.

Saya ingin juga menyentuh tentang Kementerian Pendidikan iaitu Maksud 41. Isu yang saya hendak bangkit sekarang ialah tentang pinjaman PTPTN. Saya dapat tahu program PTPTN itu tidak akan jalan lancar dan mungkin akan menjejaskan sebab pelajar-pelajar yang telah meminjam wang itu tidak bayar balik pinjaman mereka. Saya sangat hairan bagaimana kita memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar kita.

Apabila mereka tandatangan surat janji pinjaman itu sendiri bahawa mereka janji akan bayar balik tetapi tidak berbuat demikian. Juga memburukkan isu tersebut, ada pihak tertentu mengajarkan mereka jangan pegang janji mereka, jangan bayar balik pinjaman mereka sebab tunggu kalau sudah tukar kerajaan, PTPTN tidak perlulah bayar balik. Jadi saya memang terkejutlah bagaimana seorang pemimpin boleh mengajar budak-budak kita untuk jangan pegang janji mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: Ada satu lagi. Satu lagi ialah di mana-mana masyarakat kita memang ada orang yang sentiasa hendak bantu orang tetapi ambillah contoh kebajikan. Akan tetapi bila orang itu bawa orang yang layak dapat kebajikan itu hendak dapat bantuan kebajikan tetapi tidak faham kenapa yang orang kita nampak, kita tahu yang layak dapat bantuan kebajikan itu gagal dapat bantuan tersebut. Jadi haraplah perkara ini boleh diambil berat dan semua orang yang layak menikmati bantuan kerajaan terimalah bantuan tersebut. Dengan itu saya menyokong *bill* itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

3.26 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagianlah dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (2014) 2014. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM4.6 bilion daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 ke Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.14 berhubung dengan peruntukan 040100 – Pencen, Elaun bersara dan Ganjaran berjumlah RM500 juta untuk menampung keperluan pembayaran pencen yang tidak mencukupi akibat peningkatan jumlah pesara pilihan. Ini kerana sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan di mana bilangan penjawat awam yang membuat pilihan persaraan awal. Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan penjawat awam yang memilih untuk bersara pada umur wajib 60 tahun. Ini kerana kerajaan telah pun menaikkan umur persaraan wajib ini kepada penjawat awam dari 55 tahun kepada 58 tahun dan seterusnya kepada 60 tahun.

Apakah kesannya daripada segi peluang kenaikan pangkat dan produktiviti kepada penjawat awam apabila umur persaraan wajib ini ditetapkan kepada 60 tahun?

Berhubung dengan itu persaraan awal ini, saya ingin membangkitkan bahawa kerajaan telah menaikkan had umur persaraan perkhidmatan penjawat awam kepada kontrak yang pernah berkhidmat dengan kerajaan daripada 55 tahun kepada 58 tahun dan seterusnya kepada 60 tahun. Selari dengan itu umur persaraan wajib ini iaitu 60 tahun. Bagaimanapun penjawat awam ini, pegawai kontrak dan bukan bertugas dalam perkhidmatan awam hanya dihadkan sehingga berumur 58 tahun. Selepas itu kontrak mereka ini disambung kecuali dengan rayuan sedangkan pengalaman mereka ini masih diperlukan dalam perkhidmatan awam.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah kerajaan sedang bercadang melanjutkan umur perkhidmatan penjawat awam ini yang berkhidmat secara kontrak. Bukan bekas perkhidmatan kerajaan dinaikkan kepada 58 tahun kepada 60 tahun ke atas dasar kesamarataan dalam perkhidmatan awam.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 040300 – Pasca Perkhidmatan sebanyak RM88 juta untuk menampung pembayaran rawatan pesara awam, persekutuan dan angkatan tentera di mana saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan yang terus prihatin kepada kebajikan khususnya daripada segi kesihatan dan rawatan pesara awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar kerajaan turut memberikan kemudahan yang sama kepada penjawat awam yang berkhidmat secara kontrak. Ada di antara penjawat awam ini berkhidmat lebih daripada 20 tahun dalam perkhidmatan awam tetapi secara kontrak. Apabila kontrak ditamatkan, tiada pun kemudahan rawatan diberikan kepada bekas penjawat awam ini sebagaimana yang diberikan kepada pesara awam dan ATM. Saya juga ingin mencadangkan agar kemudahan kesihatan dan perubatan yang diberikan kepada penjawat awam dalam perkhidmatan kontrak sewajarnya bukan sahaja meliputi diri sendiri, malahan suami isteri dan anak-anak tetapi juga kepada ibu bapa sebagai bukti keprihatinan dan kesamarataan dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan tambahan peruntukan B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM72.2 juta di mana bertujuan untuk menampung perbelanjaan melaksanakan program jaminan bekalan dan pengedaran agromakanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Dasar Agromakanan Negara 2011 - 2020 yang berobjektif untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar kepada pendapatan negara dan menjamin bekalan yang mencukupi dan selamat dimakan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan daya saing dan kemapanan aktiviti pengeluaran dan pembangunan negara? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan langkah kerajaan dalam mencapai hala tuju strategi untuk meningkatkan daya saing ini, di samping meningkatkan pengeluaran makanan yang mampan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah yang lebih agresif bagi penerokaan pertanian bernilai tinggi seperti pembangunan kluster dinamik pertanian bernilai tinggi. Sehubungan dengan itu, usaha yang lebih berganda perlu diambil untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti seperti pembangunan tanah secara optimum. Peningkatan produktiviti ini terutama hasil tanah dan pekerjaan daripada hasil pertanian secara bersepadu dan juga mengambil kira secara mengutamakan produk-produk yang dihasilkan oleh mereka yang banyak memerlukan pekerjaan supaya meningkatkan hasil ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.41, Butiran 010200 iaitu pengurusan kewangan dan akaun dan Butiran 1011100 iaitu tentang Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berjumlah RM634 juta untuk menampung kos pembayaran dan menampung kenaikan harga kontrak ekoran daripada pelaksanaan perintah gaji minimum. Saya pada dasarnya menyokong langkah kerajaan untuk menetapkan gaji minimum di negara ini iaitu RM900 dan saya juga difahamkan gaji pencuci bangunan pun Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen ini pun mendapat gaji minimum RM900, malah sehingga RM1,200 sebulan.

Dalam hubungan ini, saya berharap kerajaan akan turut mengkaji gaji minimum penjawat awam khususnya Gred 17 dan ke bawah yang sekarang ini berpendapatan RM1,100 atau kurang. Ini jelas menunjukkan mereka berpendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu RM1,500 sebulan, malah mereka ini terpaksa menanggung kos sara hidup yang tinggi terutama yang bekerja di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru, Penang dan sebagainya. Saya juga berharap kerajaan akan turut mempertimbangkan elaun khas kepada penjawat awam dalam Gred 17 dan ke bawah.

Saya menyokong gesaan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semasa berucap di sambutan Hari Pekerja 2014 pada 21 Jun 2014 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka lalu supaya gaji minimum untuk pekerja swasta dan awam dinaikkan daripada RM900 kepada sekurang-kurangnya RM1,200. Langkah ini adalah wajar dan relevan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat dan sejajar dengan usaha kerajaan untuk menjadikan rakyat di negara ini berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Walau bagaimanapun, saya amat setuju dengan gesaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada majlis sambutan Hari Pekerja 2014 yang sama menyokong kenaikan gaji minimum sektor swasta dan awam. Akan tetapi kenaikan gaji ini Tuan Yang di-Pertua, seharusnya sejajar dan selari dengan prestasi dan kadar produktiviti pekerja.

Saya percaya sebagai kerajaan yang prihatin, kerajaan akan menimbang kenaikan gaji penjawat awam Gred 17 dan ke bawah ini khususnya semasa pembentangan Bajet 2015 pada bulan Oktober 2014. Dengan ini, saya menyokong Perbekalan Tambahan 2014 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM4.6 bilion. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

3.37 ptg.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2014. Saya fikir banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh kawan-kawan Yang Berhormat sekarang. Jadi saya hanya hendak menyentuh berhubung kait dengan dua kementerian sahaja.

Pertama, Kementerian Luar Negeri. Baru-baru ini tiga Ahli Dewan Negara yang diketuai oleh Timbalan Yang di-Pertua, bersama dengan lima Ahli Dewan Rakyat telah diberi peluang untuk menghadiri sidang soal jawab di Parlimen Australia. Pada masa itu, secara kebetulan Perdana Menteri Australia berada di dalam Dewan, beliau berdiri menoleh belakang melihat kami dan telah menyebut bahawa tahap kerjasama di antara Malaysia dan Australia amatlah tinggi sekali. Beliau berkata, ini sebab keakraban beliau dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Apabila kita mendengar itu, kita iaitu lapan orang Ahli kita naik bulu roma kerana nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah disebut dalam Dewan itu dan kononnya tidak banyak kali Perdana Menteri Australia akan menyebut nama-nama pemimpin negara lain dalam Parlimennya. Jadi kita amat bangga.

Dalam ucapan Perdana Menteri Australia, beliau telah menyatakan walau apa *cost* sekalipun, Australia akan tetap memberi pertolongan di dalam untuk mencari MH370. Saya tidak tahulah sekarang berapa belanja yang dia buat, tetapi ini adalah sangat membanggakan kita dan lagi pula dengan keakraban ini.

■1540

Saya sebutkan perkara ini sebab melalui lawatan-lawatan Perdana Menteri kita ke luar negara termasuklah negeri China, negara-negara luar seperti Eropah dan Timur Tengah, imej negara kita amatlah tinggi pada masa ini. Saya sendiri fikir bahawa *insya-Allah*, usaha kita untuk menjadi Ahli Majlis Keselamatan UN, saya fikir dalam tahun 2016 ini *insya-Allah* akan berjaya dengan kekuatan tenaga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2015 Malaysia akan mengambil alih sebagai Pengerusi ASEAN. Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa kita sepatutnya mengambil kesempatan untuk memainkan peranan yang lebih banyak untuk menenteramkan keadaan yang agak tegang di kawasan ASEAN, Asia dan juga *region* Asia Pasifik ini. Hasil dari dasar Negara China untuk mempergiatkan aktiviti di Laut China Selatan sehinggakan perkelahian yang telah menyebabkan satu *fishing vessel* dari Vietnam telah musnah di *Paracel Island* baru-baru ini. Sungguhpun kita boleh jadi ingat bahawa perkara ini perkara kecil tetapi ini mungkin akan berlaku, kalau ini terus berlaku mungkin penembakan dan kehilangan nyawa juga akan berlaku.

Oleh sebab kita akan menjadi Pengerusi ASEAN tahun 2015, saya fikir eloklah kita mengambil peranan yang lebih dan mencadangkan satu peraturan ataupun *maritime code of conduct* dengan Negara China di mana perbincangan dapat dibuat. Di mana satu-satu konflik yang berlaku apabila satu-satu negara merebut sebuah pulau ataupun kawasan supaya konflik ini boleh kita bincang menerusi *code of conduct* ataupun *maritime code of conduct* yang mungkin negara kita boleh memulakan sebagai Pengerusi ASEAN dalam tahun 2015.

Saya kira oleh sebab kedudukan negara kita, istimewa pula rekod kita dengan apabila kita menjadi perantaraan konflik di Filipina dan sebagainya, saya fikir perkara ini mungkin kita dapat mengambil perhatian. Kedua, saya hendak sebut sedikit berhubung dengan Kementerian Pendidikan. Peruntukan untuk Kementerian Pendidikan. Kita fahamlah bahawa kita hendak memperkasakan Bahasa Melayu. Akan tetapi, dalam pelan pendidikan kita untuk mempertingkatkan pelajaran dan juga Kementerian Pendidikan kita menjadi satu bertaraf dunia, saya masih sangsi berhubung dengan apa yang kita buat untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris. Boleh jadi ada pelannya untuk mempertingkatkan ini.

Akan tetapi, di peringkat sekolah, di peringkat bawah, nampaknya implementasi dasar yang kita ada tidak begitu diambil berat di peringkat-peringkat sekolah. Istimewa pula di sekolah-sekolah di luar bandar. Saya tahu ini sebab saya datang dari Kelantan dan masalah ini di sekolah-sekolah luar bandar banyak. Saya tahu dan saya fikir ini ialah kerana kita memang kekurangan guru-guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris.

Oleh sebab itu, kalau saya diizinkan, saya mintalah Kementerian Pendidikan mengambil berat untuk menambah guru-guru ini. Lagi satu masalahnya ialah aktiviti di luar darjah. Boleh jadi guru-guru ini belajar bahasa Inggeris tetapi aktiviti seperti *debating society* dan juga forum-forum untuk memberi peluang anak-anak ini bercakap dalam bahasa Inggeris tidak mencukupi. Percayalah, mereka yang bekerja- ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah. Terima kasih. Saya mohon pandangan berkait dengan pembelajaran bahasa Inggeris ini. Saya berpandangan guru yang mengajar bahasa Inggeris perlu berbahasa Inggeris di dalam kelas. Macam mana hendak mempengaruhi pelajar untuk berbahasa Inggeris sedangkan sewaktu pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah, guru sedikit pun tidak bercakap bahasa Inggeris? Pengalaman saya, saya boleh menulis bahasa Inggeris sewaktu bersekolah menengah. Akan tetapi, kebolehan berbahasa Inggeris, saya bercakap bahasa Inggeris hanya saya peroleh ketika belajar di Universiti Islam Antarabangsa di mana cikgu, guru, *lecturer*, semua pelajar dipaksa bercakap bahasa Inggeris. Begitu saya memperoleh skil bercakap bahasa Inggeris. Jadi, mungkin boleh di*upgrade* pembelajaran bahasa Inggeris dengan memaksa para guru untuk bercakap bahasa Inggeris di kelas. Sekian.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Kalau Yang Berhormat ingat, masa kita sekolah dahulu- saya tahulah saya sekolah Tingkatan satu tahun 1951, jadi tahulah berapa umur saya. Istimewa pula masa *English lesson*. Cikgu datang dia tidak cakap satu pun dalam bahasa Melayu. Semua cakap bahasa Inggeris. Akan tetapi sekarang, saya tahulah, saya jadi Pengerusi PIBG di Sekolah Sultan Ibrahim iaitu sekolah *premier* di Pasir Mas. Bukan sahaja cikgu itu tidak bercakap bahasa Inggeris akan tetapi cikgu itu sendiri hendak cakap bahasa Inggeris pun tidak begitu fasih. Jadi, macam mana dia hendak cakap bahasa Inggeris dengan murid-muridnya?

Jadi, saya setuju dengan apa Yang Berhormat kata. Salah satu perkara yang kita kena buat kalau hendak fasih dalam bahasa Inggeris ialah bertutur dalam bahasa Inggeris. Itu yang kita mahu.

Saya ada pengalaman masa saya duduk di *London* jadi *student* dahulu, diminta untuk bagi pelajaran Bahasa Melayu kepada mereka, orang-orang *British* yang nak jadi *volunteer overseas*. Ingat tidak program itu?

■ 1550

Saya masuk kelas, saya kata, "Nama saya Abdul Rahim." Tidak cakap Inggeris satu patah pun. Nama saya Abdul Rahim. Jadi maknanya, apabila kita hendak mengajar itu, kita kena suruhlah murid-murid kita berbahasa Inggeris. Akan tetapi sekarang tidak menjadi macam itu. Saya harap betul-betullah Kementerian Pelajaran mengambil kira perkara ini kerana kalau tidak standard bahasa Inggeris- tadi saya jumpa dengan profesor daripada *University of Sydney*, saya tanya, kalau hendak buat kerjasama minta tolonglah memberi kerjasama untuk memberi pelajaran kepada guru-guru kita yang hendak mengajar bahasa Inggeris.

Keduanya, selain daripada bercakap di situ saya tidak nampak sekolah yang saya jadi pengerusi PIBG, yang mempunyai *debating society*kah dan sebagainya di luar kawasan. Ini kerana hanya melalui percakapan sahaja, bukan sahaja menulis dengan praktis kita boleh bahasa Inggeris menjadi lebih fasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Mohon mencelah.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Banyak- ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Jam depan ini pun sudah rosak sudah. Ahli Parlimen boleh minta *technician update*kan jam di sini. Saya berpandu di situ sahaja. Ini sudah berhenti ini pun susah. Saya tengok jam saya sendiri. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Mohon mencelah tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Hendak mencelah. *Sorry, sorry*. Silakan, silakan.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan kita ada Program Penutur Jati iaitu dengan izin, *native speakers*. Kita punya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak tanya juga, setuju tidak Tuan Yang di-Pertua bahawa program Kementerian Pendidikan mengenai penutur jati ataupun *native speaker* ini berkesan tidak dalam negara kita? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Itu mencelahkah atau menanya? Itu kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah, ada berkesan atau tidak itu, yang saya tahunya kita ada pelan tetapi implementasi di bawah tidak seperti yang kita pelan. Itu yang saya minta supaya- jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu jam kita ini betulkah tidak ini. Jadi itu sahaja ucapan ringkas saya. Ini kerana saya tahu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang telah bercakap ataupun yang belum bercakap akan membawa masalah-masalah lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Saya minta juga semua Ahli Yang Berhormat yang hendak berhujah bawah rang undang-undang ini sila kemukakan nama ya. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

3.52 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya baru berdiri tetapi terima kasih. Selamat petang, salam sejahtera kerana diberi ruang dan peluang untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai Kementerian Kewangan, Perbendaharaan bagi Maksud B.10, saya merujuk kepada Maksud B.10 - Perbendaharaan iaitu tambahan sebanyak RM208,954,000 diperuntukkan untuk pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Saya ingin bertanya, adakah kakitangan di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dapat bonus lebih berbanding dengan kakitangan awam yang lain? Adakah peruntukan bonus ini bertambah berbanding tahun lepas iaitu dua atau tiga tahun yang lalu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk pada sistem *e-filing* yang telah diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri beberapa tahun yang lalu dan berapakah jumlah pembayar cukai yang membentangkan cukai perseorangan melalui *e-filing* mengikut tahun dan adakah jumlah ini bertambah dengan penggunaan sistem *e-filing* ini pula, adakah jumlah kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri berkurangan atau bertambah? Kalau kita menggunakan sistem e-komputer ini sepatutnya jumlah kakitangan itu berkurangan. Jadi kita tidak perlu kakitangan yang ramai untuk kendalikan tentang cukai ini sebab kita ada *e-filing*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan am dalam Kementerian Kewangan, Perbendaharaan Maksud B.11...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Silakan, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sebelum Yang Berhormat tinggal pada mengenai Hasil Dalam Negeri ini, sebab Yang Berhormat tidak sebut tadi. Saya hendak minta jugalah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi penerangan sama ada laporan surat khabar dalam masa dua, tiga hari ini mengatakan *favouritism* dalam mengutip cukai ini kononnya *corporations* yang besar mempunyai orang dalam jabatan ini sehinggakan mereka itu diberikan kekurangan yang tidak berpatutan dan juga memberi peluang untuk membayar hasil sehingga beberapa tahun tetapi orang perseorangan tidak diberi kesempatan seumpama ini.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun kementerian yang berkenaan bagi tahulah sama ada perkara ini memang berlaku kerana kononnya mengikut surat khabar apabila jabatan yang berkenaan diminta memberi penerangan. Penerangan itu sama ada tidak diberi ataupun diberi dengan tidak ada keterangan yang sebenarnya. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat. Bangun ini untuk hendak bertanya kah apa Yang Berhormat?

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Minta penjelasan atau minta apa sebagainya. Silakan.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Saya difahamkan, perjawatan awam ini bonus dibayar setengah bulan ataupun satu bulan sahaja. Akan tetapi LHDN dia bayar lima bulan sehingga tujuh bulan bonus yang dibayar. Saya minta Yang Berhormat, ini macam mana kita boleh terima dengan perbezaan antara bonus-bonus yang dibayar di dalam kerajaan.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya katakan tadi. Saya pun bertanya kepada kementerian, sebab ada tidak perbezaan dengan perkhidmatan awam dengan Ahli-ahli pekerja dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya ingin teruskan, saya pergi kepada RM1 bilion untuk menampung keperluan peruntukan tuntutan subsidi barang api.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang diperlukan kerana kenaikan harga minyak di dunia yang terus meningkat dan saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri kadar trend pada ketika ini adalah hanya akan terus meningkat. Adakah kerajaan akan terus menanggung subsidi sekiranya harga minyak pasaran di dunia ini masih meningkat. Apakah sebenarnya rasionalisasi subsidi yang akan dikenakan kepada rakyat?

Kedua tentang penyelewengan diesel yang akan dikenakan, yang berlaku secara berleluasa pada ketika ini, yang baru-baru ini kalau kita lihat dalam akhbar kita dapat melihat bahawa ada beberapa tangkapan berlaku. Bukan sahaja banyak penyelewengan berlaku tetapi banyak ketirisan dan banyak wang kerajaan mengalir keluar dan kita merasa ini satu kerugian. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku dan saya ingin mendapatkan statistik daripada kementerian, berapakah tangkapan dakwaan yang telah dibuat kepada pengusaha stesen minyak, rakyat tempatan dan pegawai pengurusan yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan petrol dan diesel pada Januari 2014 sehingga pada hari ini. Untuk Sabah sahaja, berapakah tangkapan dan dakwaan yang telah dibuat? Selain itu, apakah lagi penguatkuasaan dan tindakan yang lebih tegas daripada kementerian dalam memastikan penyeludupan ini dapat dihentikan?

■1600

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Dalam dan Luar Negeri iaitu B.13. Saya terlebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana kita telah meletakkan aspek Kementerian Luar Negeri iaitu pencalonan Malaysia dalam Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB. Saya amat percaya kalau kita dapat kerusi PBB ini akan dapat menaikkan lagi imej Malaysia di mata dunia.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Saya berharap kehadiran Presiden Barack Obama dari Amerika ke negara kita dan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China baru-baru ini dalam memberikan sokongan dan saya yakin negara kita berjaya menaikkan imej negara ini. Kredit harus diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam B.21- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mengikut rekod pada September 2011, Kabinet telah mewujudkan Dasar Agromakanan Negara bagi menggantikan Dasar Pertanian Negara. Dasar baru yang dibuat untuk membuat lonjakan lebih besar dalam sektor industri pertanian dan asas tani. Dalam kita menghadapi keadaan ekonomi dan cabaran di peringkat global, tentu juga dalam satu usaha untuk kita angkat kedudukan industri makanan kita hingga ke peringkat pasaran antarabangsa. Saya lihat dalam dasar ini tujuannya tidak lain menjamin supaya bekalan-bekalan makanan kita mencukupi bagi kita menghadapi situasi di luar jangkaan seperti perubahan iklim, cuaca dan fenomena-fenomena alam lain dan tentunya bagi menjamin supaya berlaku keadaan di mana makanan kita sentiasa selamat dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai jaminan makanan atau pun *food security*, dengan izin, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian. Adakah wajar kerajaan membuat satu kajian mengenai impak El-Nino terhadap industri pertanian? Saya bangkitkan ini kerana dalam tahun-tahun yang lalu, kita mendapati bahawa El-Nino telah memberi banyak impak kepada industri pertanian dan pengeluaran pertanian telah berkurangan. Oleh sebab itu saya minta adakah wajar kerajaan membuat satu kajian dan juga memberikan cadangan kepada pihak petani dan sebagainya supaya mereka dapat membuat persediaan menghadapi El-Nino supaya mereka dapat mengeluarkan, sekali gus menjamin produk mereka mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

Saya juga percaya melalui Dasar Agro Makanan negara ini kita dapat tingkatkan pertamanya, kuantiti pengeluaran dan dengan sendirinya dapat membantu meningkatkan pendapatan petani dan juga pengusaha dalam bidang industri pertanian ini. Ini suatu perkara yang amat penting. Sudah tentu kita berharap apabila dasar ini diwujudkan, tentu akan meletakkan industri pertanian kita setanding dengan industri lain. Ini kerana kita tahu bahawa dalam keadaan hari ini, jumlah eksport import makanan kita dari luar negara begitu tinggi. Bila import kita begitu tinggi, berlaku keadaan tidak menentu. Di mana akan memberi kesan kepada kita antaranya ialah kenaikan harga barang makanan dan sebagainya.

Apa yang saya juga ingin tahu daripada pihak kementerian adalah berkenaan dengan Dasar Agromakanan ini yang dimulakan pada September 2011 yang giat dijalankan selama 10 tahun. Saya ingin tahu setakat ini sejauh mana selama tiga tahun ini apakah perkembangan yang telah berlaku? Kejayaan-kejayaan dalam bidang mana yang ditumpukan? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya maklum bahawa peruntukan RM72 juta untuk membina beberapa kemudahan dalam pengedaran agromakanan. Akan tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari segi konsepnya atau bagaimana kaedahnya supaya kita pastikan bahawa tidak berlaku kenaikan harga barang makanan, yang pertama.

Kedua daripada segi jenis-jenis agromakanan itu atau pun apakah produk-produk yang akan kita keluarkan bagi memastikan bahawa harga barangan makanan kita sentiasa terpelihara bagi membantu terutama rakyat yang berada di luar bandar dan sebagainya. Jadi, saya mengambil contoh, adakah yang melibatkan daripada segi pemasaran ikan, pemasaran daging dan sebagainya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya terlihat di sini dalam B.41- Kementerian Pendidikan, kementerian yang amat penting sekali dalam negara ini. Agen kepada perubahan masyarakat bukan saja di bandar malah di luar bandar. Saya mendapat pandangan-pandangan daripada pemimpin-pemimpin dan rakan-rakan lain dalam negara ini, khususnya di negeri Sabah. Di mana Jabatan Pendidikan negeri Sabah mohon peruntukan RM500 juta untuk 640 buah sekolah dan pembaikan rumah yang daif.

Jadi, memang sesuai sekali supaya kementerian ini diberi peruntukan yang lebih agar infra dan juga pelaksanaan bagi menjayakan dan memperkasakan Pelan Pendidikan Pembangunan 2025 akan dapat dicapai sepenuhnya. Jadi, bukan saja di negeri Sabah saya rasa yang memerlukan peruntukan yang lebih ini tetapi juga di negeri Sarawak dan di seluruh negara. Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, dan kita punya Timbalan Menteri ada di dalam Dewan yang mulia ini. Di negeri Sabah sahaja beberapa bulan yang lalu ini, beberapa buah sekolah yang berinding kayu terbakar. Ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah ini sudah daif. Sudah tentu bila daif, pengarah kita dari Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan negeri-negeri yang terlibat dalam sekolah-sekolah seumpama ini dengan prasarana masih kaya ini memerlukan peruntukan tambahan.

Jadi, saya mohon kepada Kementerian Pendidikan akan mendapat peruntukan yang lebih dalam Akta Perbekalan Tambahan ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

4.07 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ingin mulakan perbahasan saya ini dengan dua pandangan yang umum. Pandangan-pandangan ini pernah saya kemukakan. Akan tetapi oleh sebab jawapannya tidak begitu memuaskan, bukan saja saya ulangkan, bahkan saya akan memperkuat lagi hujah saya.

Perkara pertama ialah tentang berlakunya defisit yang banyak dan dalam waktu yang panjang. Sekarang ini lebih daripada 15 tahun dan ada rancangan untuk mengurangkan defisit. Akan tetapi apa yang berlaku ialah apabila bekalan tambahan dikemukakan tiap-tiap kali, maka tentulah defisit akan naik. Jawapan yang selalunya diberikan oleh Menteri ialah, "Oh ini perkara bekalan tambahan, bukan berlaku hanya sekarang, dulu pun waktu si anu, si anu jadi Menteri Kewangan kita dapati ada permohonan untuk bekalan tambahan". Soalnya bukan itu. Sekiranya tidak ada defisit, bahkan ada lebihan, ada *surplus*, tidak jadi masalah sangat kalau kita meminta bekalan tambahan.

Akan tetapi sekiranya ada defisit dan kita terus menerus meminta bekalan tambahan, maka tentulah keadaan defisit itu akan bertambah serius. Jadi, kita memerlukan satu yang sangat-sangat serius, sangat-sangat teratur untuk memastikan bahawa bukan saja tambahan ini tidak berlaku atau dikurangkan, bahkan rancangan-rancangan yang konkrit dapat dijalankan supaya defisit itu berkurangan. Itu yang pertama.

Keduanya, saya lihat dan tiap-tiap kali ini berlaku bagi perbekalan tambahan bahawa item yang selalunya paling besar yang diminta sebagai tambahan ialah item emolomen. Ini bukan termasuk hanya gaji tetapi juga pencen, bonus dan sebagainya.

■1610

Yang menjadi soalan di sini ialah kenapakah kita tidak boleh dapat menganggar ataupun *estimate* tambahan-tambahan yang berlaku ini? Tentulah lebih kurang kita tahu misalannya lebih awal bahawa pencen akan ditambah bagi bilangan yang seramai ataupun gaji akan bertambah bagi bilangan yang ramai. Kalau ada anggaran seperti ini, maka ia boleh dimasukkan terus ke dalam belanjawan tahunan dan tidaklah payah diulang-ulang kali diadakan tambahan ini.

Jadi saya memohon supaya pihak kementerian pada masa-masa yang akan datang cuba sekurang-kurangnya *project* atau unjurkan apakah tambahan-tambahan yang perlu bagi emolumen tersebut supaya kalau perlu pun ditambah kemudian tidaklah sebanyak sampai RM2 bilion atau sebagainya sebagaimana yang kita dapati dalam permintaan kali ini.

Sekarang saya pergi kepada perkara-perkara yang *detail*, yang terperinci. Maksud T.14, disebut di situ bahawa diperlukan RM500 juta akibat peningkatan jumlah pesara pilihan. Di sini hanya saya hendak kemukakan pertanyaan. Satu, apa yang dimaksudkan dengan pesara pilihan itu, siapakah dia? Peningkatan itu berapa banyak dan untuk berapa ramai orangnya? Selain daripada itu adakah peningkatan ini bagi golongan pilihan ini terdiri daripada golongan yang paling rendah pendapatannya?

Saya rasa yang perlu kita bagi keutamaan untuk membantu seharusnya ialah mereka yang paling rendah pendapatan mereka. Di sini kita dapati bukan sahaja misalnya itu pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai kerajaan yang berperingkat rendah tetapi yang paling teruk misalnya pekerja-pekerja *Industrial Manual Group of Workers* (IMG) dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, pendapatan mereka ini, di bawah garis kemiskinan. Bila mereka bersara, pencen kalau pun mereka sudah pencen adalah jauh lebih rendah daripada garis kemiskinan. Saya rasa mereka inilah yang seharusnya menjadi pesara pilihan. Mereka inilah yang seharusnya menjadi sasaran untuk kita menaikkan pencen.

Tentang maksud B.7 Tuan Yang di-Pertua, disebut di sini bahawa RM88 juta adalah dikehendaki untuk menampung pembayaran rawatan pesara awam persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia. Saya hendak kemukakan juga pertanyaan yang sebenarnya sudah ditanyakan lebih awal tetapi berbeza sedikit pertanyaan saya iaitu pembayaran rawatan pesara ini adakah pesara ini mereka yang mendapat pencen, adakah juga termasuk pesara yang hanya mendapat EPF ataupun pesara hasil daripada kontrak yang mungkin tidak termasuk dalam dua kategori ini?

Saya kemukakan hal ini kerana tadi saya telah berbual-bual dengan seseorang bekas pegawai tentera dan dia cerita bagaimana ada seorang bekas majer katanya yang sakit diabetes dan anak-anaknya tidaklah berpendapatan baik sangat. Kebetulan dia dulu dapat pencen tapi ditukarnya kepada EPF, dan oleh sebab itu, khabarnya beliau tidak mendapat bantuan rawatan ini. Mungkin sekarang ini boleh dapat. Saya harap dia akan dapat. Akan tetapi bagaimana misalnya dengan mereka yang bukan terdiri daripada yang mendapat pencen, akan bekerja sebagai pekerja kontrak terutama dengan polis atau tentera. Adakah nasib mereka terjamin dalam hal ini?

Saya mengalu-alukan pembayaran rawatan bagi pesara ini. Bahkan, ini saya rasa bukan kali pertama hal ini dikemukakan sebagai bekalan tambahan. Sudah ditimbulkan lebih awal. Akan tetapi selain daripada bantuan untuk rawatan ini, saya rasa ada hal-hal lain yang perlu diambil kira yang dijadikan sasaran yang harus membuat kita menganggap mereka ini sebagai pesara pilihan.

Saya dapati bahawa daripada pengalaman saya dengan apa yang kita sebut sebagai peneroka bandar ataupun disebut sebagai setingan, saya berjumpa dengan bekas tentera dan bekas polis peringkat bawah, mereka ini pencen mereka adalah sangat rendah. Mereka tidak mampu untuk menyewa rumah di Kuala Lumpur ini yang sangat mahal apatah lagi untuk membina rumah. Jadi sama ada mereka menyewa ataupun mendirikan pondok-pondok di kawasan peneroka bandar, mereka dianggap sebagai melakukan perbuatan yang haram dan akhirnya ada yang disingkir tanpa apa-apa bantuan, tanpa apa-apa pampasan. Mereka ini tidak dapat pembelaan sama sekali.

Jadi saya percaya, golongan mereka yang sudah begitu lama memberikan khidmat jiwa raganya kepada negara sebagai patriot yang mempertahankan negara dan sebagainya seharusnya diberikan pertimbangan supaya hidup mereka tidak seperti yang terbiar itu.

Jadi dalam hal inilah saya rasa ada perkara-perkara yang harus dilakukan. Antaranya, saya ingat dulu masa British ada *home guard* ataupun polis khas yang bila mereka berhenti ataupun bersara, diberikan tanah. Saya bercakap dengan misalnya sesetengah bekas anggota tentera, mereka dikatakan sekarang ini di Thailand umpamanya, bekas tentera dan sebagainya ditawarkan tanah sekiranya mereka memerlukan untuk kerja pertanian atau...

Dato' Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sikit.

Dr. Syed Husin Ali: Sila.

Dato' Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat sebab saya lihat contohnya di Putrajaya sekarang ini. Apa yang berlaku, bukan kerajaan tidak- bukan saya hendak menjawab bagi pihak Menteri tetapi bersetuju atau tidak Yang Berhormat dengan saya, kakitangan kerajaan ini yang saya lihat yang ada di Putrajaya ini terlalu *complacent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Kuarters ada, pinjaman perumahan ada untuk hendak beli rumah. Akan tetapi mereka ini terlalu *complacent* duduk dalam kuarters tidak membeli rumah. Akhirnya bila habis tamat perkhidmatan, tidak ada rumah. Saya rasa Yang Berhormat perlu lihat yang itu juga. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Saya rasa itu bukan soal *complacent* sahaja. Ada di antara mereka terutama yang rendah, dan saya bercakap tadi tentang pesara-pesara polis, tentera dan sebagainya, pendapatan mereka terlalu rendah. Pekerja-pekerja *IMG* umpamanya, ada yang tidak ada kuarters pekerja-pekerja dan sebagainya. Gaji rendah. Bila mereka bersara atau berhenti, waktu itulah mereka tidak mempunyai apa-apa pilihan selain daripada pergi kawasan-kawasan setinggian dan seumpamanya itu.

Jadi saya mengatakan bahawa mereka ini seharusnya diberikan tanah. Di sebuah negara tetangga, saya diberitahu oleh bekas-bekas tentera ini sendiri bahawa mereka di negara tetangga itu mereka ditawarkan tanah sama ada untuk tapak rumah ataupun untuk dikerjakan sebagai pertanian. Jadi di sini dia kata mungkin boleh tetapi kita bukan ditawarkan, kita mesti memohon. Biasanya bila mereka memohon, mereka tidak dapat tanah itu. Jadi itulah yang menjadi masalah. Di sinilah saya rasa terpanggil untuk menyatakan bahawa mesti ada peraturan-peraturan di mana kita boleh menawarkan kepada mereka kemudahan-kemudahan. Inilah golongan yang saya anggap sebagai golongan yang seharusnya menjadi golongan sasaran bagi kita.

Maksud B.10 – Perbendaharaan, Tuan Yang di-Pertua, RM209 juta adalah dikehendaki untuk menampung keperluan pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

■1620

Jadi di sini dua pertanyaan yang timbul ialah bonus untuk apa? Dan kenapakah hanya bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri? Sebabnya saya cuma hendak tahu apa sebabnya itu sahaja. Adakah misalannya bonus dibagikan juga kepada kategori-kategori yang lain pada tahun 2013 yang tidak memerlukan bekalan tambahan tetapi sudah dibayar sebelum daripada itu. Tentang B.31, ini adalah contoh yang terbaik apa yang saya sebut sebagai komen umum saya tadi, iaitu sebanyak RM2 bilion untuk menampung kekurangan emolumen. Saya rasa kalau kita ada jangkaan dan kita ada *estimate* misalnya tentang apa yang akan berlaku tentu ini boleh dilakukan, *estimate*. Tidak payahlah tiap-tiap kali, tiap-tiap tahun hendakkan emolumen tambahan yang sebanyak ini. Kita lebih awal sudah boleh dapat menampungnya dalam belanjawan kita.

Tentang B.32 pula, RM1 bilion untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi bahan api. Kita selalu diberitahu Tuan Yang di-Pertua bahawa sebenarnya subsidi akan dikurangkan. Sekarang dalam masa kita mengatakan bahawa subsidi akan dikurangkan, pada masa sama ada pula tambahan. Jadi kenapakah maka perlu diadakan tambahan ini? Sekiranya tambahan ini perlu dan saya sanggup menerima bahawa ia perlu, saya hanya meminta satu perkara. Apabila ada subsidi umpamanya subsidi bagi bahan api, mestilah ada mekanisme bagi menentukan bahawa yang mendapat keuntungan daripada subsidi itu golongan yang berpendapatan rendah dan bukan misalnya *across the board*, dengan izin, sehingga yang paling kaya pun mendapat keuntungan daripada subsidi bahan itu. Sama ada dengan cara sistem stemkah ataupun dengan mendapatkan keterangan, maklumat dan bukti yang jelas tentang pendapatan mereka dan baru diberi subsidi itu harus difikirkanlah cara-caranya.

Maksud B.13, sebanyak RM20 juta untuk menampung keperluan perbelanjaan melobi pencalonan Malaysia. Sehubungan dengan ini saya menyertai dan menyokong pandangan kebanyakan atau dua, tiga orang telah menyatakan betapa pentingnya Malaysia menjadi anggota tidak tetap ini di Majlis Keselamatan. Saya memang berharap Malaysia akan menang.

Akan tetapi ada dua perkara di sini yang hendak saya timbulkan yang berlainan sedikit daripada apa yang telah disebutkan lebih awal oleh kawan-kawan tadi. Pertama sekali ialah jumlah yang diminta sebagai tambahan ini ialah sebanyak RM20 juta.

Bagi sayalah, dan mungkin bagi kerajaan tidak, kelihatan jumlah ini begitu besar. Jadi saya ingin ketahui apakah dia item-item perbelanjaan untuk melobi ini yang paling besar, yang paling penting. Keduanya, dapat tidak kita perbandingan belanja melobi negara-negara lain yang juga cuba hendak mendapatkan tempat. Berapa belanja mereka untuk melobi tersebut? Itu perkara, berapa belanja mereka? Pertama. Keduanya, harapan telah dinyatakan supaya boleh kita membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah-masalah dunia terutama dunia Islam kalau kita dalam majlis tidak tetap tadi.

Saya lebih pesimis daripada mereka. Ini kerana kita ketahui seperti yang selalu ditegaskan oleh seorang bekas Perdana Menteri, PBB atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sudah menjadi alat kuasa besar terutama Amerika Syarikat. Apa yang ditentukan oleh Amerika Syarikat biasanya itulah yang diputuskan oleh pihak PBB dan termasuk juga *Security Council*nya. Jadi dengan demikian, kalau kita menjadi ahli di situ bererti kita bukan sahaja harus mendapatkan sokongan yang lain supaya kuat kedudukan kita, tetapi kita harus lantang menentang apa sahaja percubaan untuk menguasai keadaan di PBB atau di Majlis Keselamatan oleh negara-negara besar yang tertentu.

Maksud B.21, RM72 juta adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan melaksanakan Program Jaminan Bekalan pengedaran agromakanan. Cuma RM72 juta bandingkan misalnya dengan RM2 bilion untuk menampung kekurangan peruntukan emolumen ataupun RM500 juta untuk tambahan bagi pesara-pesara pilihan. Ini sebenarnya mencerminkan bukan sahaja keadaan penambahan ini, tetapi keadaan bekalan ataupun belanjawan tahunan. Saya selalu ulang-ulang cakap di sini bahawa kita lihat daripada segi belanjawan, peruntukan yang diberikan kepada pertanian dan usaha-usaha untuk meningkatkan pertanian, usaha untuk meningkatkan taraf hidup petani-petani, usaha untuk menghapuskan kemiskinan peruntukannya adalah jauh lebih kecil daripada peruntukan-peruntukan lain.

Walaupun saya masukkan dalam pendidikan dan kesihatan pun ada misalnya elemen-elemen atau unsur-unsur untuk membantu golongan kemiskinan. Jadi bukan sahaja itu, itu yang perlu dinaikkan bahkan di sini pun kita perlu fikirkan kalaulah perlu misalnya untuk penambahan pendapatan penambahannya hendaklah lebih besar bagi mereka. Kalau misalnya ada pencen, ada bonus dan sebagainya bagi pegawai kerajaan, mengapakah tidak boleh difikirkan cara-cara untuk menambahkan pendapatan petani-petani ataupun golongan yang berpendapatan rendah dengan memberi bantuan?

Satu cara mungkin tindakan pemerintah. Tindakan pemerintah ialah dengan memastikan ada subsidi misalnya yang diberikan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan miskin sekali. Petani-petani padi merupakan pekerja-pekerja usaha ekonomi yang paling *uneconomic*. Ini kerana hasilnya rendah, harganya dan pendapatan mereka pun rendah. Oleh sebab itulah dikatakan tadi ramai orang tidak hendak bertani padi dan oleh sebab itulah juga maka kita terpaksa import padi. Jadi saya rasa subsidi bagi golongan yang paling miskin yang terlibat dalam pertanian, tetapi pertanian yang penting haruslah difikirkan. Itu tentang padi. Bagaimana pula tentang getah dan kelapa sawit umpamanya.

Padi harganya ditentukan bukan oleh pasaran dunia, tetapi turun naik harga getah dengan kelapa sawit ditentukan terutama oleh harga luar daripada negara iaitu harga dunia. Kalau perang sana, perang sini harga naik. Kalau tidak ada benda banyak pengeluaran harga turun. Jadi sekarang ini tengah rendah, ada kalanya harganya tinggi. Dalam hal ini, saya memikirkan bukan sahaja soal subsidi, kalau adapun subsidi tidak sepenting misalnya bagi petani-petani padi tadi. Akan tetapi saya memikirkan mekanisme-mekanisme yang lain.

■1630

Umpamanya, kita boleh cuba misalnya mengadakan *stockpile* ataupun penimbal. Caranya mekanisme ini berjalan ialah apabila harga umpamanya getah turun, maka ada badan yang beli getah simpan dalam *stockpile*. Apabila dibeli, kita harap akan dapat dinaikkan harga getah itu. Apabila misalnya harga naik tinggi, maka kita keluarkan sedikit *stockpile* ini. Maka bila ada misalnya tawaran yang banyak, harga itu akan turun. Jadi semasa harga rendah, *stockpile* membantu menaikkan harga, waktu harga terlalu tinggi,

stockpile menurunkan sedikit dan dengan itu kita ada keadaan yang lebih stabil daripada harga. Ia tidak berubah terlalu tinggi dan terlalu rendah. Saya...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Kalau mengikut cadangan Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak negara kita ikut negara jiran iaitu Thailand, di mana kerajaan beli padi dan sehingga sekarang tidak mampu hendak bayar kepada petani-petani padi itu. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Bezanya negara ini dengan negara jiran tadi ialah negara ini jauh lebih kaya, per kapitanya jauh lebih tinggi, dan sumber-sumbernya jauh lebih banyak. Saya rasa kita lebih mampu untuk menolong petani-petani padi itu. Kalau kita misalnya mempunyai *political will* untuk membantu yang termiskin, kita harus menghadapi hal ini. Akan tetapi saya balik kepada soal...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh minta pandangan. Kalau mengikut pihak tertentu atau di laman webkah atau mana-mana, negara kita defisit sangat tinggi, tidak lama akan menghadapi *bankruptcy*, dan sebagainya. Jadi tiba-tiba sekarang negara kita sangat kaya dan jauh lebih daripada negara jiran kita pula. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang ini?

Dr. Syed Husin Ali: Beginilah, walaupun hutang negara banyak dan sebagainya, hakikatnya per kapita kita masih tetap tinggi. Kalau kita banyak hutang dan sebagainya, itu soal pengurusan negara. Kalau pengurusan negara diperbaiki, wang akan dapat digunakan dan diagihkan bagi kepentingan golongan yang susah. Jadi berbalik kepada soal *stockpile* tadi Tuan Yang di-Pertua, saya sedar misalnya percubaan telah dibuat oleh bekas Perdana Menteri yang terlama di negara ini. Dia cuba membuatkan *stockpile* getah dan gagal. Salah satu sebabnya gagal dan dia sendiri mengakui kerana sabotaj daripada pihak Amerika Syarikat. Ini kerana pada waktu itu ada persaingan yang sengit di antara *natural rubber* atau getah asli, dengan izin, dengan getah tiruan. Amerika Syarikat hendak mempertahankan getah tiruan.

Banyak pelajaran yang kita boleh ambil daripada pengalaman yang lama dan kita cuba atasi pengalaman-pengalaman buruk itu dan dengan demikian saya harap kita boleh melakukan, mengadakan rancangan-rancangan yang boleh membantu segala ini. Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengatakan tadi tentang soal padi umpamanya. Berkaitan dengan soal padi itu juga ada bahan-bahan pertanian yang lain yang tidak ditentukan harganya oleh pasaran dunia tetapi oleh permintaan tempatan dan kerana *glut* bekalan tempatan yang terlalu banyak.

Kita ambil misalnya waktu musim buah-buahan. Musim buah-buahan, kalau durian terlalu banyak, maka harga turun terus. Siapa yang paling untung, orang tengah. Orang tengah boleh beli paling murah dan tidak ada pilihan bagi orang yang memiliki pokok durian tadi untuk menjual murah. Akan tetapi orang tengah tadi boleh jual umpamanya di Singapura atau di bandar-bandar dengan harga yang lebih mahal. Begitu juga dengan rambutan. Jadi saya berharap bahawa ada agensi ataupun koperasi-koperasi yang dapat dibina dan disokong oleh pemerintah supaya membantu terutama pengeluar-pengeluar durian atau buah-buahan yang lain supaya dalam keadaan *glut* yang teruk, pendapatan mereka tidak akan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan melaksanakan program jaminan bekalan ini, ingin saya sebutkan di sini dan telah disebutkan juga tetapi saya hendak ulas secara lain sedikit- ingin saya sebutkan tentang penggantungan kita kepada import. Salah satu bahan yang paling banyak kita import adalah bahan-bahan yang kita sebut sebagai *dairy products*, daging, susu, keju, dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini bukan sahaja misalnya kita mengimport barang-barang seperti itu, kita juga terpaksa mengimport beras umpamanya daripada beberapa buah negara. Soal import ini menimbulkan beberapa masalah. Kalau kita mengimport umpamanya daging terutama ataupun yang lain-lain *dairy products*, soal pertama yang timbul ialah soal halal-haram, dan sekarang ini masyarakat Islam di negara ini begitu sensitif dengan soal halal-haram ini dan ini harus diperhatikan.

Keduanya ialah soal mutu. Ada daging misalnya di negara 'A', dari negara 'B' yang dikotakkan dan dibawa ke mari. Ada yang misalnya kalau sampai di sini macam hampir rosak dagingnya tetapi masih digunakan dalam perniagaan-perniagaan, kedai-kedai makanan dan seumpamanya. Akan tetapi masalah ketiga yang paling besar ialah masalah *food security*, keselamatan makanan. Soal *food security* ini harus dipertimbangkan dengan sepenuhnya terutama berhubung dengan import-import dari luar ini. Kita juga sebenarnya mengekspor keluar. Kita banyak eksport ke Singapura umpamanya sayur-sayuran dan sebagainya. Apabila Singapura mengimport sayur kita, mereka memerlukan- hendak memastikan bahawa yang kita eksport itu sayuran yang terbaik, yang tidak ada ulat ataupun segala-galanya. Jadi yang bersih dari segala itu. Jadi yang tinggal untuk kita ialah yang buruk-buruk. Durian yang dihantar ke Singapura adalah yang terbaik, durian yang tinggal di sini kadang-kadang kurang baiknya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga bahawa apabila eksport ke Singapura dan ini telah disebutkan oleh seorang teman Dewan Negara tadi- apabila kita eksport ke Singapura, Singapura menjadi orang tengah. Saya ambil contoh yang terbaru umpamanya, durian *Mosang King*. *Mosang King* diekspor ke Singapura, dan sekarang ini khabarnya *Mosang King* popular di sesetengah negara di Eropah dan juga di Australia. Apabila diekspor, mereka menganggap *Mosang King* itu keluaran dari Singapura bukannya hasil dari Malaysia. Jadi bukan sahaja soal nama di sini, soalnya ialah soal keuntungan daripada segi ekonomi dan sebagainya. Saya percaya ini harus diatasi dan boleh diatasi sekiranya kita ada badan atau agensi tertentu di negara ini yang boleh membeli bahan-bahan ini yang terus boleh eksport ke luar negara.

Dengan demikian, keuntungan yang boleh diperolehi adalah jauh lebih besar daripada keuntungan yang akan diperolehi jikalau kita melalui orang tengah tadi, orang tengah di Singapura. Akhir sekali ialah soal pendidikan B.41, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini banyak diperkatakan tentang nilai dan merit universiti-universiti makin merosot. Tidak ada sebuah universiti pun yang dalam kategori 200 terbaik dalam dunia. Tidak ada universiti dari Malaysia pun yang termasuk dalam kategori 100 terbaik di Asia.

■1640

Sekarang ini, mutu dan nilai sudah turun tetapi bukan sahaja universiti. Kita dapati di sekolah rendah pun begitu. Pengajaran Sains dan Matematik dan bacaan- *reading* dalam kalangan sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini, adalah di antara yang tercorot. Kalau di universiti misalnya antara yang terbaik sekarang ini adalah selain daripada Harvard dan Cambridge dan sebagainya, sesetengah universiti di Korea, di Hong Kong, di Jepun dan di China.

Begitu juga sekolah-sekolah rendah, antara yang terbaik ialah di negara-negara tersebut juga. Jadi, banyak yang perlu dilakukan dan saya tidak membincangkan hal ini kerana saya harap akan dapat membincangkan pada masa dan tempat yang lain. Cuma yang hendak saya sebutkan, bila kita sebutkan tentang UiTM di sini, kita dapati UiTM bukan sahaja kedudukannya rendah di peringkat dunia tetapi kalau dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan pun, dia masih rendah. Jadi, usaha-usaha yang terbaik hendaklah dijalankan supaya taraf di universiti seperti UiTM itu akan dinaikkan.

Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu bahawa tambahan sebanyak RM634 juta adalah dikehendaki untuk menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus UiTM. Enam buah kampus itu Tuan Yang di-Pertua adalah di Pasir Gudang, Jasin, Seremban III, Puncak Alam, Tapah dan Kota Samarahan. Untuk konsesi tersebut, enam buah kampus yang baru ini, kerajaan dianggar akan menanggung bayaran konsesi bagi enam buah kampus cawangan UiTM berjumlah RM8.6 bilion setelah menandatangani perjanjian konsesi selama 23 tahun. Kita sudah tandatangani selama 23 tahun dan jumlahnya ialah RM8.6 bilion dan kali ini tambahannya adalah sebanyak RM634 juta. Jadi, adakah kita tiap-tiap tahun nanti akan meminta jumlah yang sama sehingga nanti tamat 23 tahun ataupun habis RM8.6 bilion, mana yang lebih awal.

Akan tetapi yang lebih membimbangkan saya ialah bahawa di antara universiti yang mendapat konsesi ini, ambil contoh misalnya, UiTM Seremban 3, ia diberikan kepada adik seorang pemimpin wanita UMNO yang dahulu pernah masyhur dengan 'lembu kondonya'. UiTM di Jasin pula diberikan konsesinya kepada dua orang bekas ADUN Selangor yang dahulu patutnya mendirikan UiTM di Serendah tetapi itu gagal dan dapat pula di Jasin.

Ada pula di Selangor misalnya, CEO sebuah syarikat air di Selangor yang pendapatan tiap-tiap bulan ialah setengah juta sebagai CEO dan dia juga seorang anggota UMNO dan bekas seorang bendahari UMNO di Selangor. Beliau mendapat konsesi juga. Jadi, ada yang mendapat konsesi tanpa mempunyai pengalaman atau kedudukan ekonomi yang kuat dan kekuatan mereka semata-mata oleh sebab ada hubungan politik. Jadi saya rasa, apabila misalnya diberikan konsesi tanpa umpamanya tender yang terbuka, tanpa memilih orang yang terbaik, maka kita hanya memperkayakan kroni-kroni tertentu. Jadi amalan seperti ini, saya rasa harus diberhentikan...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: Perkara ini telah banyak kali ditimbulkan dalam Dewan Rakyat dan dalam media selama satu bulan yang lalu...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Laluan, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Ya silakan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apa bukti-bukti, hujah yang mengatakan bahawa kontraktor-kontraktor ini kontraktor kelas ketiga yang tidak berkemampuan, tidak berkualiti untuk melaksanakan? Juga saya hendak bertanya persoalan awal yang dibangkitkan mengenai dengan kualiti UiTM. Apakah asas justifikasi Yang Berhormat mengatakan bahawa UiTM universiti yang tidak berkualiti? Ini kerana kalau kita lihat dalam konteks *marketability*, dengan izin, graduan-graduan UiTM lah antara yang paling *marketable* dalam konteks pasaran. Jadi, kalau kita hendak berhujah perlu ada penjelasan dan fakta-fakta yang jelas dan konkrit, bukan sahaja jelas tetapi bukti-bukti yang sah, bukan sekadar mentohmah dan memfitnah.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mentohmah ya. Pertama sekali tentang syarikat-syarikat tadi. Saya tidak mengatakan mereka syarikat kelas ketiga dan sebagainya. Itu bukan ayat saya. Saya mengatakan bahawa kebanyakan mereka ini adalah bekas-bekas ADUN atau orang-orang yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak parti tertentu dan kerajaan tertentu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri ya. Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri. Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian, saya mengatakan sekiranya ada tender yang terbuka, kita dapatkan orang yang terbaik...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: Maka tidak timbul rasa tidak puas hati, tidak timbul misalnya kemarahan. Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri. Saya akan beri peluang selepas saya selesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih berucap. Dia tidak beri peluang dahulu.

Dr. Syed Husin Ali: Saya akan beri nanti. Keduanya tentang MARA.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: Sebenarnya, kajian-kajian...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh minta laluan?

Dr. Syed Husin Ali: Nanti dahulu.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Selalu saya tanya, nanti dahulu, nanti dahulu. Berilah satu hari.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ada hak dan saya akan beri kepada yang pertama yang berdiri tadi ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa. Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Saya teruskan, saya hendak selesaikan ini dahulu. Tentang UiTM misalnya, tentang soal *marketability* itu saya tidak nafikan. Pasal apa? Sesetengah daripada *graduate* itu adalah diperlukan. *Graduate* yang menjadi *secretary*, *graduate* dalam urusan-urusan pejabat dan sebagainya. Itu semua adalah *marketable* dan memang betul juga mereka boleh mendapat jawatan-jawatan yang lain tetapi bila misalnya persaingan untuk jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam syarikat ataupun dalam kerajaan, kita dapati peluang mereka adalah kurang sedikit jika dibandingkan, itu satu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Dr. Syed Husin Ali: *Advantage* mereka ialah kerana kebanyakan mereka ada penguasaan bahasa Inggeris dan ini suatu perkara yang *plus* bagi- saya beri peluang bagi UiTM. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak tekankan di sini jelas apa kita mahukan- saya tidak mengatakan UiTM ini begitu buruk dan sebagainya. Saya hanya mengatakan secara perbandingan sebagaimana misalnya Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya, kajian-kajian *Times Educational Supplement* menunjukkan bahawa kita tidak ada dalam 200 di dunia, kita tidak ada dalam 100 di Asia. Begitu juga, kita mempunyai alasan-alasan untuk menunjukkan bahawa banyak yang perlu dibuat kepada UiTM untuk menaikkan tarafnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri ruang, kah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, isu UiTM lagi. Boleh atau tidak Yang Berhormat tunjukkan bukti graduan universiti manakah yang baru keluar dari universiti terus mendapat posisi yang tinggi? Ini kerana apabila diukur, saya sebutkan tadi *marketability*, biasanya kita ukur graduan yang berkualiti dan baik adalah apabila mereka keluar, mereka mendapat kerja. Apakah tidak cukup lagi pembuktian bahawa graduan-graduan UiTM keluar boleh dapat kerja? Kalau kita hendak meletakkan kayu ukur graduan-graduan keluar dari UiTM boleh dapat persaingan, boleh dapat posisi yang tertinggi, saya tidak pernah jumpa mana-mana kajian ataupun penyelidikan yang meletakkan kayu aras, kayu ukurnya adalah berasaskan kepada mereka dapat bersaing untuk mendapatkan jawatan yang tertinggi. Biasanya mereka memerlukan *years of experience*, dengan izin, jumlah tahun, pengalaman dan sebagainya, barulah mereka boleh bersaing untuk mendapatkan jawatan yang lebih tinggi.

Kedua, persoalan berkenaan dengan kembali kepada isu yang berbangkit berkenaan kontraktor tadi. Jelas, masih tidak ada satu pembuktian mengatakan bahawa walaupun mereka ini kontraktor yang ada hubungan dengan UMNO dan sebagainya, apakah ada bukti daripada Yang Berhormat Senator mengatakan bahawa mereka ini tidak mempunyai kepakaran dan mempunyai kelayakan untuk menjadi kontraktor? Kalau mereka ini UMNO, maka mereka tidak boleh menjadi kontraktor? Minta penjelasan.

■1650

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tentang mereka yang mendapat konsesi tadi. mereka bukan kontraktor. Mereka dapat konsesi. Selepas dapat konsesi, mereka boleh mengadakan, boleh memberikan kepada kontraktor dan sebagainya. Jadi saya ingin menyatakan timbul masalah pilih kasih dalam memberikan konsesi itu. Itu saja.

Keduanya tentang soal UiTM saya tidak pernah menyatakan bahawa ada *graduate* yang terus mendapat jawatan tinggi. Itu pemahaman saudara.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Syed Husin Ali: Saya minta kedua-duanya, saya masih berdiri Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat, dia masih berucap. Duduk dahulu.

Dr. Syed Husin Ali: Kita masih tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa tidak terus orang mendapat jawatan yang tertinggi. Akan tetapi kalau misalnya kita tunjuk sebagai *comparison* bahawa pelajar luar negara yang baru lulus lebih senang dapat kerja bukan sahaja di luar negara tetapi dalam negara terutama dalam syarikat-syarikat terutama sekiranya mereka bukan bumiputera. Itu saya hendak katakan.

Satu lagi ialah bahawa *marketability* bukannya bukti bahawa universiti itu mempunyai mutu yang tinggi. Mutu yang tinggi bukan sahaja daripada pendidikan tetapi daripada segi mental, adakah terbuka, adakah kritikal misalnya minda masyarakat mereka itu. Kalau pandangan sempit, tidak kritikal, tidak ada gunanya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki: Saya hendak betulkan Tuan Yang di-Pertua. *Marketability* adalah salah satu kriteria yang digunakan oleh salah satu daripada agensi yang buat penarafan QS atau *queue survey* selain daripada *Times University*. Ia kayu ukur juga hendak melihat bagaimana universiti, graduan-graduan universiti mempunyai kebolehpasaran kerana itu adalah salah satu untuk menunjukkan sama ada universiti itu berkualiti ataupun tidak.

Kriteria sama ada graduan itu mempunyai pemikiran kritis, *analytical* dan sebagainya, itu boleh diukur dengan menggunakan kayu ukuran yang berbeza. Akan tetapi kalau hendak mengatakan bahawa *marketability* itu tidak dijadikan sebahagian daripada kayu ukur, saya rasa itu tidak betul dan tidak tepat.

Keduanya berkenaan dengan persaingan untuk jawatan tinggi. Saya rasa kita dapat lihat ramai bekas-bekas graduan UiTM yang hari ini menjadi CEO-CEO bank. Saya boleh namakan, Affin Bank. CEOnya bekas graduan UiTM. Bank Islam sendiri, CEOnya adalah bekas graduan UiTM. Jadi kalau kita hendak menafikan graduan dalam negara khususnya UiTM sebagai graduan yang tidak mempunyai kualiti, saya rasa adalah tidak adil dan tidak tepat untuk pandangan saya.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menafikan bahawa ada mereka yang berkebolehan. Saya tidak pernah menafikan, itu tafsiran saudara. Salah faham saudara terhadap apa yang saya katakan. Saya hanya menyatakan, buat pertama sekali, memang ada graduan daripada UiTM misalnya, selepas pengalaman-pengalaman yang banyak dapat mencapai kedudukan yang tinggi. Itu sudah pastilah walaupun barangkali susah hendak dikatakan sekarang ini sama ada, ada kementerian yang mempunyai Ketua Setiausaha yang datang daripada UiTM misalnya. Setahu saya tidak.

Satu lagi ialah Tuan Yang di-Pertua, bila kita katakan tentang *marketability* tadi. minta maaf sayalah, setahu saya yang saya bacalah, *Times Education Supplement* dan sebagainya, tidak meletakkan ukuran atas dasar *marketability*. Apa yang penting ialah bagaimana *publication* mereka, bagaimana *research* mereka, bagaimana pengajaran mereka, bagaimana mereka dapat menarik misalnya pelajar-pelajar dari luar. Dan salah satu perkara yang cuba hendak dibuat oleh UiTM untuk naikkan tarafnya daripada segi pengukuran ini cuba hendak banyakkkan pelajar-pelajar luar.

Sehingga pelajar-pelajar tempatan yang bukan daripada bumiputera pun cuba hendak dibawa masuk untuk membuktikan ada pelajar dari luar. Jadi saya rasa, ini bukan caranya. Saya tidak sama sekali menafikan tentang adanya golongan-golongan graduan, *graduate* di situ, siswazah di sana yang berjaya, tidak sama sekali.

Saya mengatakan hanya taraf pendidikan di universiti, sains dan matematik dan *reading* di sekolah rendah perlu dinaikkan sehingga sama dengan taraf-taraf di negara-negara yang lain. Singapura ataupun Hong Kong, ataupun China, Jepun dan sebagainya. Kita sudah terlalu tertinggal dan dalam negara sini, UiTM tidaklah dianggap sebagai salah satu daripada yang tertinggi, terulung daripada...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah itu Yang Berhormat. Ringkaskanlah.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, terima kasih. Sekarang saya rasa saya sudah sebutkanlah. Cuma satu *point* sahaja lagi hendak saya katakan. Pertama sekali tentang, kalau hendak bukti-bukti tentang mereka yang telah dibagikan konsesi tadi, saya akan kemukakan, saya akan bagikan kepada saudara dan satu lagi ialah, perkara ini tidak pernah dinafikan oleh sesiapa. Sudah sebulan benda ini *in the public domain*, dengan izin, dan tidak pernah dinafikan dan pihak UiTM. Pihak penolong pendaftarnya telah membuat satu kenyataan mengenai hal ini. Kenyataannya tidak menafikan tentang wujudnya perkara itu.

Beliau hanya menyatakan sistem yang dibuat adalah berlainan sedikit sebab katanya sistemnya ialah dengan menggunakan kaedah PFI ataupun Inisiatif Pembiayaan Swasta. Jadi itu soal lain.

Tidak ada siapa. Seorang Menteri misalnya hanya menafikan dengan mengatakan, "Oh, ini pembohongan". Pihak UiTM tidak menafikan, cuma mengatakan kita ikut sistem yang lain. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat. Silakan Yang Berhormat.

4.57 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2014 pada petang ini

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terus kepada persoalan saya. Pertama sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan tambahan RM1 bilion untuk menampung keperluan tambahan subsidi bahan api terutamanya petrol, diesel dan sebagainya.

Apakah rasionalnya peruntukan tambahan ini? Kita maklum bahawa harga diesel naik kerana subsidi kerajaan telah diturunkan. Jadi, kita sepatutnya mencukupi. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya berkenaan isu penyelewengan sukar ditangani. Dilaporkan jumlah rampasan sejak tahun 2009 – 2013, sebanyak 22.7 juta liter bernilai RM4.5 juta, jumlah yang sangat tinggi. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan mengatasi ketirisan ini dan kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan seperti meletakkan kuota pembelian dan larangan eksport minyak, penguatkuasaan bersepadu, Ops Titik 19 Mei 2014.

Tindakan undang-undang juga diambil di bawah kawalan dan bekalan. Soalan saya, berapa jumlah dakwaan telah diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat dengan penyeludupan mengikut negeri-negeri? Pelbagai langkah telah diambil bagaimana perkara ini masih berleluasa. Adakah kerjasama dengan negara jiran di mana diesel ini diseludup seperti Thailand, Singapura dan sebagainya?

Mungkin kerajaan boleh kaji semula harga bahan api ini agar dapat dikurangkan ketirisan berlaku dengan kerajaan mengenakan harga diesel yang banyak digunakan dalam pasaran ini. Dalam harga pasaran dunia seperti Thailand dan Singapura, memang akan berat kepada rakyat tetapi kalau kita mahu memberi subsidi, kita hanya mengambil pendekatan rasionalisasi subsidi. Maknanya kita berikan subsidi kepada mereka yang benar-benar memerlukan kepada orang-orang yang berhak.

Janganlah hendaknya kita beri subsidi kepada keseluruhan dan ini yang banyak disalahgunakan dan wang yang kita belanjakan untuk subsidi itu kita gunakan untuk dan kita bagikan dan bantu rakyat dalam BR1M dan sebagainya.

■1700

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tambahan sebanyak RM72 juta bagi menampung perbelanjaan melaksanakan program jaminan bekalan makanan dan pengedaran agro makanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang. Tuan Yang di-Pertua, fenomena *food security* dikatakan sekarang sebagai *food sovereignty* ataupun kedaulatan makanan. Ia amat penting terutama dalam negara kita menuju negara maju berpendapatan tinggi dan kita pada masa ini fokus kepada industri pembuatan. Saya ingin bertanya di sini, sejauh mana kerajaan melihat kehidupan marin adalah penting dipelihara dalam memastikan bekalan makanan kita mencukupi pada masa hadapan. Adakah kerajaan punya pelan tindakan tertentu dalam hal ini?

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan bekalan makanan dan cuaca sekarang. Cuaca yang panas melampau kesan *El Nino* yang memberi kesan kepada penghasilan makanan dan sejauh manakah kerajaan melaksanakan kajian mengenai impak *El Nino* terhadap industri pertanian? Cuaca melampau panas, kekurangan sumber air, catuan air pastinya merisaukan pelbagai pihak terutamanya penanam padi yang banyak mengutarakan sistem pengairan yang bermasalah, yang tidak mencukupi untuk penanaman padi ini. Mohon kerajaan perjelaskan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada peruntukan sebanyak RM634.1 juta untuk Kementerian Pendidikan. Ini ialah bagi menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus UiTM untuk menampung kenaikan harga kontrak susulan daripada pelaksanaan perintah gaji minimum dan menampung kos pembaharuan dan penambahan kuantiti kontrak bagi perkhidmatan kebersihan bangunan dan perkhidmatan kawalan keselamatan.

Ringkas saja Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, berapa jumlah kampus UiTM luar bandar secara keseluruhannya? Merujuk kepada kampus UiTM luar bandar ini, kita mengalu-alukan niat baik kerajaan membangunkan kawasan berkenaan, cuma sejauh mana kajian dibuat bagi menentukan kampus berkenaan boleh dibangunkan? Kalau dilihat daripada segi sistem pembelajaran dan *syllabus* pelajar, mereka perlu menjalankan pelbagai aktiviti termasuk *assignment*, kertas projek-kertas projek dan mereka perlu mendekati syarikat-syarikat untuk melaksanakan suatu projek. Bila berada di luar bandar susah untuk buat projek, hendak jumpa ahli-ahli korporat dan mendapatkan pengalaman yang berkaitan. Jadi, kita minta agar kajian mendalam dibuat sebelum membina kolej di luar bandar agar ia tidak merugikan pelajar.

Pelajar wajar didedahkan dengan keadaan sebenar dan perlu dekat dengan realiti kehidupan agar mereka lebih sedia bila berada dalam pasaran modal insan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Puan Roslin binti Haji Abdul Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

5.03 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ucapkan terima kasih kerana telah mengizinkan saya untuk bersama-sama pada kali ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk 2014 ini.

Saya merujuk kepada Maksud B.11 iaitu untuk perkhidmatan am perbendaharaan yang melibatkan angka yang besar untuk bayaran tuntutan subsidi bahan api. Kita faham bahawa subsidi bahan api ini penting bagi penjana pembangunan ekonomi negara. Sungguhpun begitu dipohon supaya ketirisan dan penyelewengan seperti mana minyak diesel baru-baru ini dapat ditangani dengan sebaik mungkin.

Kedadaan ini mungkin kerana penyeludupan keluar ini disebabkan oleh permintaan tinggi dari luar negara. Namun, satu mekanisme kawalan perlu dipertingkatkan. Saya mohon satu sistem 'keboleheberkesanan' dapat diperkenalkan. Perkara ini bukanlah satu yang susah kerana semenjak perang dunia yang kedua, sistem ini telah diperkenalkan oleh blog-blog pakatan NATO di mana minyak diesel yang digunakan oleh kenderaan tentera di Perancis tidak sama sekali sama dengan minyak kenderaan yang digunakan oleh tentera Itali. Begitulah seterusnya, masing-masing ada identifikasinya dan mudah diketuai jika ada ketirisan dengan mengetahui dari mana sumbernya dan semestinya tahu siapa pengkhianatnya.

Saya pasti ada sistem pendekatan di luar sana yang boleh memberi jawapan kepada masalah ketirisan ini. Kerajaan mestilah bersedia untuk lebih terbuka dengan teknologi *trustability* ini dan mestilah dia sanggup melabur untuk pelaksanaannya. Seterusnya yang kedua, sebanyak RM634.1 juta untuk Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan untuk menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus di UiTM. Saya ingin menarik perhatian Dewan berkenaan dengan pembinaan pusat pendidikan baru di UiTM ini secara PFI. Sukacita dimaklumkan bahawa kami berterima kasih kerana kerajaan peka terhadap pentingnya pendidikan khasnya kepada pendidikan kepada anak-anak orang luar bandar dan kurang berada.

Peningkatan pusat pendidikan ini juga memberi kesan berganda kepada kemajuan ekonomi dan juga pembangunan penduduk setempat. Umpamanya UiTM yang dibina di Raub memberi impak secara langsung kepada peningkatan ekonomi penduduknya di Raub dan juga kawasan persekitaran sehingga ke daerah Bentong dan Kuala Lipis. Peningkatan ini juga positif kepada peningkatan sosioekonomi dan juga kesan kepada politik setempat.

Pendekatan konsesi ini amatlah dialu-alukan demi mempercepatkan keperluan pendidikan negara. Namun, saya ingin memohon supaya kerajaan memikirkan juga manfaat institusi ini kepada penduduk tempatan.

Apakah ilmu pengetahuan yang wujud itu dapat dimanfaatkan oleh orang kampung? Apakah teknologi itu dapat diterap kepada penduduk tempatan dan sebagainya? Dipohon supaya kursus-kursus yang ditawarkan itu juga dipertingkatkan. Pilihlah kursus-kursus yang dapat menerima permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Kepada syarikat yang menerima konsesi ini, tahniah kerana mendapat kerja dan mohon supaya mereka janganlah memikirkan keuntungan semata-mata. Saya memohon kepada kerajaan untuk meletakkan syarat supaya pemegang konsesi ini juga harus melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan masyarakat. Perlu diwajibkan kepada mereka dalam terma perjanjian untuk melaksanakan CSR iaitu *Corporate Social Responsibility* dan yang paling penting janganlah sombong dan angkuh selepas mendapat konsesi dengan menghina kerajaan dan memberi mereka peluang dan ruang untuk meniaga.

Seterusnya, sebanyak RM208.9 juta untuk Maksud B.10. Perbendaharaan yang melibatkan keperluan pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri memang tidak dinafikan satu pampasan kepada mereka yang bertungkus-lumus mencari hasil untuk negara. Mereka memang layak untuk menikmatinya. Sungguhpun begitu sebagaimana yang kita tahu pada tahun hadapan, GST akan dilaksanakan. Maka beban ini juga akan bertambah. Saya pasti kerajaan peka terhadap perlunya peningkatan jumlah tenaga kerja dan kemudahan peralatan bagi memenuhi keperluan kerja yang semakin mendesak. Namun sebagaimana dunia yang berputar siang dan malam tanpa henti, begitu juga kegiatan ekonomi Malaysia bergerak tanpa henti. Pendekatan waktu kerja mestilah dipergiatkan selaras dengan perkembangan ekonomi dunia. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri haruslah menambahkan waktu kerja mereka 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu demi kemudahan pihak pelanggan berurusan sepertimana yang telah diamalkan di Singapura dan juga negara Barat.

Tempoh kurang dari enam tahun lagi bagi Malaysia mencapai taraf negara maju 2020 mendesak kita untuk lebih progresif dan dinamik untuk memenuhi permintaan pelanggan. Kaunter di hujung minggu haruslah dibuka kerana jika kaunter sistem yang sedia ada diamalkan terus, maka banyak produktiviti dibazirkan dengan meninggalkan kerja-kerja hakiki demi berurusan di kaunter LHDN di masa waktu pejabat.

Berkenaan GST itu juga, apakah keputusan kerajaan untuk mengkorporatkan Kastam Diraja Malaysia seperti yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri pada hari Kastam Sedunia di Johor Bahru pada Januari lepas? Pengkorporatan itu juga penting bagi melancarkan kerja-kerja percukaian dan tuntutan-tuntutan lain yang berkaitan GST. Kita mesti berani untuk berubah demi kemajuan dan pembangunan negara yang lebih mencabar pada masa yang mendatang.

Seterusnya yang keempat sebanyak RM88 juta untuk Maksud B.7. Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk menampung pembayaran dan rawatan pesara awam persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana peringatan rawatan kesihatan bekas-bekas perajurit yang banyak berjasa kepada bangsa dan tanah air. Sungguhpun begitu ramai juga bekas perajurit yang tinggal di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak yang masih tidak mendapat kemudahan sepertimana yang berada di Semenanjung.

■1710

Jika adapun mereka ingin mendapat rawatan mereka terpaksa ke semenanjung dengan penambahan perbelanjaan perjalanan dan juga penginapan yang mana semestinya membebankan mereka. Dipohon supaya kerajaan dapat menambahkan kemudahan ini bagi memenuhi mereka yang sakit dan memerlukan rawatan. Sungguhpun begitu, tahniah rawatan kepada pesakit bekas tentera ini antara yang terbaik di Asia. Malah kerajaan kita amat peka terhadap keperluan keluarga anggota tentera dalam mengharungi masa yang mendesak ini. Dipohon juga difikirkan supaya pendekatan jika tidak boleh di hospital tentera hantarkan mereka di hospital swasta. Perlu dilaksanakan bagi meningkatkan moral anggota tentera yang sedang berkhidmat juga menarik minat orang ramai untuk menganggotai angkatan tentera kerana jaminan diberi oleh kerajaan waktu senang dan juga waktu susah, di waktu sihat dan juga di waktu sakit.

Seterusnya sebanyak RM72 juta untuk Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah untuk menampung perbelanjaan melaksanakan program jaminan bekalan dan pengedaran agromakanan. Peningkatan barang makanan yang rata-ratanya diimport amat membebankan rakyat. Peningkatan ini menyebabkan rakyat terpaksa berjimat-cermat dan terpaksa memikirkan alternatif barangan makanan mereka. Mohon kerajaan memikirkan untuk menubuhkan sebuah badan yang fokus kepada bahan makanan sahaja. Pendekatan *agro-food* ataupun pertanian makanan perlu dilaksanakan dengan kadar segera sebab kerajaan mesti melihat keperluan makanan ini merupakan keperluan asas negara.

Penggantungan kepada pengimportan semestinya kita tangani dengan baik. Adalah dicadangkan supaya pendekatan iaitu *reserve investment* iaitu pelaburan kebelakangan perlu dilaksanakan. *Reverse investment* bermaksud kita galakkan syarikat yang melabur dalam bidang pertanian makanan iaitu *agro food* ini di negara-negara yang dikenali sebagai pengeluar satu-satu makanan. Contohnya untuk daging mentah kita semestinya melabur di Australia, pertanian, sayur dan buah kita melabur di Thailand, padi dan beras di Vietnam, Kampuchea dan sebagainya. Sesungguhnya jika rakyat kita kelaparan rakyat tidak akan marah kepada kerajaan. Bak kata orang gendang gendut tali kecap, kenyang perut senang hati.

Maka dengan itu saya akhir sekali menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Beralih kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan Yang Berhormat.

5.13 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Cuma hendak sentuh mungkin satu sahaja kementerian. Kalau ada masa mungkin dua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Pertama sekali terima kasih bagi peluang ini. Saya hendak sentuh ialah tajuk B.41 Kementerian Pendidikan. Kalau kita tengok jumlah peruntukan ialah sebanyak RM634 lebih juta. Dari itu sebanyak RM234 lebih juta itu bagi pembayaran konsesi kampus UiTM. Banyak telah berbahas mengenai UiTM. Sebanyak RM400 juta lagi itu untuk perkhidmatan bekalan termasuk kos pembaharuan.

Hari ini saya cuma hendak menyentuh isu infrastruktur sekolah daripada segi fizikal seperti bangunan dan penambahan bangunan, keperluan untuk membaiki bangunan. Saya akui semua sekolah termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan Cina semua perlu bantuan daripada segi membaiki bangunan. Akan tetapi hari ini saya cuma hendak fokus kepada sekolah-sekolah vernakular terutama sekolah jenis kebangsaan Tamil. Isu ini saya pernah bangkit sebelum ini. Jadi, saya cuma hendak sentuh satu; dan dua, terutama sekali macam saya cakap sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Kalau kita tengok sekolah jenis kebangsaan Tamil telah lama wujud di Malaysia. Saya rasa pada tahun 1816. Pada satu masa kita ada lebih kurang hampir 900 buah sekolah tetapi sekarang terdapat sebanyak 523 buah sekolah. Isunya bukan penurunan daripada segi bilangan sekolah. Angka ini penting sebab saya hendak banding dengan bajet yang diperuntukkan. Daripada segi bajet untuk sekolah SRJK Tamil kalau kita tengok tiap-tiap tahun kita dapat peruntukan hampir RM100 *million* untuk sekolah-sekolah Tamil. Sebanyak RM100 *million* ini bukan satu angka yang kecil dan kalau kita tengok tiap-tiap tahun kecuali ada dua, tiga tahun ada peruntukan *special allocation*. Kalau kita tengok dari 2009 hingga 2011 sebanyak RM340 juta diperuntukkan untuk sekolah Tamil. Pada 2012 RM100 juta tetapi pada tahun 2013 tahun lepas kita ada dengan *special allocation* sebanyak RM120 juta.

Jadi kalau kita banding dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 sebanyak RM560 juta telah diperuntukkan untuk pembaharuan atau pembaikan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Sebanyak RM560 juta untuk sebanyak 523 buah sekolah. Bukan satu bajet yang kecil.

Pada saya, satu angka yang kalau kita bahagi pun saya ingat setiap sekolah itu dapat sekurang-kurangnya RM1 juta dan peruntukan kalau kita tengok sebanyak RM100 juta setahun kalau kita bahagi pun lebih kurang RM200,000 sebuah sekolah setiap tahun. Satu angka yang saya rasa mungkin kalau kita banding daripada segi bajet keseluruhan mungkin cukup untuk bantu sekolah-sekolah Tamil ini. Akan tetapi *problemnya* sekarang ialah kalau kita tengok angka jumlah sebanyak ini isunya kalau kita pergi bandingkan keadaan sebahagian besar sekolah-sekolah ini masih dalam keadaan kurang memuaskan.

Jadi soalan yang timbul adalah kalau jumlah ini munasabah kenapa keadaan di sekolah-sekolah ini masih dalam keadaan kurang memuaskan? Jadi pada saya, saya ada keraguan sama ada selepas diperuntukkan jumlah yang diperuntukkan ini benar-benar telah disalurkan kepada sekolah. Ini kerana kalau benar-benar telah disalurkan, saya rasa keadaan sekolah itu mesti sudah ditambah baik. Ini bukan sahaja *concern* saya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun pernah bangkitkan isu sekolah Tamil. Bukan sekali. Saya ingat tiga kali telah dibangkitkan.

Pertama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyalurkan rasa kekecewaan pada tahun 2010. Pada tahun 2010 telah ditubuhkan satu unit khas di Jabatan Perdana Menteri untuk *address* isu-isu sekolah Tamil pada tahun 2010. Selepas itu pada tahun 2012 telah ditubuhkan- ini semua di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2012 telah ditubuhkan satu *special* panel seramai lapan orang untuk *address* isu masalah sekolah-sekolah Tamil. Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan pelan tindakan untuk masa depan sekolah-sekolah Tamil dan baru-baru ini pada bulan dua tahun ini.

Kalau kita tengok pada isu yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan dua tahun ini seolah-olah macam duit yang telah diperuntukkan dalam bajet sebanyak RM500 itu tidak sampai atau tidak disalurkan atau walaupun disalurkan, projek-projek itu tidak dilaksanakan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa dia bangkitkan isu ini pada bulan dua telah cadangkan supaya saluran itu, duit yang diperuntukkan RM100 *million* itu diberi terus kepada *board of governors* ataupun *board of director*. Lembaga pengelola sekolah.

Pada saya cadangan macam ini memberi gambaran bahawa terdapat masalah dengan sistem saluran itu. Kalau tidak ada kenapa cadangan itu? Walaupun saya rasa cadangan itu telah dibuat dan banyak panel telah dibuat sejak tahun 2010, 2012 dan sebagainya masalah ini masih berterusan. Pada saya kenapa benda ini berlaku? Cadangan supaya bajet itu di salur terus kepada lembaga pengelola sekolah pun pada saya bukan akan dapat menyelesaikan masalah sepenuhnya. Ini saya pernah bangkit sebelum ini. Ini kerana kalau kita tengok dari 523 buah sekolah ini hanya 220 buah sekolah itu ada lembaga.

■1720

Jadi, macam mana dengan sekolah-sekolah yang tak ada lembaga, macam mana kita nak salurkan duit ini. So, pada saya, kerajaan kena ambil satu perhatian yang lebih serius. Macam saya cakap tadi, isu dia bukan isu peruntukan kerana peruntukan itu ada. Kalau peruntukan itu ada, kenapa peruntukan itu atau kenapa masalah ini masih belum dapat diselesaikan. Saya boleh bagi contoh, contohnya kalau kita ambil- ya, silakan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya mohon mencelah.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ya, Datuk.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu bahawa Yang Berhormat membawa dan membangkitkan masalah sekolah Tamil. Nak tanya Yang Berhormat, setahu Yang Berhormat, adakah masalah yang sama berlaku dengan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis Cina? Kalaulah masalah ini juga berlaku, ini masalah cara kita membahagikan apa bajet yang dah ada. Setahu Yang Berhormat, adakah masalah ini adalah keseluruhannya ataupun hanya kepada sekolah-sekolah Tamil sahaja? Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih. Macam yang saya cakap tadi, masalah pembangunan, masalah tambahan bangunan menjejaskan atau *affect* semua jenis sekolah termasuk sekolah kebangsaan dan sekolah jenis Cina.

Cuma macam saya cakap daripada mula tadi, saya cakap hari ini saya akan fokus kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil. Oleh sebab tujuan saya hari ini, cadangan yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah ini sebagai contoh, tahun 2010 mahu menubuhkan satu unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tahun 2012, menubuhkan panel khas yang terdiri daripada lapan orang, namun masih tak dapat menyelesaikan masalah ini, itu isu saya. Sekarang cadangan yang ketika pula pada tahun ini, supaya duit ini dapat disalurkan melalui *board of governance*. Saya ada keraguan sama ada isu ini boleh diselesaikan.

Biar saya bagi contoh. Sebuah sekolah di Selangor, sekolah Tamil di Serendah. Duit itu disalurkan melalui Lembaga Pengelola Sekolah tetapi sampai sekarang tak dapat memulakan projek tersebut. Inilah isu dia. Macam saya cakap, isu dia bukan isu peruntukan. Peruntukan itu ada. Ya lah, kalau kita tanya peruntukan, semua orang mahu lebihlah. Itu lain-lain isu. Pada saya, cukuplah peruntukan ini tetapi kenapa tak ada penyelesaian. So pada saya, saya minta kalau benar-benar duit RM560 juta itu telah disalurkan dan isu ini pernah dibangkitkan bukan sahaja di Dewan Negara tetapi juga di Dewan Rakyat. Kalau benar-benar duit ini telah disalurkan, boleh tak saya minta Kementerian supaya menyediakan senarai sekolah-sekolah yang telah terima peruntukan ini dengan *breakdown* jumlah, itu satu daripada segi peruntukan RM560 *million* atau tak apa, tak payah pergi jauh sampai RM560 *million* itu.

Last year punya, RM120 *million* itu pergi kepada sekolah mana? Pasal kalau kita tengok tahun 2013, masa peruntukan tambahan RM20 juta peruntukan tambahan itu diberi masa itu, menteri cakap peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta ini hanya untuk 13 buah sekolah. *That means*, sebuah sekolah dapat lebih daripada satu juta. Boleh tak saya dapat senarai sekolah-sekolah yang dapat peruntukan? Itu satu isu yang pertama. Isu yang kedua, saya cuma nak tanya kementerian sama ada kementerian telah melaksanakan cadangan Perdana Menteri supaya duit ini disalurkan melalui lembaga atau masih melalui kementerian atau JKR? Sudah tukar sistem atau masih ikut sistem yang lama? Kalau masih ikut sistem yang lama, kenapa masih pegang kepada sistem itu sedangkan sistem itu nampaknya tidak berkesan. Itu soalan yang kedua.

Saya juga dapat tahu ini bukan, saya tak buat tuduhan, saya cuma nak minta kalau boleh dapat sedikit *information* bahawa kelewatan dalam melaksanakan projek-projek sedemikian adalah juga kerana- untuk pelantikan kontraktor. Ada pihak-pihak tertentu sedang merasakan *pressure* atas kementerian untuk melantik kontraktor yang mereka *prefer* dan ini salah satu sebab contoh, buat masa ini saya tak buat tuduhan. Contoh yang saya dapat tahu ini masalah di Sekolah Tamil Serendah di Selangor.

Tujuan saya hari ini ialah supaya saya dapat keterangan-keterangan yang saya mohon daripada kementerian. Saya tidak ingin menyentuh lebih lama dalam isu ini pasal isu ini saya pernah bangkit sebelum ini tapi masa itu pun saya tak terima apa-apa jawapan daripada kementerian. So, saya mengulangi saya punya soalan kepada kementerian. Jikalau benar kementerian telah salurkan peruntukan sebanyak RM560 juta kepada pembaharuan ataupun pembaikan sekolah-sekolah Tamil ini, saya mohon supaya kementerian menyenaraikan sekolah-sekolah yang telah terima duit ini dengan jumlah, itu satu.

Soalan saya yang kedua, sama ada duit-duit atau bajet yang diperuntukkan untuk pembaharuan atau pembaikan sekolah Tamil itu akan disalurkan melalui LPS. Sekiranya akan disalurkan melalui LPS, apa cara kita nak salurkan duit kepada sekolah-sekolah yang tidak ada *board of directors*. Ini dua soalan yang pentinglah. *Subsidiary question* itu lain. Jadi, saya harap saya boleh dapat jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, kita beralih ke Datuk Hajah Rohani binti Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan pada petang ini.

Saya ingin menyentuh terus kepada Maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Awal tahun 2000, kerajaan telah ada memberi bantuan bot dan enjin kepada nelayan-nelayan sungai dan nelayan-nelayan pantai laut secara individu. Saya mohon penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan bantuan ini setelah lama dihentikan? Memandangkan masih ramai nelayan miskin yang perlu dibantu, saya cadangkan bantuan-bantuan sebegini diteruskan di mana kehidupan mereka bergantung 100 peratus kepada laut dan sungai.

Terima kasih kepada kerajaan kerana dapat membantu nelayan pada musim tengkujuh melalui Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 setiap orang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada kerajaan yang telah membantu nelayan untuk membaik pulih rumah mereka dalam kadar RM3,000 hingga RM10,000 setiap sebuah rumah pada tahun lepas. Saya mohon penjelasan kerajaan, setakat ini adakah kerajaan mendapat maklum balas sejauh mana bantuan ini dapat dilaksanakan dan berapa peratuskah kemudahan ini belum dilaksanakan walaupun telah lama diluluskan?

Terima kasih juga kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada golongan nelayan dan petani yang rata-rata terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah dengan memberi bantuan baja contohnya, anak pokok dan sebagainya kepada petani dan pekebun dan juga ada sesetengahnya yang menternak ikan keli. Kalau dikatakan oleh orang kampung, dulu ikan keli menjadi macam satu...

■1730

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup setakat itu dulu Yang Berhormat kerana waktu kita sekarang tepat pukul 5.30 petang. Esok Yang Berhormat sambung balik ucapan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Masalah Sisa Nuklear Malaysia

5.31 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan ucapan penangguhan saya bertajuk Masalah Sisa Nuklear Malaysia.

Agensi Nuklear Malaysia telah merencanakan Pelan Infrastruktur Pembangunan pada tahun 2013 untuk membangunkan pusat jana kuasa elektrik yang pertama menjelang tahun 2021. Kerajaan dijangka memuktamadkan pelan pembinaan dua unit loji jana kuasa nuklear walaupun negara ini mempunyai 40 peratus simpanan tenaga. Kontrak yang ditawarkan dikatakan bernilai RM22.3 bilion yang dijangka dengan mudah boleh meningkat kepada RM60 bilion hingga RM80 bilion sebelum projek itu dapat disiapkan. Ramai pakar berpendapat bahawa kita tidak perlu tergesa-gesa memulakan projek tenaga nuklear apabila Malaysia sudah pun menikmati sebanyak 40 peratus rizab tenaga. Adakah bijak melabur berbilion-bilion ringgit untuk tenaga nuklear apabila pelaburan wajar dibuat untuk memperbaharui tenaga alternatif yang lebih cekap dan selamat?

Ramai orang menyuarakan pelan tersirat kerajaan untuk membina loji nuklear tersebut dan dikhuatiri ini menjadi seperti projek Lynas. Pusat simpanan sisa radioaktif aras rendah dan sisa punca radioaktif terkedap telah dibina di Bangi secara senyap-senyap dan dapat menampung penstrukturan sisa sehingga tahun 2025 yang merupakan strategi penstrukturan jangka pendek. Maka, adalah mustahak satu perancangan dibuat untuk membangunkan kemudahan bagi melupuskan sisa tersebut.

Namun demikian, sisa nuklear ialah sesuatu yang kita tidak mahu. Adalah dicadangkan agar kerajaan berusaha mencari alternatif kepada masalah tenaga negara dan tidak beralih kepada penggunaan kuasa nuklear. Banyak lagi sumber tenaga alternatif yang dapat kita gunakan sebagai pilihan. Namun, industri misalnya seperti nuklear lebih mendapat perhatian pemerintah.

Kita wajar mencari alternatif yang lebih selamat kepada manusia dan alam sekitar. Jangan jadikan Malaysia negara pembuangan sisa nuklear. Aktiviti-aktiviti yang menghasilkan sisa nuklear juga harus dipantau dari semasa ke semasa. Kemungkinan berlakunya bencana nuklear di Malaysia tidak boleh ditolak yang boleh berpunca daripada kesilapan manusia seperti yang berlaku di Chernobyl, Sellafield dan Three Mile Island oleh pegganas atau bencana alam.

Terdapat beberapa ketidaktentuan geologi pada margin barat Lingkaran Api Pasifik dekat dengan lingkungan kawasan gempa bumi Indonesia dan Filipina di mana pakar tidak boleh mentafsirkan dengan tepat. Malaysia juga telah merasai gegaran gempa bumi dan terkesan dengan tsunami. Oleh itu, kemungkinan gempa bumi yang dahsyat atau tsunami yang besar berlaku di negara ini pada masa akan datang tidak boleh diketepikan.

Maka, kenapakah kerajaan membina loji jana kuasa nuklear secara senyap tanpa memberitahu rakyat terlebih dahulu? Di mana dan bagaimana rancangan kerajaan untuk melupuskan bahan buangan nuklear yang beradioaktif yang kekal untuk beribu-ribu tahun apabila industri nuklear dan negara-negara maju tidak pernah menemui penyelesaian untuknya. Loji jana kuasa nuklear menghasilkan sisa radioaktif yang membawa maut akan kekal beradioaktif untuk beribu-ribu tahun.

Apa-apa cadangan untuk meneruskan pembangunan tenaga nuklear di negara ini sepatutnya didebat di hadapan rakyat dan sebaik-baiknya diadakan referendum. Kerajaan tidak boleh membuat keputusan muktamad hanya berdasarkan laporan yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan dan perlu ditimbang secara mendalam.

Lebih kos efektif bagi kerajaan menggunakan sumber terhad negara bagi penyelidikan dan pembangunan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti solar, angin, geotermal dan air. Membuang sisa nuklear dan radioaktif ke dalam laut dan tanah dalam masa terdekat akan membiarkan ia memasuki rantai makanan. Akhirnya, tubuh manusia akan membawa kepada risiko kesihatan yang ngeri. Ia akan menjejaskan sistem imun, menyebabkan ketidaksuburan serta kecacatan kelahiran dan melambatkan pertumbuhan fizikal dan mental.

Sebaliknya, melabur berbilion-bilion ringgit untuk kuasa nuklear, tidak kira apa pun, memilih untuk tenaga yang boleh diperbaharui seperti solar, angin, geotermal dan air masih menjadi pilihan yang terbaik bagi negara kecil seperti Malaysia. Kos tenaga nuklear dunia semakin meningkat manakala kos tenaga boleh diperbaharui telah menurun. Ahli politik tidak harus mempunyai kepentingan jangka pendek. Sisa nuklear adalah satu 'legasi'. Ia akan diwariskan kepada generasi yang akan datang. Mereka harus dilindungi dan diselamatkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang telah mengemukakan ucapan penangguhan kepada MOSTI, dan saya amat hairan apabila meneliti ucapan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin ini. Ucapan yang tidak bermas langsung. Ucapan yang kosong yang hanya merupakan satu pembacaan yang dengkel kerana kita tidak pernah menyembunyikan sesuatu dalam pusat penyelidikan nuklear kita. Kita juga tidak pernah berbohong kepada rakyat dan kita juga tidak pernah menceritakan sesuatu yang tidak kita buat kepada rakyat. Jadi saya melihat ucapan penangguhan ini hanya membuang masa dan membuat tuduhan yang melulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingat kita kena tengok dulu ucapan ini kerana saya sekali lagi menyatakan ucapan ini ucapan atau teguran yang amat melulu, kosong dan tidak bermanfaat kepada rakyat Malaysia.

Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji nuklear. Aktiviti yang sedang dilaksanakan sekarang tertumpu kepada kajian perundangan dan kawal seliaan atau dengan izin, *legal and regulatory study* dan kajian kemungkinan atau dengan izin, *feasibility study* dan Pelan Pembangunan Struktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*. Nanti kalau kita tidak buat kajian, dia kata kita tidak buat kajian pula. Yang kita buat merupakan kajian untuk menjadi negara yang *chemical ready* yang mana perkara-perkara ini, nuklear ini bukan sahaja boleh digunakan untuk apa yang dikata tadi, nuklear banyak digunakan dalam bidang kesihatan, dalam bidang kejuruteraan dan dalam bidang perubatan.

Melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini telah dimaklumkan dalam Parlimen berdasarkan soalan-soalan yang telah dibangkitkan. Saya juga telah banyak kali menjawab soalan ini di Parlimen. Maka, tidak timbul isu kerajaan menjalankan aktiviti ini secara senyap-senyap seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat memerintah negara ini nanti hendak buat banyak kepentingan senyap-senyap saya tidak tahulah.

■1740

Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak buatlah perkara-perkara itu. Kajian bulanan dan kawal seliaan telah dimulakan pada tahun 2011. Biar saya ceritakan sejarahnya. Kajian tersebut telah disiapkan pada Disember 2013. Dengan ini hasil tersebut telah diteliti oleh kerajaan manakala kajian kemungkinan dan NPIDP telah dimulakan pada tahun 2012 dan masih dilaksanakan. Skop kajian kemungkinan tersebut termasuk analisis sistem pembekalan elektrik yang mengambil kira aspek margin simpanan elektrik atau dengan izin, *reserve margin* untuk tempoh jangka panjang. Kos laluan untuk pembinaan loji jana kuasa termasuk dalam kajian kemungkinan ini kosnya ialah RM21.3 juta adalah hanya anggapan awal dan kos pelaburan semasa pengurusan *progress* untuk Program Transformasi Ekonomi.

Untuk makluman margin simpanan pada Jun 2011 hanyalah 24.6 peratus berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga. Ini *the real data*. Jangan ambil data yang bukan-bukan daripada web yang bukan-bukan.

Pada asasnya pertimbangan mengenai penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik bergantung kepada kebolehsaingan kosnya, atau dengan izin, *cost competitiveness* berbanding dengan sumber tenaga lain. Kita pun faham, kita buat banyak kajian solar panel kita buat, *renewal energy* kita buat. Yang Berhormat semua apa Yang Berhormat cakapkan kita sudah buat pun sebelum Yang Berhormat cakap. Kajian kemungkinan terbut juga merangkumi aspek pengurusan sisa radioaktif dan nuklear untuk jangka masa panjang.

Kita faham, kita mempunyai pakar sedangkan penasihat radioaktif di Bangsa-bangsa Bersatu di UNESCO itu juga daripada orang Malaysia. Kita mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Takkanlah kita pakar dan orang luar negeri menjadikan rujukan kita tidak buat dekat negara kita sendiri. Tidak tahulah kalau pihak Yang Berhormat esok memerintah mungkin menjadi orang yang tidak pakar membuat kerjakan. Hancur negara ini esok dinuklearkan.

Aspek keselamatan yang menyeluruh juga diambil kira dalam semua kajian yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk penerangan dan kawal seliaan, penilaian teknologi kuasa nuklear, pengurusan radioaktif dan nuklear, kitaran bahan nuklear, pengoperasian dan teknologi nuklear, liabiliti nuklear, modal insan yang kompeten dan perkara-perkara lain yang berkaitan juga diambil kira.

Walau bagaimanapun, kajian penilaian tapak belum dilaksanakan. Yang Berhormat jangan risau tetapi kalau kena kawasan Yang Berhormat saya pasti tidak kena dalam kawasan Yang Berhormat. Lazimnya kajian penilaian tapak ini perlu mengambil kira data pelbagai ciri tapak tersebut sekurang-kurangnya untuk 100 tahun ke belakang. Ini kerana tempoh hayat loji nuklear terkini 60 tahun ke 80 tahun. Kita pun pandai bab itu. Ciri-cirinya termasuk demografi, metrologi, *seismic* dan tektonik, geologi dan geoteknik, gemografi, ikonografi, hidrologi, hidrologi kimia, geokimia, geofizik, alam sekitar, arkeologi serta aktiviti manusia. Semua loji-loji itu kita akan ambil kira. Untuk siri *seismic* dan tektonik data perlu diambil kira, mungkin hingga 1000 tahun ke belakang terutama bagi rantau yang mempunyai *seismic* dan tektonik yang agak aktif.

Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan atau dengan izin, *stakeholder* termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya akan dilaksanakan pada tahun ini. Hasil tinjauan pendapat umum juga akan diambil kira dalam membuat keputusan yang akan datang. Ini pun baru sedikit, bukan hendak jadi negara nuklear Yang Berhormat. Jangan risau sangat.

Selain daripada pertimbangan terhadap kadar penggunaan tenaga nuklear ini, pembangunan sumber manusia sumber tenaga boleh diperbaharui juga ditekankan. Penekanan ini adalah berdasarkan dan berlandaskan kepada Dasar Baru Tenaga 2011-2013 seperti mana yang terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada tahun 2010.

Dasar Baru Tenaga ini telah menyatakan yang pembangunan tenaga nuklear akan dipertimbangkan sebagai sumber tenaga jangka panjang untuk penjanaan elektrik khususnya di Semenanjung bagi memastikan bekalan yang ada dan keberkesanan kos dengan izin ataupun kos efektif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai pusat simpanan sisa rendah dan radoaktif terkedap yang dibina di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi ingin saya memberi penjelasan berikut. Saya ingat Yang Berhormat boleh buat catatan atau baca *Hansard* kemudian. Agensi Nuklear Malaysia sentiasa membantu kerajaan dan agensi dalam pengurusan sisa radioaktif daripada aktiviti penyelidikan, pembangunan, perubatan dan industri kecuali sisa radioaktif dari loji jana kuasa nuklear. Kita juga bantu kalau ada sisa yang datang daripada industri dalam Malaysia.

Namun begitu, agensi nuklear boleh membantu daripada segi kepakaran dalam rangka sebagai *technical support organization* dalam menguruskan sisa radioaktif aras tinggi termasuk sisa radioaktif nuklear jana kuasa nuklear dan agensi juga bertanggungjawab bagi sisa radioaktif aras tinggi. Kalau ada sisa, ada kena ikut dan akhirnya ia akan merujuk kepada kita setiap langkah yang diambil. Walau bagaimanapun untuk sisa radioaktif aras tinggi cara pengurusan sisa tersebut adalah bergantung kepada polisi sesebuah negara.

Sebagai contoh di Jepun sisa radioaktif yang dihasilkan oleh operasi operator-operator loji dijana kuasa nuklear akan diuruskan oleh konsortium yang ditubuhkan oleh operator-operator tersebut. Dia dengan dia *join* dan dibuat satu *organization*. Manakala bagi Japan *Atomic Energy Agency*, sebuah badan penyelidikan Kerajaan Jepun pula menguruskan sendiri sisa radioaktif yang dihasilkan. Perancis juga menubuhkan syarikat kerajaan bagi mengurus semua hasil radioaktif yang dihasilkan sama ada aras rendah, aras sederhana atau aras tinggi. Manakala di Sweden pula operator loji jana kuasa nuklear akan menguruskan sisa radioaktif yang dihasilkan sama ada aras rendah, aras sederhana atau aras tinggi. Namun begitu, tempat pelupusan ataupun *repository* adalah berlainan bagi sisa radioaktif aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pusat pengurusan sisa radioaktif di Agensi Nuklear Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1983 dengan terbinanya sebuah reaktor nuklear penyelidikan pada tahun 1982. Pada tahun 1982 kita buat, tahun 1983 kita sudah bina pengurusan radioaktif begitu aktif kita yang dikuatkuasakan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984.

Tujuan utama penubuhannya adalah untuk melindungi pekerja dan orang ramai dan alam sekitar daripada bahan sinaran ion melalui pengurusan sisa radioaktif yang berkesan dan bersepadu atau *integrated*. Bagi mencapai dan mengekalkan loji aktif ini, setiap kakitangan diberi latihan khusus supaya mereka mempunyai pengetahuan dan mampu menangani sebarang masalah berkaitan dengan radioaktif. Kita mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam bidang ini.

Pengurusan sisa radioaktif yang ditawarkan di pusat ini memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Akta Sinaran Tenaga Atom 1984. Pusat ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk perkhidmatan dan perundingan yang berkaitan dengan pengurusan sisa radioaktif serta menerima sisa-sisa radioaktif aras rendah, sederhana dari hospital. Seperti saya cakap tadi dari industri petrokimia, industri simen dan industri plastik yang mampu menampung penyimpanan sisa radioaktif berkenaan hingga tahun 2025 yang merupakan strategi penyimpanan sisa radioaktif jangka pendek.

Isu ketidaktelusan yang dibangkitkan Yang Berhormat dalam isu pengurusan sisa radioaktif aras rendah dan aras sederhana tidak timbul kerana Agensi Nuklear Malaysia telah wujud 40 tahun yang lalu dan telah menerima lawatan daripada lawatan daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa reaksi negatif. Agensi Nuklear Malaysia juga bertanggungjawab menentukan pelupusan sisa radioaktif teratur dan memenuhi piawaian antarabangsa. Pada masa ini Agensi Nuklear Malaysia sedang melaksanakan kajian pelupusan sisa pepejal aras rendah dan aras sederhana meliputi kajian soal tapak untuk *repository* kebangsaan bagi sisa aras rendah, sisa nuklear, pengurusan teknologi terma dan kaedah merawat sisa yang dihasilkan daripada pemprosesan *thorium* yang sedang kita selidik sekarang.

Walau bagaimanapun, siri kajian terperinci untuk mengenal pasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara sekiranya Projek Loji Jana Kuasa Nuklear yang dilaksanakan oleh *Malaysia Nuclear Power Corporation* atau MNPC dan perkara ini perlulah dirujuk di bawah MNPC di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Sekian Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita bersurai atau sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa esok Selasa, 24 Jun kita masih ada tiga orang yang mahu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 iaitu Datuk Hajah Rohani binti Abdullah, sambung balik esok Yang Berhormat ya. Dato' Adam bin Abdul Hamid dan Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Selepas itu kita akan meminta pihak kementerian untuk menjawab. Jadi dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 24 Jun 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.]